

**Bil. 13**

**Khamis  
10 Oktober 2013**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL PERTAMA  
MESYUARAT KEDUA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL PERTAMA  
MESYUARAT KEDUA**

---



---

<b>Bil. 13</b>	<b>Khamis</b>	<b>10 Oktober 2013</b>
----------------	---------------	------------------------

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 6)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013	(Halaman 28)
<b>USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 28)
Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M. 15(3)	(Halaman 87)
<b>UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:</b>	
■ Rumah Mesra Rakyat – Y.B. Dr. Syed Husin Ali	(Halaman 87)

10 Oktober 2013

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Doris Sophia ak Brodi
3. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
4. “ **Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman (Dilantik)**
5. “ Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
6. “ Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar – *Senator*  
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
7. “ Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
8. “ Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md Hanipah - *Senator*  
- *Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan*  
*Kepenggunaan*
9. “ Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
10. “ Tuan Baharudin bin Abu Bakar (Dilantik)
11. “ Dato' Boon Som a/l Inong (Dilantik)
12. “ Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah (Selangor)
13. “ Puan Chew Lee Giok (Dilantik)
14. “ Tuan Chiew Lian Keng (Dilantik)
15. “ Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
16. “ Datuk Chiw Tiang Chai (Dilantik)
17. “ Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
18. “ Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
19. “ Dato' Sri Iris Jala @ Idris Jala (Dilantik) – *Senator*  
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
20. “ Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman (Dilantik)
21. “ Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh (Dilantik)
22. “ Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
23. “ Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya (Sabah)
24. “ Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
25. “ **Dato' Khairudin bin E.S. Abd Samad (Dilantik)**
26. “ Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Senator*
27. “ Tuan Lihan Jok (Sarawak)
28. “ Dato' Lim Nget Yoon (Pahang)
29. “ Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan - *Senator*  
- *Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan*
30. “ **Datuk** Dr. Lucas bin Umbul (Sabah)
31. “ Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
32. “ Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Senator*
33. “ Dato' Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Senator*
34. “ **Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor (Dilantik)**
35. “ **Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam (Melaka)**

36. “ Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
37. “ Dato’ Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
38. “ **Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omardin (Dilantik)**
39. “ Dato’ Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
40. “ Dato’ Nallakaruppan a/l Solaimalai (Dilantik)
41. “ **Datuk Hajah Noriah Binti Mahat (Dilantik)**
42. “ Puan Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
43. “ Datuk Pau Chiong Ung (Dilantik)
44. “ Datuk Paul Low Seng Kuan - *Senator*  
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
45. “ Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah (Dilantik)
46. “ Puan Hajah Rohani binti Abdullah (Terengganu)
47. “ Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman (Pahang)
48. “ Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal (Dilantik)
49. “ Datuk Haji Saat bin Haji Abu (Melaka)
50. “ Tuan Saiful Izham bin Ramli (Kedah)
51. “ Datuk Subramaniam a/l Veruthasalam (Dilantik)
52. ” Dato’ Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
53. “ Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
54. “ Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud (Pulau Pinang)
55. “ Tuan Waytha Moorthy Ponnusamy – *Senator*  
- *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
56. “ **Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas (Dilantik)**
57. ” Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Dilantik)
58. “ To’ Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin (Terengganu)

**DEWAN NEGARA**

**Ketua Pentadbir Parlimen**  
Dato' Lamien bin Sawiyo

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**  
Encik Che Seman bin Pa Chik

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (*HANSARD*)

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd Hassan  
Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail  
Suriyani binti Mohd. Noh  
Aisyah binti Razki  
Yoogeswari a/p Muniandy  
Nor Liyana binti Ahmad  
Zatul Hijanah binti Yahya  
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir  
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan  
Hafilah binti Hamid  
Siti Norhazarina binti Ali  
Mulyati binti Kamarudin  
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli  
Sherliza Maya binti Talkah  
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan  
Azmir bin Mohd Salleh  
Nur Nazihah binti Mohd. Nazir  
Noraidah binti Manaf  
Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil  
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa  
Nor Kamsiah binti Asmad  
Siti Zubaidah binti Karim  
Aifarina binti Azaman  
Noorfazilah binti Talib  
Farah Asyraf binti Khairul Anuar  
Julia binti Mohd. Johari  
Syahila binti Ab Mohd Khalid  
Siti Norlina binti Ahmad  
Hazwani Zarifah binti Anas  
Siti Aishah Md Nasir

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL PERTAMA**  
**MESYUARAT KEDUA**

**Khamis, 10 Oktober 2013**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) kedudukan dan ekuiti Khazanah Nasional Berhad kini; dan
- (b) apakah nama-nama saham milik Khazanah Nasional Berhad yang dijual dan berapakah jumlahnya serta kaedah penjualan saham tersebut.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat 31 Disember 2012, jumlah dana pemegang saham Khazanah Nasional Berhad adalah RM26,980 juta atau RM26.98 bilion. Manakala nilai aset boleh direalisasi atau nilai aset nyata Khazanah pula berjumlah RM121,439 juta atau RM121.439 bilion. Pemegang saham ialah 99% Menteri Kewangan Diperbadankan dan 1% oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

Di antara tahun 2004 sehingga 2012, Khazanah telah melupuskan sejumlah 55 aset dan syarikat yang menghasilkan dana jualan berjumlah RM35.7 bilion, menjana keuntungan berjumlah RM15.7 bilion. Pelaburan dan perdagangan Khazanah melibatkan 14 negara utama iaitu Turki, India, China, Singapura, Amerika Syarikat, United Kingdom, Arab Saudi, Indonesia, Thailand, Pakistan, Sri Lanka, Bangladesh, Cambodia, Brunei dan beberapa negara Timur Tengah. Beberapa aset tidak teras yang dilupuskan secara keseluruhannya sama ada secara tender terbuka atau tender terhad telah diambil alih pemilikannya oleh usahawan yang dinamik dan berkemampuan. Pegangan tidak teras aset pula dilupuskan secara berhemah melalui penjualan di pasaran saham.

Senarai beberapa transaksi penjualan aset utama yang telah dilaksanakan oleh Khazanah bagi tahun 2010 sehingga 2013 adalah seperti berikut.

- (i) melalui tender terbuka, pelupusan pegangan dalam Time Engineering Berhad sebanyak 45.03% pada tahun 2013;
- (ii) melalui tender terhad, pelupusan pegangan dalam Proton Holdings Berhad sebanyak 42.74% pada tahun 2012; tiga pelupusan pegangan pada tahun 2011, masing-masing dalam PLUS Expressway Berhad 54%, POS Malaysia Berhad 32.21% dan EON Capital Berhad 10%; dan
- (iii) melalui pasaran saham, dua pelupusan pegangan pada tahun 2012 dalam Malaysia Airport Holdings Berhad sebanyak 8.8% dan Tenaga Nasional Berhad 1.1% dan tiga pelupusan pegangan pada tahun 2010, masing-masing dalam Malaysia Airport 6%, Telekom Malaysia 5% dan CIMB Group Holding 2%.

Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Pertama, bagaimana pelan pelaburan menjelang 2020, pertama. Kedua, bagaimanakah kedudukan atau prestasi kewangan Khazanah Nasional. Sila nyatakan keuntungannya? Ketiga, adakah Khazanah Nasional membayar zakat? Kalau bayar, berapa jumlahnya, kalau tidak bayar, kenapa?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tiga soalan itu Yang Berhormat Timbalan Menteri.  
[Ketawa]

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman Bakar. Angka-angka yang ada di hadapan saya ini saya akan kongsi seperti Penyata Tahunan Kewangan Berakhir 31 Disember 2012 yang kita telah berikan kepada umum, *The Khazanah Report 2012*, dengan izin. Di antara perkara-perkara petunjuk di dalamnya yang disebut bahawa pada tahun 2012, pendapatan RM5.324 bilion, keuntungan sebelum cukai RM2.007 bilion, cukai dan zakat RM188 bilion. Keuntungan bersih bagi tahun berkenaan RM1.889 bilion. Cukai tadi RM188 juta. Keuntungan bersih RM1.889 bilion, kita bagi dividen yang diisytiharkan RM1 bilion. Keuntungan bersih bagi tahun berkenaan, 2012 selepas ditolak dividen, RM889 juta tetapi keuntungan bersih yang selalu disebut ialah RM1.889 bilion dan ini setelah disebut, ditolak cukai dan zakat dan untuk pada masa akan datang kita akan meneruskan pelaburan-pelaburan di luar negara. Setakat ini baru 10% pelaburan, 90% adalah di dalam negara.

Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuka *office*, pejabat perwakilan, *representative office* di San Francisco, Amerika Syarikat.

#### ■1010

Pada sebelum itu, pada tahun 2008 kita telah membuka *office* di Beijing. Pada tahun 2009 di Mumbai, India dan kita akan meneruskan pelaburan-pelaburan yang menguntungkan. Baru-baru ini disebut bahawa Khazanah tidak melaporkan, sebenarnya Khazanah melaporkan segala penyata pendapatannya dalam masa sembilan tahun. Melalui sidang media, kita nyatakan prestasi kewangan dan pelaburan-pelaburan strategik yang ingin dilaksanakan.

Kemudian, kita juga menghantar penyata kewangan kepada SSM yang mana pihak umum boleh mendapatkan akses kepada segala laporan-laporan itu. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Duduk dahulu Yang Berhormat. Sebelum saya menjemput seorang daripada Ahli Yang Berhormat untuk mengemukakan soalan tambahan, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat bahawa ada bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini ialah ketua-ketua masyarakat, ketua-ketua kaum, ketua-ketua kampung dari Parlimen Batang Lupar, Parlimen Sri Aman dan Parlimen Lubok Antu. [*Tepuk*] Oleh itu, bersama Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, saya mengalu-alukan kehadiran semua. Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Dato' Boon Som.

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri yang menjawab soalan tadi. Soalan tambahan saya adalah berapakah aset Khazanah yang belum dilupuskan lagi dan berapakah nilainya dan berapa pula aset yang akan dilupuskan dalam masa terdekat ini, kalau boleh bagi nama sekali. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Soalan itu adalah soalan yang spesifik, saya ingin menjawab secara umum. Secara dasarnya yang kita lupuskan dan berhasrat untuk lupuskan ialah aset tidak teras ataupun yang disebut dengan izin, *non core assets* dan pegangan pelaburan tidak teras ataupun dengan izin, *non core holdings*. Itu dari segi kaedah-kaedahnya. Aset tidak teras ini merupakan aset yang tidak menyediakan perkhidmatan asas atau strategik dan turut dimiliki oleh sektor swasta, dengan lain perkataan kita tidak mahu menyempitkan peluang syarikat-syarikat swasta dalam kategori-kategori tertentu dan kemudian kita lupuskan aset yang berkaitan kalau berlaku *crowding out* dengan izin, menyempitkan peluang kepada pihak swasta.

Kemudian yang kedua yang kita lupuskan adalah pegangan pelaburan tidak teras. Ini kita kurangkan jumlah pegangan dalam aset yang teras itu apabila nilai telah dicipta dan syarikat-syarikat tersebut - tetapi masih mempunyai pegangan dalam aset berkenaan. Nilai-nilainya itu ada pelbagai, contohnya daripada 2004 hingga 2012, bilangan transaksi ada 95 transaksi pelaburan. Jumlah pelaburan RM51.4 juta dan pelupusan, bilangan transaksi 55, hasil pelupusan RM35.7 bilion dan keuntungan atas jualan RM15.7 bilion. Kita tidak ada membuat sebarang kenyataan untuk melupuskan mana-mana aset pada masa akan datang sehinggalah pada waktunya.

**2. Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan yang sedang diambil oleh kerajaan untuk membasmi gejala gengsterisme dan apakah tindakan jangka panjang bagi memastikan generasi muda tidak terjebak dalam gejala ini.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan nombor dua pada pagi ini. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam bahagia, selamat pagi dan salam 1Malaysia.



Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kegiatan gengsterisme dalam negara kita ini hangat diperkatakan oleh pelbagai pihak dan lapisan masyarakat. Ianya juga menjadi topik hangat yang dibincangkan dalam forum, seminar dan juga dalam perbahasan di Dewan-dewan Parlimen. Pelbagai senario kejadian yang mempunyai hubung kait dengan tindakan gengsterisme seperti penggunaan senjata api, pemerasan, ugut, rompakan, pelacuran, kejadian perjudian haram disiarkan saban hari di media cetak dan elektronik di seluruh negara.

Hasil daripada risikan dan juga siasatan yang dijalankan terhadap semua kes pembunuhan yang menggunakan senjata api, kebanyakan kes tersebut telah dilakukan oleh kumpulan ini sama ada berebut kawasan operasi ataupun pertelingkahan berkaitan aktiviti pengedaran dadah. Daripada 38 kes pembunuhan yang dilaporkan pada tahun ini, 22 kematian berpunca daripada kegiatan kongsi gelap dan gengsterisme. Bagi mengekang kegiatan gengster ini dari terus berleluasa, pihak polis telah melancarkan Ops Cantas Khas pada 17 Ogos 2013.

Ini bertujuan membuat pengesanan, pemantauan dan pencegahan aktiviti-aktiviti kumpulan kongsi gelap dan gengster ini. Hasil daripada operasi yang dijalankan sehingga 7 Oktober 2013, seramai 418,922 orang yang telah disyaki telah dibuat tapisan. Jadi, ini untuk menafikan bahawa bukan kita kata semua yang 400 ribu itu gengster Yang Berhormat. Sebanyak 15,877 orang telah ditangkap, sejumlah 469 senjata berbahaya serta 678 buah kenderaan telah dirampas.

Kejayaan yang paling ketara dalam tempoh operasi ini dijalankan adalah penurunan jenayah indeks terutama kes-kes yang melibatkan jenayah kekerasan seperti bunuh yang menurun hampir 33%, daripada 104 kes kepada 69 kes dalam tempoh 52 hari operasi dijalankan. Di samping itu, sebanyak 352 kertas siasatan telah dibuka di bawah Akta Pertubuhan 1966, 62 kes fail dibuka di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 dan sebanyak 144 kertas siasatan telah dibuka di bawah kesalahan senjata api atau senjata berjadual. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 120 kes telah dituduh di mahkamah atas kesalahan berkaitan senjata api dan senjata berjadual.

Pihak polis sentiasa memantau aktiviti dan kegiatan kumpulan-kumpulan samseng yang bergerak aktif di seluruh negara. Di antara langkah yang diambil untuk membanteras aktiviti samseng ialah:

- (i) meningkatkan mendapat risikan maklumat untuk mengenal pasti lokasi dan aktiviti kumpulan gengster yang terlibat dengan perlakuan jenayah seluruh negara;
- (ii) mengesan, menangkap dan mendakwa ahli-ahli samseng yang terlibat dalam kegiatan jenayah di bawah undang-undang sedia ada mengikut kesalahan yang dilakukan;

- (iii) menjalankan pemantauan ke atas semua bekas tahanan di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah) 1969; dan
- (iv) bekerjasama dengan negara-negara jiran melalui perkongsian maklumat bagi mengesan *mastermind* dan *kingpin* yang melarikan diri ke negara tersebut atau yang menjadikan negara berkenaan sebagai markas operasi kumpulan tersebut.

Dengan adanya langkah-langkah di atas, pihak polis berkeyakinan penuh aktiviti serta kegiatan kumpulan samseng ini dapat dibanteras atau dilumpuhkan. Selain daripada itu, penglibatan masyarakat amat penting untuk bersama membanteras kegiatan kumpulan samseng ini dengan menyalurkan maklumat yang berterusan kepada pihak polis. Terima kasih.

**Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Menteri atas jawapan tadi. Soalan tambahan saya, baru-baru ini ada pengumuman bahawa polis akan bekerjasama dengan pihak sekolah untuk membanteras jenayah. Namun demikian, program ini telah diamalkan sejak tahun 2005 di mana seorang pegawai polis dilantik sebagai pegawai perhubungan sekolah. Apakah kejayaan yang telah dicapai sehingga kini melalui program kerjasama polis dengan pihak sekolah? Terima kasih.

■1020

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagai menjawab, saya kembali ke belakang sedikit, berhubung dengan tindakan-tindakan kerajaan yang secara holistik untuk menangani masalah penglibatan belia, terlibat dengan gejala gengsterisme di seluruh negara. Kerajaan telah mengambil langkah bagi memastikan golongan muda tidak terjebak dengan anasir-anasir negatif, dengan melaksanakan program-program seperti berikut.

Di institusi pengajian tinggi awam dan swasta, program PALAPES, SUKSIS, Rakan Muda, Rakan Muda Antidadah, Skuad Muda 1Malaysia. Kedua, sekolah-sekolah menengah pula, program yang dilaksanakan adalah program Sayang Hidup Elak Derita Selamanya (SHIELDS). Macam nama *spy*, bagi memberi kesedaran bahaya dadah kepada pelajar. Selain itu, aktiviti kokurikulum menjurus kepada membentuk siasah pelajar menjadi insan yang kamil seperti Kadet Polis, Kelab Pencegahan Jenayah, JPAM, Persatuan Bulan Sabit dan banyak lagi NGO-NGO di luar sana melibatkan belia untuk menangani masalah-masalah negatif di kalangan belia.

Berhubung dengan persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator tadi, polis masih menjalankan aktiviti-aktiviti menerusi sekolah-sekolah dan universiti-universiti pada masa sekarang ini dengan hebatnya. Di samping itu, polis juga telah menubuhkan satu skuad terdiri daripada golongan wanita yang akan mendekati sekolah-sekolah dan universiti, supaya memberi maklumat-maklumat yang terkini dan tertentu. Ini supaya pelajar-pelajar di peringkat sekolah dan universiti tidak terlibat dengan gengster, khususnya terlibat dengan pengedaran dadah yang ada hubung kaitnya dengan gengsterisme.

Di samping itu juga, saya menyeru masyarakat umum supaya terlibat secara terus untuk menangani masalah ini dengan memperkuat institusi kekeluargaan, keibubapaan, budaya-budaya lama yang dah lama kita tinggalkan iaitu budaya tegur-menegur. Kadang-kadang dulu kalau si anak memberitahu kepada si ayah pada zaman 50-an dan 60-an, zaman saya yang dia dipukul oleh cikgu. Dia balik ke rumah beritahu kepada bapa, satu kali cikgu pukul, bapa pukul tiga kali. Akan tetapi sekarang kalau anak beritahu, bapa bawa peguam, ada yang bawa pemukul hendak pukul cikgu. Budaya ini kena tukar semula, gunalah budaya Asia Timur atau Timur yang baik, yang tinggi nilainya ini semula ke dalam masyarakat kita.

Ini supaya tegur-menegur ini dilaksanakan dan jangan terus melenting apabila anak kita ditegur oleh pihak lain. Tanya dahulu apa kesalahan-kesalahannya, baru kita boleh menegakkan kebenaran dalam masyarakat. Dengan keadaan sedemikian, mengembalikan budaya lama yang banyak kebaikannya, dengan izin *aping the western culture* yang sangat bertahap individualisme yang kita amat agung-agungkan sekarang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mengucapkan tahniah kepada pasukan polis, khususnya dalam Ops Cantas yang berjaya hampir setengah juta orang disiasat dan 15 ribu lebih yang dikenal pasti sebagai gengsterisme ataupun kongsi gelap. Pertanyaan tambahan saya, seperti mana yang berlaku dalam Ops Cantas, ada pegawai polis yang terbunuh, diserang balas dengan hentakan benda keras sehingga membawa kematian. Ini menunjukkan kepada kita bahawa kebolehan dan profesionalisme pasukan polis yang menyertai operasi seperti ini, tahap profesionalismenya masih rendah.

Jadi pertanyaan saya, apakah tindakan pihak kerajaan untuk memastikan pegawai-pegawai polis ini mempunyai profesionalismenya dalam bidang ini di tahap yang tinggi, supaya keselamatan dirinya dan keselamatan orang awam dapat dijaga dengan sepenuhnya dalam keadaan-keadaan yang seperti ini.

Kedua, Yang Berhormat menyebut tadi empat langkah diambil untuk mengatasi gengsterisme ini. Semua langkah itu memang baik. Cuma satu langkah lagi iaitu penglibatan masyarakat. Saya melihat sekarang ini, penglibatan masyarakat terutama ibu bapa yang anak remaja mereka ataupun anak muda mereka yang terlibat dengan dadah dan gengsterisme ini, kurang kempen.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh pendekkan, buat secara spesifik.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Ya, saya akan pendekkan Tuan Yang di-Pertua. Boleh mengurangkan, kurang kempen kesedaran yang dilakukan melalui media-media elektronik terutama RTM dan sebagainya. Apakah langkah yang akan diambil oleh kerajaan supaya kehendak Yang Berhormat tadi, supaya kembali kepada generasi lama masyarakat agar jenayah ini dapat kita banteras dengan cepat. Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa terkilan, terpanggil dan teruja dengan soalan tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan menjawab Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Saya menunggu-nunggu soalan ini. Soalan inilah yang saya tunggu orang bertanya pada saya. Saya memang amat bersetuju. Satu persoalannya ialah soal profesionalisme polis. Pertama, saya hendak sebutkan sedikit, tidak ada pernah dalam dunia ini berlakunya kumpulan-kumpulan gengster, boleh menunjukkan diri dengan jelas dan nyata apabila salah seorang daripada anggotanya mati dibunuh oleh polis, dalam satu tembakan yang tidak boleh dielakkan. Berarak di jalan di khalayak ramai, hanya di sini berlaku, di Malaysia.

Bahkan pada tahun 1920 di Amerika, masa tingginya tahap gengsterisme di Amerika Syarikat semasa mafia pun, tidak pernah dibuat secara terbuka. Akan tetapi dibuat secara terbuka di sini. Menunjukkan di sini, bagaimana berani mereka oleh kerana tidak ada lagi undang-undang di tangan polis dalam pemikiran mereka boleh mengatasi mereka. Berani juga menggertak Ketua Polis Negara dan pegawai-pegawai polis lain dengan ancaman pembunuhan, seksaan dan pelbagai lagi. Jadi dalam keadaan sedemikianlah, kenapa kerajaan mengambil tindakan untuk meminda undang-undang yang kita bawa di Dewan ini, *insya-Allah* boleh diluluskan.

Yang dari kesan sejarah ini, profesionalisme polis memang kita dah wujud. Bahkan pada hari minggu, minta maaf, ini istilah orang Sarawak. Hari minggu istilah orang Sarawak itu hari Ahad. Saya orang Sarawak, Tuan Yang di-Pertua pun orang Sarawak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya faham Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua mesti faham, ramai yang tidak faham hari minggu. Dia kata hari minggu Isnin sampai Jumaat Tuan Yang di-Pertua. Jadi hari Ahad ini, Perdana Menteri telah menandatangani di antara Kerajaan Kanada dan Kerajaan Malaysia untuk membantu meningkatkan profesionalisme, bantuan teknikal, bantuan *expertise* kepada pihak-pihak polis kita. Saya baru balik daripada dua perbincangan ASEAN, di Brunei dan di Laos baru-baru ini, dua minggu lepas. Perbincangan macam mana kita boleh mendapat teknologi yang terkini, *expertise* yang terkini daripada pihak Korea, Jepun, China dan sebagainya, untuk membantu kita dalam mempertingkatkan profesionalisme polis yang telah sedia ada. Dengan mempertingkatkan, untuk mengatasi masalah gengsterisme dan jenayah di negara kita dan seluruh ASEAN khususnya.

Jadi Yang Berhormat, saya ucapkan terima kasih atas soalan itu. Tindakan diambil untuk mempertingkatkan semua peringkat, profesionalisme polis, tahap sokongan kepada polis dan sebagainya, dan peranan ibu bapa yang kedua. Itu saya amat setuju, saya hendak sebut tadi. Pihak polis di seluruh negara, kita akan beri arahan supaya berjumpa dengan pihak ibu bapa iaitu menerusi PIBG.

■1030

Saya menyeru semua ketua kaum termasuk yang daripada Batang Lupar dan Lubok Antu itu. Beritahu dengan masyarakat umum supaya terlibat dengan anak-anak kita, terlibat dengan aktiviti kampung, bermesyuarat bawa mereka di surau, di masjid, di gereja, di *temple*,

beritahu bahawa tidak ada kebaikan bangkit daripada penglibatan dengan gengsterisme ini. Jadi, kita membawa semua masyarakat supaya kita mengetahui institusi ibu bapa seperti mana yang saya sebutkan tadi diperkukuhkan. Ibu bapa kena tahu apa anak dia buat, di mana dia pergi, *the leadership you must take back*, daripada anak kita.

Soalan, apa dikatakan di negara orang Barat yang dipelopori pada tahun 1950-an iaitu *self-esteem* ini Tuan Yang di-Pertua, melalui evolusinya sendiri yang sekarang ini difikirkan semula oleh pihak Barat. Cendekiawan dan pemikir Barat mengatakan *self-esteem* ini mesti ada *leadershipnya*. Maknanya *parent must give the leadership back to themselves* supaya anak-anak ini dapat mengajar ibu bapa dia. Jadi, dalam keadaan sedemikian kita bersamalah dengan masyarakat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

3. **Datuk Pau Chiong Ung** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah nisbah bilangan doktor terhadap warganegara pada masa kini; dan
- (b) terdapat pihak menyatakan jumlah doktor negara tidak mencukupi manakala pihak yang satu lagi menyatakan bilangan doktor kita akan berlebihan, minta kementerian menjelaskan situasi sebenarnya.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Pau Chiong Ung. Ini soalan berkaitan dengan bilangan doktor dan nisbah doktor dengan warganegara. Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2012 nisbah pegawai perubatan pada penduduk di negara Malaysia adalah 1:758 penduduk. Nisbah tersebut masih belum mencapai nisbah yang disasarkan iaitu 1:400 penduduk selaras dengan nisbah yang diguna pakai oleh negara maju.

Nisbah tersebut dijangka akan dapat dicapai menjelang tahun 2020 dengan kadar pengeluaran graduan perubatan dari dalam dan luar negara pada masa sekarang adalah diunjurkan bahawa pada tahun 2020 nisbah doktor kepada penduduk ialah sebanyak 100:434. Setakat ini negara tidak menghadapi masalah lebih doktor. Pada tahun 2012 Tuan Yang di-Pertua, jumlah graduan yang keluar dan yang menjadi *houseman* ataupun doktor pelatih ialah 3,700 dan dijangka pada tahun ini 4,000 orang doktor baru akan keluar daripada universiti tempatan dan juga luar negara.

Oleh itu kementerian tidak akan menghadapi masalah tidak cukup doktor kerana doktor baru akan bertambah tiap-tiap tahun. Walau bagaimanapun KKM masih menghadapi kekurangan pegawai perubatan pakar. Sehingga sekarang Kementerian Kesihatan mempunyai 25,666 doktor dan di antara mereka seramai 3,598 adalah doktor pakar. Pada keseluruhan dalam negara, jumlah doktor kesemuanya termasuk yang bekerja dengan Kementerian Kesihatan, *private*, swasta dan juga lain-lain kementerian, jumlah semua adalah 38,718 Tuan Yang di-Pertua.

Dengan pertambahan *facility* perubatan seperti hospital dan klinik-klinik, pertambahan bilangan penduduk dan pertambahan beban tugas, masalah lebih doktor di masa akan

datang akan dapat dielakkan. Selain daripada itu pelaksanaan *moratorium* yang ditetapkan oleh Jemaah Menteri berkuat kuasa pada 1 Mei 2011 sehingga 30 April 2016, semua program perubatan baru tidak akan dibenarkan dan pengiktirafan ke atas permohonan dari institusi baru luar negara juga tidak akan dibuat. Maka dijangka masalah lebih bilangan doktor dalam negara akan dapat dielakkan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan soalan tambahan Yang Berhormat Datuk Pau Chiong Ung.

**Datuk Pau Chiong Ung:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Timbalan Menteri atas jawapan diberi sementara tadi. Soalan saya ialah seperti kita sedia maklum terdapat ramai doktor warga negara kita berkhidmat di hospital luar negara. Di bawah Program TalentCorp., berapa ramai doktor warga negara kita telah sambut baik dan balik untuk berkhidmat di hospital negara kita dan yang keluar kemungkinan disebabkan kemudahan dan suasana yang kurang memuaskan.

Terdapat doktor yang enggan melaporkan diri ke hospital luar bandar yang mengakibatkan hospital luar bandar menghadapi masalah kekurangan doktor. Adakah skim insentif atau *allowance* tambahan diberi kepada doktor dan kakitangan perubatan lain yang berkhidmat di hospital luar bandar? Bagaimana kementerian mengatasi masalah tersebut? Sekian terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama itu tentang jumlah pakar-pakar ataupun doktor Malaysia rakyat Malaysia ataupun bukan rakyat Malaysia yang di bawa masuk melalui TalentCorp. Ini adalah soalan spesifik dan saya perlu notis Tuan Yang di-Pertua. Kedua, berkenaan dengan doktor yang enggan bertugas di luar bandar. Ini memang berlaku kerana pelbagai alasan mereka beri, terutama sekali doktor Semenanjung tidak mahu pergi ke Sabah dan Sarawak. Jadi, sebagai insentif pihak kementerian memberi insentif dipanggil elaun wilayah. Ini antara 12.5% sehingga 20% sebulan daripada gaji asasnya. Elaun macam itu disebut sebagai elaun wilayah, *payment hardship allowance* pun diberi juga, antara RM500 sehingga RM1,500.

Ini kita galakkan dan hari ini Tuan Yang di-pertua, kita memperkenalkan dasar baru iaitu kita kenakan syarat kalau kenaikan pangkat pakar-pakar contohnya, dia akan akan diattachkan kepada hospital-hospital tertentu. Kalau dia tidak mahu pergi, pangkat dia tidak naik. Ini satu cara yang boleh dan yang kita sedang kaji untuk kita laksanakan supaya dapat kita menggalakkan ramai pakar-pakar untuk ke hospital luar bandar Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Yahya bin Mat Ghani @ Abbas:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan untuk soalan tambahan ini. Soalan saya Yang Berhormat Menteri, berapakah bilangan doktor pakar yang berkhidmat di hospital-hospital daerah di kawasan luar bandar? Berapa ramai lagi kah doktor-doktor pakar yang diperlukan bagi memenuhi keperluan di hospital-hospital tersebut dan pada tahun bilakah sasaran tersebut dapat dicapai? Jika masih berkurangan, apakah langkah-langkah ataupun tindakan kementerian untuk mengatasi kekurangan tersebut? Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya sebut tadi terdapat di antara 25,616 orang doktor yang berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan dan ada 3,598 orang pakar yang berkhidmat. Jadi, pakar-pakar ini kita *posting* di merata-rata tempat, di bandar dan luar bandar. Kebanyakan hospital luar bandar ada *visiting* doktor iaitu pakar pelawat, pakar pelawat yang melawat hospital-hospital daerah. Maknanya daripada hospital dalam bandar mereka pergi melawat sama ada kadar tiap-tiap hari pun ada, tiap-tiap minggu pun ada, tiap-tiap bulan pun ada. Ikut keadaan dan keperluan hospital itu.

Kita tidak meletakkan doktor di kebanyakan hospital daerah, mereka datang dari hospital bandar dan dia pergi ke daerah sebagai doktor pelawat. Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, sebagai galakan kepada doktor-doktor supaya meneruskan pelajaran mereka supaya menjadi pakar, pihak kementerian telah pun mengadakan biasiswa. Pada tahun 2012 ada 800 biasiswa yang telah dikeluarkan. Pada tahun 2013, tahun ini ada 1,000 *scholarship* atau biasiswa yang telah dikeluarkan untuk doktor mengambil atau menjalankan kursus mereka sama ada secara tertutup atau secara terbuka.

#### ■1040

Tertutup maknanya mereka *attach* kepada universiti-universiti tetapi yang terbuka maknanya mereka bekerja di hospital tetapi mengambil peperiksaan. Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, *uptake* kepada 1,000 *scholarship* ini tidak menggalakkan kerana tempat untuk mereka belajar tidak mencukupi. Oleh sebab itu ia 1,000 *scholarship* ini tidak diambil dengan sepenuhnya, Tuan Yang di-Pertua.

**4. Puan Hajah Khairiah binti Mohamed** minta Perdana Menteri menyatakan perancangan jangka panjang kerajaan bagi mendapatkan punca hasil baru menggantikan punca hasil daripada petroleum yang akan habis beberapa tahun akan datang.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, hasil kerajaan pada tahun 2012 adalah sebanyak RM207.9 bilion. Ini terdiri daripada cukai langsung sebanyak RM116.9 bilion, cukai tidak langsung sebanyak RM34.7 bilion, hasil bukan cukai sebanyak RM54.9 bilion dan lain-lain hasil sebanyak RM1.4 bilion. Daripada jumlah ini, jumlah hasil petroleum ialah sebanyak RM70.1 bilion dan ini termasuklah dividen daripada Petronas sebanyak RM26.26 bilion.

Walaupun hasil petroleum telah meningkat daripada RM66.3 bilion pada tahun 2011 kepada RM70.1 bilion pada tahun 2012, tetapi peratusan sumbangan hasil petroleum kepada hasil kerajaan sepenuhnya telah berkurangan daripada 35.8% pada tahun 2011 kepada 33.7% dalam tahun 2012. Ini menunjukkan hasil kerajaan daripada bukan petroleum telah pun meningkat berikutan dengan langkah-langkah positif dan proaktif kerajaan untuk meningkatkan jumlah hasil.

Jadi dalam tempoh masa jangka panjang, kita telah mengenal pasti tiga pendekatan. Pertamanya ialah untuk mengekalkan pengeluaran petroleum dalam kadar yang mampan. Kerajaan melalui Petronas akan terus meneroka potensi yang dikenal pasti secara berterusan bagi mengekalkan tahap kemapanan produksi minyak dan gas Malaysia. Jadi dalam konteks pengurusan sumber tenaga yang cekap, Petronas telah pun berjaya mengekalkan tahap *overall resource replenishment ratio*, dengan izin (ORRR) yang sihat iaitu lebih daripada satu kali untuk memanjangkan jangka hayat dan pembangunan berterusan sumber tenaga asli di Malaysia. Jadi, pada bulan Januari tahun 2013 ini, ORRR *ratio kita*, dengan izin bagi tahun tiga tahun purata adalah sebanyak 1.9 kali. Untuk mencapai ORRR *ratio* ini, ini bermakna kita pastikan pengeluaran kita kurang berbanding dengan sumber-sumber baru yang kita jumpa.

Untuk itu, banyak usaha gigih yang bergantung tinggi kepada teknologi dan inovasi akan terus dilaksanakan untuk membangunkan lapangan-lapangan minyak yang baru yang mencabar secara teknikal dan komersial seperti lapangan kecil ataupun *small fields*, dengan izin lapangan gas berkarbon dioksida yang tinggi, lapangan tekanan dan suhu tinggi, lapangan laut dalam dan sebagainya.

Petronas juga telah melaksanakan projek memperoleh minyak dipertingkatkan ataupun *enhance oil recovery* dalam usaha menambah keupayaan pengeluaran bagi lapangan yang masih lagi berpotensi untuk ditingkatkan produktiviti. Selain daripada itu, perolehan data seismic dan kajian *basin* yang baru merupakan salah satu lagi langkah yang penting dalam meningkatkan *prospectivity* eksplorasi ke arah penemuan telaga-telaga minyak dan gas yang baru.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat sekalian, setakat bulan Januari 2013, Malaysia mempunyai rizab minyak dan *condensate* berjumlah 5.85 bilion tong minyak. Berdasarkan kepada pengeluaran kita pada purata 600,000 tong sehari, jadi jangka hayat sumber minyak Malaysia yang ada sekarang adalah untuk jangka masa lebih kurang 27 tahun. Itu untuk minyak. Untuk rizab gas asli pula adalah lebih besar iaitu sebanyak 16.387 bilion *barrels of oil equivalent*, dengan izin. Ini berdasarkan kepada pengeluaran kita, mempunyai satu jangka hayat yang lebih lama selama 43 tahun. So, itu merupakan pendekatan yang pertama.

Pendekatan yang kedua ialah untuk meningkatkan lagi aktiviti ekonomi domestik menerusi pelaksanaan pelbagai projek utama dan program transformasi ekonomi. Jadi, apabila pertumbuhan ekonomi disasarkan terus kukuh, susulan daripada aktiviti ekonomi yang aktif rancak, ini akan menyumbang kepada peningkatan pendapatan yang lebih baik daripada syarikat dan individu. Dengan itu, pendapatan ini akan memberikan pulangan kepada kerajaan dalam bentuk cukai pendapatan.

Pendekatan yang ketiga ialah untuk melebarkan asas cukai ataupun *widening of our tax base*, dengan izin. Ini termasuklah kemungkinan melaksanakan cukai asas yang lebih luas seperti *goods and services tax* (GST) sebagai ganti kepada cukai jualan dan cukai



perkhidmatan. Cukai ini adalah lebih komprehensif berbanding dengan cukai jualan dan perkhidmatan yang tertakluk kepada paras dan nilai yang tertentu. Terima kasih.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat 'Timbalan Menteri'. Persoalan yang ingin saya timbulkan ialah berkenaan dengan bagaimanakah dengan tahap ataupun kemampuan daripada sudut sains dan teknologi kita yang ada pada hari ini daripada sudut penyelidikan bagi memastikan sumber ini berada pada tahap yang maksimum? Berapa banyak pelaburan yang telah kerajaan buat bagi penyelidikan ini dan apakah potensi pengeluaran minyak di perairan Kelantan?

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya belum diturunkan pangkat kepada Timbalan Menteri. *[Ketawa]* Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Untuk menjawab soalan daripada segi tahap sumber dan teknologi, kita memang menggunakan teknologi yang terkini. Kalau kita lihatkan usaha-usaha Petronas yang saya sebutkan tadi, pelbagai cara termasuklah *high pressure high temperature*, dengan izin dan banyak *enhance for recovery*, banyak teknologi baru yang telah digunakan oleh Petronas untuk mempertingkatkan lagi sumber-sumber yang baru. Ini telah membolehkan peningkatan ORRR itu melebihi daripada satu kali ganda. Jadi ini merupakan langkah yang baik yang telah dilaksanakan oleh Petronas dan akan terus dilaksanakan.

Daripada segi jumlah pelaburan itu saya tidak ada data spesifik itu pada pagi ini. Mungkin akan diberikan kemudian nanti. Daripada segi jumlah prospek *all the* kawasan Kelantan luar pesisir pantai Kelantan, itu saya juga tidak ada maklumat tersebut. Mungkin akan diberikan kemudian. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah Yang Berhormat Menteri. Buatlah secara bertulis, ya maklumat itu nanti. Soalan tambahan Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri ada menyebut salah satu daripada sumber cukai di masa akan datang, tentang *goods and services tax* (GST). Soalan tambahan saya ialah, bilakah kerajaan akan memperkenalkan cukai GST ini dalam masa yang terdekat dan apakah isu-isu yang perlu ditangani sebelum cukai GST ini benar-benar dapat dilaksanakan? Terima kasih.

■1050

**Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya, isu kemungkinan GST ini dilaksanakan telah banyak kali diperbincangkan dan kerajaan telah banyak membuat pelbagai kajian. Sebenarnya di sektor swasta juga telah diberikan banyak masa untuk menyiapkan diri supaya sistem mereka dapat melaksanakan apabila GST ini dilaksanakan kelak. Walau bagaimanapun, kerajaan belum memutuskan bila tarikhnya akan dilaksanakan. Jadi ini akan diumumkan pada masa tertentu oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang merupakan Menteri Kewangan juga.

Jadi, untuk tujuan itu dan banyak kajian yang kita laksanakan sebelum ini, kita telah pastikan bahawa kita mengetahui apakah impaknya terhadap kadar inflasi dan bagaimana juga kaedahnya dilaksanakan kemudian. Sebagai contoh, kalau kita lihat banyak negara iaitu lebih

140 buah negara yang telah melaksanakan GST ini. Apabila mereka melaksanakan kadar GST ini, pertama sekali kadar yang dikenakan pada mulanya, biasanya adalah kadar yang sederhana, yang *reasonable*. Keduanya, untuk mengelakkan daripada kos barang penting meningkat. Biasanya terdapat barang-barang yang utama ataupun *essential goods* yang pastinya sama ada dikecualikan ataupun *dizero rated* dengan izin. Jadi, ada pelbagai kaedah yang boleh dan biasa digunakan oleh negara-negara yang telah memperkenalkan GST ini supaya impak terhadap rakyat adalah *reasonable*.

Untuk itu, kita juga ada cara-cara lain untuk memastikan bahawa ia tidak membebankan rakyat. Sebagai contoh, bantuan *income support*, dengan izin. Mungkin dilaksanakan sekali apabila GST dilaksanakan nanti. Terima kasih.

**5. Datuk Chin Su Phin** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah status terkini penambahbaikan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dan adakah terdapat kerja-kerja yang masih tertangguh dan apakah tindakan kementerian bagi mengatasinya.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]:** Tuan Yang di-Pertua, Projek Peningkatan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, Sabah ini terdiri daripada dua pakej. Pakej pertama melibatkan kerja-kerja menaiktaraf Bangunan Terminal dan ianya pun telah disiapkan sepenuhnya pada tahun 2010. Manakala pakej kedua pula yang melibatkan kerja-kerja menaiktarafkan kawasan *air side* seperti pemanjangan dan pelebaran landasan, pembinaan laluan *taxiway* dengan izin, tempat parkir pesawat, penggantian kabel-kabel lampu landasan ataupun *aeronautical ground lighting*, kerja-kerja menaik taraf sistem bantuan komunikasi dan kerja-kerja menaik taraf sistem bantuan navigasi ataupun *navigation its system*. Kerja-kerja menaik taraf pakej kedua inilah yang telah tertangguh dan mengalami kelewatan.

Bagi menyelesaikan isu kerja-kerja yang tertangguh ini, pihak kementerian telah menamatkan kontrak kerja dengan kontraktor asal. Kementerian juga telah melantik kontraktor-kontraktor baru bagi menyiapkan keseluruhan kerja-kerja yang tertunggak yang disebutkan tadi. Kontraktor-kontraktor ini bagi kerja-kerja mekanikal dan *electrical* telah memulakan kerja pada 12 Ogos 2013. Manakala kontraktor sivil dan struktur pada 1 Oktober 2013 yang lalu. Terima kasih.

**Datuk Chin Su Phin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, mengikut Laporan Audit Negara baru-baru ini, Ketua Audit Negara mengatakan bahawa Projek Peningkatan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dengan dua pakej bernilai RM1.44 bilion tidak mengikut spesifikasi dan tidak berkualiti. Adakah pihak kementerian bersedia untuk menerangkan kepada rakyat, apakah sebenarnya yang berlaku sehingga Laporan Audit Negara menyatakan begitu? Terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Mengenai kerja-kerja yang kurang berkualiti seperti apa yang telah disebutkan, pihak kementerian telah melantik konsultan yang bertanggungjawab untuk mengendalikan perkara ini. Sekiranya diperlukan untuk jawapan seterusnya mengenai

laporan-laporan ini, pihak kementerian bersedia untuk memberi jawapan bertulis kepada Yang Berhormat.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Kita memang berasa kecewalah tentang penanguhan ini dan juga kelewatan persiapan KLIA2 dan ini akan menjejaskan imej kementerian berkenaan. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai kedua-dua projek yang besar ini memberikan impak yang negatif kepada rakyat? Terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Mengenai kelewatan yang berlaku ianya disebabkan oleh pihak kontraktor. Maka, atas sebab itu pihak kerajaan mengambil tindakan menamatkan kontrak kepada kontraktor asal. Kerajaan bertanggungjawab mengenai projek ini, maka seterusnya kerajaan melantik kontraktor-kontraktor baru bagi meneruskan penyiapan projek ini. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan, bahawa Lapangan Terbang Kota Kinabalu ianya tidak terjejas dalam soal memberikan perkhidmatan yang baik kepada pengguna-pengguna lapangan terbang. Sehingga sekarang penerbangan tidak terjejas ekoran daripada kelewatan ini. Terima kasih.

**6. Dato' Syed Ibrahim bin Kader** minta Menteri Kerja Raya menyatakan pengguna lebuhraya yang menggunakan kad Touch 'n Go serta SmartTag turut terpaksa menunggu lama untuk melepasi 'toll-gate' setiap kali masa puncak (*peak-hour*) yang kadang-kadang memakan masa sehingga 10 ke 15 minit. Apakah tindakan pihak kementerian untuk mengatasi keadaan ini.

**Menteri Kerja Raya [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, reka bentuk asal jumlah lorong di sebuah plaza tol adalah berdasarkan kepada kajian trafik yang telah dilakukan oleh syarikat konsesi lebuhraya. Pihak kerajaan telah menetapkan konfigurasi pada setiap plaza tol hendaklah mempunyai lorong khusus iaitu *electronic toll collection* ataupun singkatannya ETC untuk SmartTag dan Touch 'n Go dan tunai yang mana ia bergantung kepada saiz dan kedudukan plaza tol yang berkenaan.

Walaupun bagaimanapun, syarikat konsesi juga telah diarahkan untuk memantau penggunaan ETC dari semasa ke semasa dan menambah lorong ETC bergantung kepada keperluan di lebuhraya masing-masing. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, punca utama permasalahan ini adalah disebabkan oleh jumlah trafik di waktu puncak meningkat dengan mendadak di plaza tol berkenaan. Manakala jumlah lorong ETC tidak dapat menampung kapasiti trafik pada waktu tersebut.

Kapasiti trafik pada waktu puncak ini telah melebihi kapasiti yang ditetapkan iaitu lebih daripada 1,000 buah kenderaan setiap jam untuk SmartTag, 800 buah kenderaan setiap jam untuk Touch 'n Go dan 400 buah kenderaan *per jam* untuk *mix mode*. Untuk statistik terkini, jumlah penggunaan tol elektronik ETC iaitu SmartTag dan Touch 'n Go kini hampir mencecah 60%.

Selain itu, permasalahan ini terjadi adalah disebabkan oleh sikap pengguna itu sendiri. Contohnya seperti penggunaan bateri pada unit SmartTag yang telah lemah serta baki tidak mencukupi yang menyebabkan kegagalan transaksi tol. Faktor lain juga berpunca daripada

kesesakan *backflow* dengan izin, trafik yang berlaku di lorong tunai menyebabkan ia menghalang pengguna ETC untuk membayar tol dan juga kesesakan trafik selepas plaza tol yang mana ia akan menghalang laluan pengguna ETC selepas membayar

■1100

Pembinaan lorong baru juga merupakan salah satu langkah penyelesaian namun ianya melibatkan kos modal yang tinggi untuk menanggung kos tanah bagi tujuan ini. Malah di sesetengah lokasi tidak dapat dilakukan akibat pembangunan di sekitar kawasan terbabit. Sistem *channelization*, dengan izin, iaitu dengan mengasingkan pengguna tol elektrik dengan *manual lane* juga telah dibuat bagi mengurangkan masalah ini. Selain itu, penambahan lorong tambahan secara *fishbone* bagi lorong tunai dan *Touch 'n Go* sedia ada juga secara amnya mempercepatkan lagi transaksi pembayaran tol.

Perkhidmatan petugas tol tambahan dan *portable reader* juga disediakan di lorong tol elektronik bagi menangani masalah cara kepenggunaan yang berlaku khususnya di waktu puncak. Walau bagaimanapun sebagai kemudahan semua pengguna ETC juga boleh membayar tol dengan menggunakan kad *Touch 'n Go* di semua lorong tunai di Lebuhraya PLUS, Litrak, Prolintas dan juga lain-lain lebuhraya terpilih yang menyediakan kemudahan *mixed mode*, tunai dan *Touch 'n Go* di semua lorong tunai sekiranya kesesakan berlaku di lorong ETC.

Untuk jangka masa panjang, kerajaan juga sedang mengkaji keupayaan menyeluruh penggunaan *multi-lane free flow* (MLFF) sebagai penyelesaian efektif terhadap permasalahan ini. Selain daripada itu, penggunaan RFID sebagai alternatif kepada penggunaan *SmartTag* sedia ada masih di peringkat kajian oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih kerana sudi datang sendiri untuk menjawab soalan di Dewan ini. Silakan Yang Berhormat Dato' Syed Ibrahim bin Kader.

**Dato' Syed Ibrahim bin Kader:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab soalan tadi. Kita dapat lihat banyak lorong tunai dan lorong *Touch 'n Go* dibuka dan hanya beberapa sahaja lorong *SmartTag* dibuka. Soalan tambahan saya adalah, apakah tindakan yang diambil oleh kementerian untuk menambah pengguna *SmartTag*. Kedua, soalan kedua saya ialah sering kali apabila kita bertemu di kaunter jualan, satu juga jawapan yang kita dapat terima selalu itu, tiada *stock*. So, apakah tindakan kementerian ambil untuk mengatasi masalah ini. Terima kasih.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Syed Ibrahim. Soalan pertama, bagaimana kita hendak menambah kepenggunaan *SmartTag* ataupun ETC itu tadi. Sasaran yang kita tetapkan ialah 80% menjelang tahun 2015. Sehingga sekarang iaitu sehingga Jun 2013, di peringkat bandar kita sudah ada 61% kepenggunaan ETC. Manakala antara bandar 49% iaitu lebih daripada sasaran yang kita tetapkan. Sebab KPI yang kita tetapkan ialah lebih kurang untuk bandar 60% dan bandar lebih kurang macam itulah.

Jadi untuk itu, saya kira usaha ini akan berterusan. Sebab itu kalau kita lihat dulu kos *SmartTag* bermula dengan RM250. Akan tetapi, kemudian dikurangkan RM170 dan sekarang RM120. Mungkin itu menggalakkan pengguna membeli *SmartTag* sebab kosnya lebih murah. Sebagaimana yang saya katakan tadi, dengan *research and development* yang sedang dijalankan oleh syarikat konsesi, kalau kita dapat menggunakan kaedah RFID misalnya, ianya akan membawa kos yang lebih murah, maka akhirnya kita mengharapkan semua orang akan menggunakan kaedah ETC.

Ini akan memudahkan pelancaran perjalanan sebab tiada lagi pembayaran *cash* di kaunter. Soalan kedua, berkaitan pihak- dia ada beberapa kaedah yang dilakukan oleh syarikat konsesi ataupun *Touch 'n Go* iaitu mereka mengadakan pusat tambah nilai dan juga untuk *Touch 'n Go* keseluruhannya ada 6,000 lebih pusat yang mana 1,267 adalah percuma. Maknanya, diadakan oleh syarikat konsesi itu sendiri. Yang lain-lain melalui ejen sepertinya di *petrol station*, dengan izin, ataupun melalui ATM.

Kadang-kadang memang di petrol stesen sudah habis *stock*. Jadi, mereka terpaksa menunggu *stock* baru sebab mereka diberi *certain* kuota, dengan izin, untuk penjualan. Itu memang sebahagian daripada penambahbaikan yang patut kita buatlah tetapi dari segi jumlah di mana mereka boleh menambah nilai, banyak. Bukan sahaja di kaunter tambah nilai tetapi juga di banyak tempat yang boleh mereka, memudahkan masyarakat kita untuk menambah. Sama ada melalui ATM ataupun pergi ke kaunter ataupun pelbagai kaedah yang boleh digunakan. Jadi, terima kasih.

**Dato' Syed Ibrahim bin Kader:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ini *SmartTag* yang tiada bekalan, tiada *stock* di semua tempat jualan. Bukan menambah...

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Baik. Saya akan ambil maklum. Berkaitan *SmartTag* mungkin apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua, sebab pembaharuan yang dilakukan sekarang ini dengan *SmartTag* yang baru diperkenalkan, yang lebih murah, lebih efisien dan sebagainya. Mungkin disebabkan itu, *stock* lama sudah habis dan *stock* baru itu baru hendak masuk, itu kemungkinan yang berlaku. Sebab itu model-model yang baru ini sedang dipertingkatkan untuk ditambah supaya ianya dapat ditambah supaya ianya dapat disampaikan kepada semua ejen-ejen tempat kita menjual. Terima kasih.

**Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, soalan saya ialah memandangkan di negara-negara Barat, khususnya di Eropah, ada di antara lebuhraya bertolnya menerima pembayaran melalui kad kredit dan juga kad debit. Apakah di Malaysia ada perancangan untuk melaksanakan langkah yang sama. Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Senator Puan Roslin. Itu yang kita katakan tadi yang kita cuba wujudkan *multi-lane free flow*, pelbagai kaedah yang kita hendak gunakan sama ada melalui teknologi yang baru. Akan tetapi ada beberapa kekangan di Malaysia ini yang perlu kita tambah baik dan kita sedang berbincang dengan pelbagai kementerian. Contohnya, Kementerian Pengangkutan di mana JPJ di bawah Kementerian

Pengangkutan, KDN, polis di bawah mereka. Sistem ini perlu diintegrasikan. Disebabkan masalahnya syarikat konsesi ini, kalau tiada letak halangan misalnya, jikalau orang lalu, jadi masalah untuk merekodkan sama ada dia dibayar ataupun tidak.

Jikalau kredit dia, ambillah kredit kad dia sudah habis, maka penguatkuasaan akan menjadi satu cabaran. Ini perlu sistem perundangan yang lengkap, undang-undang untuk dapat *cover the whole value chain*. Sama ada daripada kredit yang ada, bagaimana kita hendak menguatkuasakan supaya akhirnya ianya tidak merugikan bukan sahaja syarikat konsesi tetapi takut akhirnya menyusahkan masyarakat itu sendiri. Sebab itu *legal framework* ini dan teknologi itu kita kena perincian dan ianya memerlukan jalinan kerjasama di antara syarikat konsesi yang pelbagai di Malaysia dengan agensi-agensi kerajaan yang ada.

Jikalau perkara ini dapat diselesaikan, *insya-Allah* kita akan dapat melihat bahawa kemudahan ini akan kita dapat lakukan dengan lebih baik lagi. Terima kasih.

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana menjawab dengan begitu *detail* sekali. Soalan saya, sekarang ini kaunter tambah nilai sepanjang hari amat kurang sekali, terutama sekali dulu kita ada di Juru contohnya, kita ada tambah nilai, sekarang ini tidak ada. Lagi satu, kita ini *frequent user*, dengan izin, *highway* ini. Ahli Dewan Negara, Ahli Dewan Rakyat dengan kita punya *basic salary* sekarang adalah RM4,000 lebih dan kita mendapat potongan AirAsia 50% *compliment*. Jadi, adakah Kementerian Kerja Raya melihat keprihatinan Kementerian Kerja Raya, dapat memberikan *compliment* atau RM200 sebulan kah, RM300 sebulan kah nilai tambah kepada *SmartTag* ataupun *Touch 'n Go*. Terima kasih.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som. Pertama, berkaitan dengan tambah nilai. Mungkin ada beberapa sebab sebagaimana yang saya katakan tadi, ada sesetengah tempat kawasan plaza tol itu agak kecil. Jikalau kita hendak tambah nilai, dengan kesesakan kenderaan yang makin banyak, maka ianya akan menyebabkan kesesakan. Jadi, mungkin sebab itu ia terpaksa di tutup tambah nilai tapi kita tambahkan bagaimana hendak menambahkan tempat untuk orang tambah nilai. Sebab itu agen-agen dilantik, malahan sekarang ini pun ATM boleh kita buat tempat untuk kita menambah nilai.

#### ■1110

Oleh sebab ini lebih menangani untuk mengurangkan kesesakan sebabkan proses untuk menambah nilai itu memakan masa, sebab itu mungkin dikurangkan. Cuma tempat-tempat tertentu yang *volumenya* mungkin besar dan tempat plaza tol itu besar mungkin masih dikekalkan, itu yang pertama. Kedua, sama ada kita boleh memberi diskaun. Ini masalahnya berkaitan kita kena berunding dengan syarikat konsesi. Kalau syarikat konsesi hendak beri nanti, takut dia hendak *claim* daripada *government* pula. Kalau hendak *claim government*, saya kena bercakap dengan Yang Berhormat Senator Dato' Sri Abdul Wahid yang menjaga EPU sebab akhirnya mereka yang meluluskan.

Akan tetapi boleh saya cadangkan kepada syarikat konsesi untuk memberi mungkin keistimewaan kepada Yang Berhormat dari Parlimen dan juga Ahli Dewan Rakyat. Kita kemukakan cadangan sebagai sebahagian daripada penghargaan mereka kepada perkhidmatan yang diberikan kepada negara kita ini. Saya akan kemukakan kepada semua syarikat konsesi untuk mereka pertimbangkan. Walau bagaimanapun, kalau kita melihat mereka memang ada membuat CSR terutamanya hari-hari perayaan. Mereka akan memberi diskaun tertentu dan berbeza antara satu syarikat konsesi dengan syarikat konsesi. Mungkin boleh dipertimbangkan. Terima kasih.

**7. Puan Hajah Rohani binti Abdullah** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah kerajaan bercadang mengenakan bayaran levi ke atas semua kenderaan yang memasuki negara ini terutamanya daripada Singapura memandangkan kenderaan negara ini dikenakan pelbagai caj apabila memasuki negara berkenaan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang mempunyai perancangan untuk melaksanakan pengenaan levi kemasukan kenderaan asing ke Malaysia. Untuk tujuan itu, pindaan telah dibuat ke atas Akta Pengangkutan Jalan 1987 bagi membolehkan kerajaan mengutip fi bagi kenderaan-kenderaan pendaftaran asing yang memasuki Malaysia. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, maklumat atau data berhubung dengan kenderaan asing yang memasuki negara ini bukan sahaja penting bagi Jabatan Pengangkutan Jalan, malah turut diperlukan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan juga Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat untuk tujuan-tujuan khusus yang berasaskan kepada tanggungjawab dan kuasa yang telah diperuntukkan dalam undang-undang masing-masing.

Pada masa ini, perbincangan sedang diadakan dengan pihak-pihak yang berkaitan berhubung dengan aspek-aspek perundangan serta bagi meneliti kemampuan sistem yang ada atau yang telah dibangunkan oleh agensi-agensi yang berkaitan selain daripada memastikan skop dan jenis data yang diperlukan. Kajian yang teliti mengenai perkara ini telah diperlukan bagi memastikan sistem pendaftaran bagi kenderaan asing di pintu-pintu masuk dimanfaatkan oleh semua pihak tanpa ada isu-isu duplikasi. prosedur operasi standard (SOP), proses kerja dan kesesuaian ruang fizikal bagi tujuan kenderaan menunggu, berhenti dan sebagainya perlu juga dikaji dan diperincikan bagi mengelakkan sebarang masalah teknikal ataupun operasi di pintu-pintu masuk berkenaan.

Di samping itu juga, lain-lain sudut seperti industri pelancongan perlu diberi perhatian seperti mana sedia maklum jumlah rakyat Singapura yang memasuki Malaysia bagi tujuan pelancongan, riadah dan membeli belah adalah tinggi. Maka, sebarang penggunaan fi ke atas kenderaan asing khususnya daripada Singapura perlu dikaji daripada segi kesannya ke atas usaha-usaha kerajaan bagi mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan serta ke atas inisiatif kerajaan dalam membangunkan industri sokongan serta hiliran sektor pelancongan termasuklah di Iskandar Malaysia.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, terdapat jumlah rakyat Malaysia khususnya penduduk tetap Singapura yang berulang-alik di antara Malaysia dan Singapura dengan menggunakan kenderaan pendaftaran Singapura juga adalah tinggi. Maka, kesan pengenalan fi ke atas golongan tersebut perlu juga diberi perhatian. Terima kasih.

**Puan Hajah Rohani binti Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan tadi. Dianggarkan lebih dari 200,000 kenderaan berdaftar Singapura memasuki Johor Bahru setiap bulan. Dengan itu, kita merasakan bahawa rakyat Singapura yang memasuki Malaysia ini menikmati pelbagai subsidi yang telah disediakan oleh kerajaan untuk rakyat Malaysia seperti tepung, minyak, minyak masak, petrol dan sebagainya.

Soalan tambahan saya, apakah mekanisme kerajaan untuk mengutip hasil dari kemasukan kenderaan dari Singapura ini? Sejauh manakah kutipan bayaran levi akan menjejaskan hubungan antara Singapura dan Malaysia? Adakah tindakan ini boleh menyebabkan dianggap sebagai tidak mesra ataupun tidak *friendly* antara kedua-dua negara? Terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Ada dua soalan. Pertama, mengenai subsidi-subsidi kerajaan yang dinikmati oleh rakyat asing. Maka sebab itu pihak kerajaan mengurangkan subsidi petrol kerana subsidi petrol yang ada di negara ini juga dinikmati oleh rakyat Singapura. Maka sebab itu pihak kerajaan perlu mengambil pendekatan untuk mengurangkan subsidi-subsidi ini. Untuk subsidi ini, maka pihak golongan rakyat perlu diberi alternatif untuk menikmati subsidi dalam bentuk yang lain.

Mengenai soalan yang kedua iaitu sama ada keadilan dalam soal bayaran fi kepada kenderaan asing ini. Di Malaysia kita juga dikenakan bayaran apabila kita masuk ke Singapura. Jadi kalau kenderaan Malaysia dikenakan bayaran untuk memasuki Singapura, maka adalah wajar sekiranya fi dikenakan juga kepada kenderaan Singapura ke Malaysia. Maka dalam soal kewajaran ini adalah ianya relevan. Terima kasih.

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Menteri yang berkenaan. Akan tetapi soalan saya tidak ada berkaitan dengan nombor tujuh. Saya ingin pulang ke Labuan dengan lapangan terbang kalau boleh, jika boleh atau tidak. Tuan Yang di-Pertua boleh mengadakan lapangan terbang?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat. Teruskan.

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Lapangan Terbang Labuan ialah lapangan terbang yang begitu cukup indah dan landasan yang cukup panjang untuk pendaratan kapal terbang yang lebih besar. Akan tetapi hingga hari ini, tidak ada penerbangan antarabangsa yang berlaku di lapangan terbang berkenaan, cuma penerbangan domestik. Jadi saya mohon komen daripada Menteri berkenaan apakah ada perancangan untuk penerbangan antarabangsa di Lapangan Terbang Labuan? Ini kerana pada hari ini dengan izin, lapangan itu masih lagi di bawah ataupun *underutilize*. Jadi minta komen daripada



Menteri jika boleh adakan segera perancangannya, pendek atau panjang supaya lapangan terbang sedia dilakukan. Terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Mengenai *Airport* Labuan untuk mengadakan penerbangan antarabangsa, pihak kerajaan hari ini tidak ada masalah. Cuma ianya bergantung kepada keputusan komersial kerana Lapangan Terbang Kota Kinabalu merupakan lapangan terbang bertaraf antarabangsa dan Lapangan Terbang Kota Kinabalu merupakan lapangan terbang kedua yang paling sibuk di Malaysia selepas KLIA.

■1120

Kebanyakan penerbangan antarabangsa, ianya terbang ke Kota Kinabalu dan seterusnya pelancong-pelancong akan ke Labuan menggunakan penerbangan domestik ataupun menggunakan bot atau feri yang agak dekat dengan Kota Kinabalu.

Maka pihak kerajaan pada hari ini sebenarnya, membuka ruang seluas-luasnya. Malah kita telah mengadakan *agreement open sky* (langit terbuka), di mana kita membenarkan beberapa negara sebagai contoh negara United Kingdom, mereka boleh menerbangkan terus ke mana-mana destinasi di Malaysia termasuk ke Labuan, sekiranya ada penerbangan daripada United Kingdom untuk terus ke Labuan. Ini semua telah kita liberalisasikan dalam sistem penerbangan di negara kita. Terima kasih.

**8. Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan langkah kementerian menangani isu penyeludupan diesel ke negara jiran yang didalangi oleh pengusaha stesen minyak yang beroperasi berdekatan dengan sempadan negara jiran yang jelas dilakukan secara terbuka mengakibatkan negara terpaksa menanggung kerugian yang tinggi setiap tahun.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan. Jawapan kepada soalan Yang Berhormat, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan amat memandang serius terhadap penyeludupan diesel di negara jiran.

Bagi membendung perkara tersebut, kementerian telahewartakan sebahagian barangan larangan eksport di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Larangan Eksport) 2011 berkuat kuasa mulai tahun 2011. Dengan ini diesel yang dibenarkan untuk dibawa keluar dari negara adalah dihadkan kepada 20 liter sahaja setiap kenderaan.

Arahan ini juga telah dikeluarkan ke atas stesen-stesen minyak di dalam lingkungan 50 kilometer dari sempadan. Hanya dibenarkan membuat penjualan 20 liter diesel sahaja kepada kenderaan pendaftaran asing. Notis larangan dipamerkan di semua stesen minyak dan semua pemilik stesen diwajibkan mematuhi arahan ini. Kementerian juga telah mengarahkan kepada semua stesen minyak membuat penjualan diesel hanya untuk tangki kenderaan sahaja.

Penjualan melalui bekas ataupun tong adalah dilarang dan menjadi kesalahan, jika stesen berbuat demikian kecuali mendapat kebenaran pengawal melalui permit barang kawalan.

Sebanyak 69 stesen minyak Yang Berhormat di sempadan juga telah diletakkan di dalam senarai stesen yang dipantau hasil jualan bulanan mereka dengan ketat oleh kementerian. Ini bertujuan untuk membendung aktiviti penyelewengan penjualan diesel bersubsidi yang tinggi dan tidak munasabah oleh stesen-stesen berkenaan.

Kementerian juga telah menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi menempatkan anggota Ikatan Relawan Rakyat (RELA) di stesen-stesen minyak di sempadan negara. Setakat ini sebanyak 45 buah stesen yang terlibat berhampiran dengan sempadan Thailand dan 10 buah stesen di sempadan Singapura. Penempatan anggota RELA di stesen-stesen tersebut diharap berupaya untuk mencegah kenderaan berpendaftaran asing daripada membeli minyak petrol RON 95 dan minyak diesel bersubsidi.

Sebagai tindakan penguatkuasaan yang lebih bersepadu, kementerian telah mengadakan kerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan lain seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Pasukan Gerakan Am (PGA), Unit Pencegah Penyeludupan dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Pengangkutan Jalan dan juga Angkatan Tentera Malaysia bagi memperketat kawalan di kawasan sempadan dan juga perairan negara. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat, berapa banyak tangkapan mengikut negeri kes penyeludupan minyak dan berapa nilai tangkapan tersebut? Sekian, terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Soalan kepada jumlah yang disoalkan oleh Yang Berhormat tadi. Mengikut kes rampasan petrol yang kita adakan pada tahun ini sahaja iaitu daripada Januari sehingga Jun 2013. Di Perlis, rampasan petrol yang kita buat ialah RM101,911 yang jumlah kesnya 73 kes dan dieselnya nilai RM5,846.40. Itu di Perlis. Di Kedah pada tahun ini jumlah kes yang kita buat rampasan ialah 54 kes yang mana petrol RM41,500 dan diesel RM82,009.

Di negeri Perak ada lapan kes. Petrol, RM970 dan nilai dia RM11,515.90 dan diesel nilainya RM6,148.80. Di negeri Johor, kita ada 67 kes dan diesel yang dirampas di negeri Johor, nilainya RM497,979. Ini jumlah yang besar. Jumlah kes keseluruhannya Yang Berhormat ialah 233 kes di kelima-lima negeri yang bersempadan dan jumlah keseluruhan rampasan adalah RM659,365.20. Terima kasih.

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Di dalam akhbar kelmarin ada terdapat artikel yang bertajuk, "*Minyak Subsidi Malaysia Dihirup Kenderaan Asing*". Antara punca, selain murah, dikatakan kualiti minyak kita lebih baik dari yang terdapat di negara lain. Jadi saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Menteri, apakah ini benar? Kerana isu di luar sana banyak menuduh kerajaan ini, menekan kepada rakyat dengan kenaikan harga minyak. Ia juga dilihat

peniaga-peniaga juga banyak mengambil kesempatan di atas kenaikan isu minyak ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat Senator, soalan tambahan. Memang kita akui minyak-minyak yang diberi subsidi oleh kerajaan juga dinikmati oleh kenderaan-kenderaan yang berada di dalam negara iaitu di masuk melalui pintu sempadan di Johor, Kelantan, Perlis di negeri Kedah dan juga di Perak.

Jadi sebab itu pendaftaran kenderaan-kenderaan yang berdaftar daripada luar dikawal seperti yang saya sebutkan tadi. Oleh kerana kita tidak membenarkan terutama sekali bagi RON 95, stesen-stesen minyak ini tidak dibenarkan langsung untuk menjual RON 95 kepada kenderaan yang berdaftar, ataupun yang pendaftarannya adalah daripada luar daripada Malaysia iaitu RON 95.

■1130

Jadi kita tidak benar, kalau dibenarkan makna kata kalau ada, itu adalah satu kesalahan daripada arahan yang telah kita keluar dan untuk minyak yang kita beri cuma 20 liter diesel sahaja sekiranya untuk kenderaan yang mungkin berdekatan untuk sementara mereka keluar daripada kawasan itu, luar daripada kawasan. Ini kerana ada juga kenderaan-kenderaan berat yang menggunakan minyak diesel untuk membawa barangan jauh daripada negeri sempadan, kita benar 20 liter supaya dia keluar untuk mendapatkan di luar daripada sempadan.

Ini kawalan-kawalan yang telah kita buat untuk memastikan supaya bekalan minyak diesel yang terdapat di negeri-negeri sempadan ini dikawal dengan sebegitu rupa kerana Yang Berhormat, kita memang memahami masalah ini kerana bagi hendak menangani masalah ini kita ada bermacam-macam penguatkuasaan. Kita ada kerjasama dengan agensi-agensi yang lain dan kita sentiasa melaksanakan pemantauan yang cukup ketat untuk memastikan bekalan diesel yang dinikmati oleh kita ini tidak begitu berleluasa dijual kepada kenderaan-kenderaan yang lain. Kita ada juga Ops Statik di beberapa buah stesen yang mencatatkan kadang-kadang jualan yang terlalu tinggi.

Ini juga kita pastikan kerana kita merasa apa yang sebenarnya berlaku di stesen-stesen minyak dan jualannya begitu meningkat. Kita ada juga *task force* sebagai agensi penguatkuasaan untuk membendung penyalahgunaan kuasa-kuasa yang kita beri di stesen-stesen minyak yang bersempadan dengan negara-negara jiran. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dengan itu maka setakat itulah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan kita pada hari ini.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

11.32 pg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini diputuskan dan diluluskan dan sehingga selesai ucapan penangguhan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang tidak ditetapkan.”

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Ji]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN JENAYAH  
(PINDAAN DAN PEMERLUASAN) 2013****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sebelum saya menjemput Yang Berhormat Dato' Boon Som a/l Inong menyambung perbahasan beliau, saya ingin terlebih dahulu memohon kerjasama Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian kerana memandangkan hari ini merupakan hari yang terakhir, masih ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang mahu membahaskan Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013. Kita juga kena bagi masa yang cukup kepada kementerian untuk menjawab soalan-soalan yang telah dikemukakan, maka saya terpaksa hadkan masa Yang Berhormat berucap kepada 20 minit setiap seorang. Saya mohon kerjasama Yang Berhormat dan dengan itu saya ingin menjemput Yang Berhormat Dato' Boon Som a/l Inong. Masih lama lagikah Yang Berhormat?

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Lima minit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Lima minit ya? Terima kasih Yang Berhormat.

11.35 pg.

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti saya nyatakan bahawa Akta Pencegahan Jenayah adalah berfokus kepada jenayah sahaja. Ia tidak termasuk seperti ISA, yang mana ahli-ahli politik pun ditangkap di bawah ISA tanpa bicara dan juga penganut agama songsang juga ditangkap di bawah ISA. Akan tetapi ini hanyalah untuk *criminal*. Jadi, Akta Pencegahan Jenayah adalah satu akta yang menambahbaikkan demi untuk mengurangkan jenayah di negara kita ini.

Ada mereka yang berpendapat bahawa akta ini adalah satu akta yang kejam, adalah tidak betul sama sekali. Tujuan mereka hanyalah satu, untuk melemahkan institusi keselamatan negara termasuk polis. Kedua adalah untuk melemahkan industri perundangan. Ketiga, melemahkan institusi pilihan raya supaya rakyat hilang keyakinan terhadap negara. Ini menjadikan dan kita akan hilang pelaburan asing dan akan memporak-perandakan kedudukan tanah air kita ini dan memudahkan mereka untuk menguasai kerajaan dan juga menaikkan emosi pelajar IPTA seperti mengadakan perhimpunan membantah PTPTN supaya menaikkan emosi pelajar IPTA dan sebagainya.

Menjatuhkan sebuah negara adalah mudah tetapi bagi membangun semula sesebuah negara mengambil masa yang agak panjang seperti contoh di Iran, ia mengambil masa berpuluh-puluh tahun bagi membangun kembali negara itu. Dulunya jiran kita Myanmar pada tahun 60-an pernah maju daripada kita, Cambodia pernah maju. Oleh kerana bertukar ganti pemerintah jadi kerajaan negara menjadi mundur. Jadi, kerajaan tidak ada masa memikirkan hal rakyat tetapi lebih banyak berpolitik.

Jadi, pada pandangan saya berkenaan tembok sempadan ini. Saya kurang setuju untuk membina tembok sempadan ini kerana semasa zaman dulu kita ada Tembok China. Dulu askar kita pakai kuda, askar kuda, menunggang kuda dan juga Tembok Berlin telah diruntuhkan. Kenapa kita perlu membina tembok? Kita ini sempadan yang paling luas. Di Thailand, macam di Kelantan, kita ada 105 kilometer sempadan. Di Perak, Bukit Kayu Hitam, lepas itu di Durian Burung dan Kalimantan memisahkan kita. Berapa banyak tembok kita perlukan, berapa kewangan yang kita perlukan kerana dunia sekarang adalah tidak bersempadan.

Jadi, tidak seharusnya kita mendirikan tembok untuk memisah jiran kita yang begitu baik dengan kita. Kenapa kita harus membina tembok menghalang, tembok yang paling kukuh adalah membina integriti pegawai-pegawai kita. Menubuhkan satu unit khas dengan kepakaran mereka untuk menjaga sempadan atau menambahkan imbuhan untuk mencegah daripada rasuah lebih tinggi dan memberikan mereka kuasa yang lebih untuk menghilangkan penyeludupan ini. Seperti di Kelantan, masa musim kemarau kita boleh jalan pergi sempadan.

Jadi, dengan adanya pegawai yang berintegriti, itu adalah tembok yang paling kebal. Satu lagi, saya mohon supaya kerajaan, supaya Kementerian Dalam Negeri ini mengambil ramai lagi anggota keselamatan daripada bangsa-bangsa lain seperti Cina, Melayu, India supaya mereka dapat menyerap *every close sanction of the society*, dengan izin. Supaya

memudahkan penyiasatan mereka dengan kenyataan menyatakan bahawa bangsa lain tidak minat untuk mencebur diri dalam anggota keselamatan atau polis adalah tidak benar sama sekali kerana sebenarnya adalah kenaikan pangkat mereka terbatas.

[*Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat***]

■1140

Sebagai contoh pegawai polis yang berkelulusan ijazah daripada masyarakat Siam yang saya wakili sekarang ini hampir 212 orang yang berijazah yang bekerja 25 orang yang bekerja lebih daripada 20 tahun pangkat yang tinggi sekarang adalah superintenden yang paling senior pun. Maknanya, superintenden antara gred 44 ke 48. Itu sahaja. 20 tahun bertugas sebagai anggota polis ini. Yang paling senior sekarang adalah OCPD Tapah. Itu pun superintenden. Jadi, saya mohon supaya Kementerian Dalam Negeri bersikap adil dalam perkara ini supaya dapat melibatkan diri anggota keselamatan ini dapat melibatkan pelbagai bangsa supaya sama-sama perjuangkan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, berkaitan kenaikan pangkat semua ini biarkan sahaja pihak yang berkenaan bertanggungjawab. Jangan jadi dasar dalam Dewan ini. Tolong tukar ke topik lain.

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Okey, terima kasih. Jadi saya mohon juga pihak...

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Minta laluan. Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat mengatakan tembok sempadan. Tembok sempadan Yang Berhormat maksudkan adakah antara Malaysia dengan Thailand? Ya?

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Kita ada tembok maksud saya adalah kita ada sempadan yang begitu panjang. Jadi, kalau kena bina tembok itu kita memerlukan banyak peruntukan kewangan. Di Sabah kita ada Kalimantan. Di Kelantan sendiri kita ada 100 kilometer sempadan di Perlis dan sebagainya. Itu merupakan peruntukan yang paling banyak. Jadi, kalau penyeludupan ini dia boleh berbagai-bagai cara untuk menyeledup. Bukan melalui sempadan sahaja, melalui laut pun boleh. Jadi, kita harus mempunyai kepakaran sendiri. Tembok yang paling kuat apa yang saya maksudkan adalah integriti pegawai itu sendiri dan cara menubuhkan pegawai khas untuk mencegah penyeludupan ini dan pihak media juga perlu diberi peranan.

Saya minta supaya media-media tempatan ini memperbanyakkan ataupun meletakkan satu media khas *investigating reporting*. Sekarang ini tidak ada. Kita lebih banyak tumpukan kepada kepimpinan negara, politik. Akan tetapi, dalam *investigative reporting* ini kita tidak ada. Sebagai contoh, pada tahun 1990-an BERNAMA pernah hantar dua orang wartawan menyamar sebagai nelayan di perairan Terengganu untuk menyiasat bahawa nelayan tempatan telah menjual ikan-ikan ini di tengah laut dan selepas itu mereka menyiasat memang sah bahawa nelayan tempatan tadi telah menjual ikan di laut dalam kepada negara jiran. Selepas itu, apabila siasatan itu sudah selesai, kedua-dua wartawan itu telah mendapat anugerah yang paling tinggi iaitu Rahim Kajai.

Kita perlu mencontohi kejayaan seperti ini supaya wartawan perlu menambah kebaikan dan wartawan ini perlulah disertakan insurans sekali sebab itu adalah rezeki *business* dengan izin. Jadi, itu sahajalah. Akhir sekali, saya mintalah wakil kita, wakil Senator-Senator kita, sebelah sana, sebelah sini perlulah kita memandang serius dalam Akta Pencegahan Jenayah ini kerana ini adalah membawa kebaikan supaya anak-anak kita selamat pergi sekolah tanpa ragu-ragu dan pelancong yang melawat negara kita dapat melawat dengan aman damai. Rakyat berbilang kaum di sini akan menikmati keadaan yang lebih aman damai kerana kita akan bersama lebih lama lagi. Rukun dan damai adalah kepentingan kita bersama. Jadi, sokonglah Akta Pencegahan Jenayah ini. Dengan itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum Ahli Yang Berhormat yang lain berucap, sukacita saya menarik semua perhatian Ahli Yang Berhormat kerana di Dewan yang mulia ini saya harap berjalan dengan penuh tertib mengikut peraturan, menghormati Dewan. Saya pun terpanggil untuk bersikap adil kepada semua.

Sukacita saya menarik perhatian kepada apa yang berlaku semalam yang mana saya nampak Yang Berhormat Senator Syed Husin tidak ada. Kalau ada baik juga. Saya harap semua Ahli Yang Berhormat tolong ambil perhatian sedikit. Ini *Hansard* ada di tangan saya dan saya telah meneliti secara terperinci apa yang dibangkitkan atau perbahasan yang dibuat oleh Dato' Nallakaruppan semalam. Saya telah baca saya telah meneliti apa yang dibahaskan adalah ada kaitan dengan Akta Jenayah dan contohnya-contohnya itu.

Dalam perkara ini saya hendak sebut di sini *quote* sebagai contoh "*Dahulu mereka takut dengan ISA, sekarang mereka takut dengan PCA. Apa hal sikap pembangkang ini?*". *That's nothing wrong with that* dengan izin. Soal yang dibangkitkan semalam iaitu ada menyebut "*Sekarang mereka takutkan PCA apa halnya sikap pembangkang? Negara ini negara Islam dan sejarahnya Perdana Menteri mestilah Islam yang baik. Saya seorang India, hormat perlembagaan ini. Mahukah Perdana Menteri kita seorang yang tidak berperangai baik dan seorang bisexual?*". Dia tidak menyebut sesuatu pihak. *This* sebagai contoh, dengar ya.

Seterusnya dia bercakap begitu panjang. Maka, Yang Berhormat Syed Husin bangun. Masa itu Dato' Nallakaruppan bercakap "*Tengok apa salah dia buat blackout. Kononnya, kerajaan tipu rakyat. Dia mendorong rakyat benci kerajaan*". Dia sebut terus Dato' Nallakaruppan "*Tuan Yang di-Pertua, Parlimen negara hendak lihat Ketua Pembangkang yang baik. Macam mana semua orang menyokong Ketua Pembangkang yang boleh percaya sesama dia. Saya pun tidak tahu kerana Ketua Pembangkang sendiri tidak ada dalam Dewan Rakyat semasa Rang Undang-undang PCA dibentangkan pada 2 Oktober 2013. Macam mana?*".

Seterusnya Yang Berhormat Syed Husin bangun dan menarik perhatian. "*Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua kepada peraturan mesyuarat.*" So, saya minta peraturan mana? Disebut Peraturan Mesyuarat 35 dan 34, 34(5). Yang Berhormat, nombor satu saya hendak terangkan saya tidak boleh menahan

siapa sahaja Ahli Dewan yang hendak bercakap. Akan tetapi, Ahli Dewan mempunyai tanggungjawab dan mesti tahu had-had mana dia boleh bercakap.

Saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat. Sebagai contoh, dalam tahun 1979, mendiang Yang Berhormat Datuk Mark Koding di Dewan Rakyat. Saya masih ingat dia berkata "*Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini sampailah masanya kita hapuskan sekolah Cina, sekolah India*". Dengar baik-baik. Perkataan ini apabila disebut, dia terus bercakap. Tuan Yang di-Pertua tidak ada buat apa-apa. Seorang Ahli Dewan Rakyat ketika itu Chan Teck Chan daripada DAP membuat laporan polis di Sentul. Laporan polis itu telah disiasat. Akhirnya Yang Berhormat mendiang Mark Koding telah didakwa di Mahkamah Tinggi. Jadi, saya sudah baca penuh teliti. Ini kerana perkataan itu telah ditakrifkan sebagai menghasut.

So, dalam contoh ini Yang Berhormat semua mesti ada had-hadnya. Kalau sekiranya bercakap benda yang menyebabkan soal peribadi, perangai dan sebagainya *that is specific*. Terpulang pada Ahli Yang Berhormat semua buat laporan polis. Secara kebetulan, semalam saya baca juga di sini apabila saya tanya Dato' Nallakaruppan "*Sanggupkah you buat kenyataan di luar?*" Dia kata secara banyak kali saya sudah cakap di luar.

#### ■1150

So bermakna, Ahli-ahli Yang Berhormat rasa tidak puas hati, buat laporan polis dan saya tidak mahu Ahli Yang Berhormat ada di sini mengatakan saya tidak bersikap adil. Ini saya tidak boleh terima. Dalam Peraturan Mesyuarat ada mengatakan keputusan Tuan Yang di-Pertua muktamad, tidak boleh dipersoalkan. So saya harap semua Ahli Yang Berhormat daripada sekarang berhati-hati hendak menegur. Saya bersikap cukup neutral, cukup terbuka tetapi jangan persoalkan kerusi saya. Saya hendak pesan dan berhati-hati tidak kira pembangkang ataupun penyokong kerajaan. *You have to obey* dengan izin, *you must have obey decorum*. Bercakaplah, berbahaslah, tetapi Yang Berhormat juga bertanggungjawab. Kalau sekiranya dianggap sebagai jenayah, Yang Berhormat juga akan boleh didakwa. Kalau kata-kata Yang Berhormat dianggap sebagai menghina dan sebagainya, buat laporan polis boleh disiasat. Ini semua ada. Oleh itu, saya hendak beri tahu supaya semua Ahli Yang Berhormat tahu apa Yang Berhormat hendak bercakap tidak kira pembangkang ataupun penyokong-penyokong kerajaan. Ini saya maklumkan. Sekian, terima kasih.

Selepas ini saya hendak lihat semua mesti mengikuti. Kalau sekiranya semalam, dipersoalkan saya tidak adil, saya hendak tentukan. Saya akan terus bersikap serius, *strict* dalam hal ini. Siapa yang tidak betul, siapa yang tidak adil, saya akan ambil tindakan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman. Yang Berhormat Puan Roslin semalam tidak ada, ya? Okey sekarang boleh sambung. Boleh mulakan Yang Berhormat sebab semalam tidak ada dalam Dewan ya, semasa sesi nama dipanggil.

**Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman:** Tidak ada.



**Tuan Yang di-Pertua:** So lain kali mesti berada di dalam Dewan.

**11.52 pg**

**Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman:** *Bismillahi Rahmani Rahim*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasihlah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang dan kesempatan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013.

Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan yang telah memperkenalkan Pindaan Akta Pencegahan Jenayah 1959 iaitu Akta 297 ini bagi menangani jenayah berat dan jenayah terancang termasuk yang melibatkan jenayah senjata api, kongsi gelap, pengedaran dadah, maksiat dan perjudian. Saya percaya tindakan ini merupakan tindakan yang wajar bagi menjamin keamanan dan keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Pindaan Akta Pencegahan Jenayah PCA 1959 adalah lebih khusus untuk memerangi jenayah terancang. Ianya berbeza dengan ISA kerana ISA memberi kuasa yang luas untuk menahan individu tanpa proses mahkamah. Sebaliknya kuasa itu diberi kepada pihak polis dan Menteri Dalam Negeri. Walau bagaimanapun, Pindaan Akta Pencegahan Jenayah ini, keputusan akan dibuat oleh pihak hakim bagi memastikan tidak berlaku penganiayaan terhadap sesiapa termasuk memastikan seseorang itu tidak ditangkap kerana mempunyai pendirian dan ideologi politik yang berbeza daripada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberitahu di sini maknanya, kita menghargai kehidupan yang aman dan tenteram yang mana tidak ada perasaan takut, kita tidak ada perasaan terancam dan kita tidak ada perasaan gerun. Kita juga tidak mahu ada ugut, ada bunuh, ada pukul dan lain-lain yang merupakan keganasan yang kerap dikaitkan dengan jenayah. Peningkatan kes jenayah bermaksud kes ugut, bunuh, pukul semakin menjadi-jadi kebelakangan ini. Jenayah dan keganasan ia adalah merupakan kembar yang serupa di mana ada jenayah mesti ada keganasan. Mencegah jenayah membawa erti mencegah keganasan. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), keganasan bukan sahaja menyebabkan kematian dan kecederaan. Malah keganasan juga memberi kesan psikologi iaitu kerejatan dan juga kepada pengabaian. Ini adalah semua penyakit yang perlu kita ubati. Namun sebaiknya bak kata pepatah, "Mencegah lebih baik daripada mengubati".

Rang Undang-Undang ini merupakan ubat bagi kita untuk mengubati penyakit masyarakat ini. Pasti ada di antara Ahli Dewan ini faham maksud saya. Ianya masalah sosial, ekonomi dan juga politik. Sebenarnya langkah mencegah ini perlu dipaksakan kepada sesuatu pelan tindakan yang memerlukan sokongan dan kerjasama daripada semua pihak. Mudah dengar pesan orang tua-tua kita, "Jangan buat itu nanti mudarat. Jangan leka nanti kita luka, ikut hati kita mati, ikut rasa kita merana". Mengapa kita harus memasukkan perkara 149 Perlembagaan Persekutuan? Mansuh bermaknanya menggalakkan jenayah terancang. Kita menggalakkan perasaan tidak selesa dan juga derhaka kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Ia menggalakkan perasaan niat jahat. Kita juga menggalakkan permusuhan

kaum dan juga kita memudaratkan perjalanan perkhidmatan awam, memudaratkan ketenteraman awam dan dengan itu Perkara 149 ini adalah satu perundangan menentang perubatan subversif. Tindakan yang memudaratkan ketenteraman awam. Maka itu, kita harus menyokong rang undang-undang yang akan dibentangkan kemudian.

Di sini saya menarik untuk membawa perkara dalam pindaan ini adalah dalam seksyen baru 7A dan 7B iaitu jadual ketiga akta berkenaan iaitu berkenaan dengan peranti kawalan elektronik di mana *Electronic Monitoring Device* atau singkatan EMD. Memandangkan tajuk ini sesuatu yang baru dan mempunyai isu-isu yang boleh dibahaskan. Secara amnya EMD ini ada difahamkan sebagai peranti yang dipakai kepada pesalah. Namun tiada diterangkan keperincian peranti tersebut. Persoalan yang timbul, peranti ini mempunyai hampir 59 jenis di dalam pasaran. ia ada pelbagai kategori, pelbagai kegunaan, pelbagai kaedah pemakaian, pelbagai jenis materialnya, pelbagai gred ketahanannya dan lain-lain.

Contohnya, ada jenis yang aktif iaitu mengeluarkan *signal*, ada yang pasif yang tidak mengeluarkan signal tetapi akan memantul signal tertentu apabila dipancarkan frekuensi radio yang telah disetkan kepadanya. Ada peranti yang menggunakan talian telefon di rumah, ada yang menggunakan talian telefon *cellular*, ada yang menggunakan pancaran frekuensi radio, ada yang menggunakan signal dan satellite, ada peranti yang dipakai di lengan, ada yang dipakai di pergelangan kaki, ada yang dipakai di pinggang, ada yang dipakai di leher, ada yang ditanam di dalam tubuh, ada peranti yang perlu *dicharge* baterinya setiap beberapa jam, ada yang mempunyai ketahanan bateri sehingga dua tahun, ada yang boleh *dicharge* sendiri melalui pena solar, ada yang *save charging*, ada peranti yang tahan lasak, ada yang mempunyai kekangan yang tidak tahan api, tidak kalis air, tidak tahan gegaran, malah ada peranti yang pakai buang. Ada peranti yang perlu dikunci, ada yang boleh ditanggal pakai, ada yang jenis perlu di *seal*, ada yang dilekatkan pada pakaian dan ada yang jenis yang perlu disentuh pada kulit.

Dari segi saiz pula, ada yang sebesar bateri kereta, sebesar kotak mancis dan ada yang sekecil penutup pen. Malah, ada sekecil jarum yang boleh dimasukkan ke dalam tubuh manusia. Ada jenis peranti yang boleh dikesan dalam 500 meter radius dan ada yang boleh dikesan 20 kilometer radius, dan hanya boleh dikesan lingkungan 15 meter radius.

Dari segi harganya, ada yang berharga lebih daripada USD150 ribu seunit dan ada juga yang hanya berharga USD350 seunit. Dari segi penyelenggaraan. Ada peranti yang perlu diservis setiap 500 jam, ada juga yang tidak perlu diselenggarakan setiap kali baterinya habis dan ada yang tidak ada langsung *warranty*.

Dari segi fungsi, ada yang mempunyai memori pergerakan pemakaiannya, ada juga yang hanya memancarkan koordinasi pemakainya dan ada juga yang boleh mengirim pelbagai maklumat kepada pemakainya. Tekanan darah, lemah jantung, suhu badan dan lain-lain.

Dari segi pengeluarannya, ada juga yang diperlukan oleh Amerika Syarikat, ada dari Jepun dan juga ada dari rakyat China. Pendek kata, perlu spesifikasikan peranti yang perlu digunakan. Kita mohon penjelasan dari pihak kementerian.

Begitu juga dengan akta yang berkaitan dengan EMD ini pula iaitu sedia memakai EMD dan siapa yang terlibat. Seksyen 7A, seksyen ini menyebut arahan pemakaian EMD dengan arahan Hakim Mahkamah Seksyen. Seterusnya ada yang menyebut di dalamnya iaitu Seksyen 7B. Ini penting iaitu hakim dikehendaki menerangkan prosedur dan cara pemakaiannya.

#### ■1200

Berkaitan seksyen ini, adalah perlu dibaca bersama Artikel 593, Kanun Prosedur Jenayah 2012, merujuk 390A, 390B dan 390C. Sukacita dimaklumkan bahawa Akta 593 ini lebih jelas penerangannya, malah ada klausa menyebut, “...peranti hanya boleh dipakaikan kepada pesalah yang sanggup memberi kerjasama”. Ini disebut di seksyen 388A(3) Akta 593, Kanun Prosedur Jenayah 2012. Dipendekkan, ada beberapa kemasakan Akta 297, selaras dengan Akta 593. Antaranya seksyen 445, Akta 593, mengenai kaedah penyerahan semula peranti apabila pesalah bebas. Seksyen 390A, 593, Kanun Prosedur Jenayah 2012, mengenai jika kerosakan peranti, apakah dendanya, yang mana ini tiada dijelaskan di seksyen 7A(7), Akta 297, Akta Pencegahan Jenayah.

Yang menarik di seksyen 390(c), Kanun Prosedur Jenayah ada menyebut tentang pelbagai pemilihan EMD yang boleh digunakan. Sukacita juga dimaklumkan bahawa jadual ketiga, seksyen 7A, Akta 297, Akta Pencegahan Jenayah ini perlu dipertimbangkan untuk ditambah baik. Dicadangkan ditambah maklumat seperti berikut:-

- (i) nombor rujukan peranti yang digunakan termasuk jenama peranti, tarikh penyelenggaraan, nombor rujukan, kunci dan sebagainya;
- (ii) nama pegawai yang ditugaskan untuk memantau peranti tersebut;
- (iii) nama dua orang penjamin, alamat dan nombor telefon mereka;
- (iv) tarikh lawatan pegawai pemantau ke kediaman pesalah;
- (v) nombor telefon pihak polis jika peranti bermasalah,
- (vi) buku manual secara kaedah penggunaan peranti tersebut bersama panduan *trouble shooting*.

Akhir sekali, memandangkan peranti ini merupakan perkara baru kepada kita, maka pelbagai persoalan lain yang perlu dilihat.

- (i) latihan kepada pegawai yang bertanggungjawab ke atas peranti tersebut;
- (ii) jenis dan spesifikasi peranti tersebut;
- (iii) kos pengurusan penggunaan peranti tersebut;
- (iv) pengurusan maklumat dari *signal* peranti tersebut; dan
- (v) kaedah pendakwaan dan bahan bukti jika ada pelanggaran syarat dan terma.

Sebelum itu marilah kita lihat kenyataan Peguam Negara, Tan Sri Gani Patail di Forum Pencegahan Jenayah pada 24 Ogos 2013 yang lalu. Dia berkata, “EMD ini lebih cepat digunakan lebih bagus”, komen beliau apabila ditanya. Satu komen yang lain daripada

Penyelidik Kanan PEMANDU, Cik Farah Borhanudin yang menyarankan peranti itu dipakaikan kepada pesalah yang ditangkap di bawah Ops Cantas.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Puan Khairiah.

### 12.03 tgh.

**Puan Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Sekali lagi saya berdiri di sini dengan memberi penegasan tentang pendirian Pakatan Rakyat menyokong usaha kerajaan untuk membanteras jenayah dan sama sekali tidak berkompromi dengan jenayah. Penegasan sekali lagi pendirian Pakatan Rakyat membantah sebarang tindakan mencabul hak asasi keadilan bagi manusia yang telah diiktiraf sejagat.

Bagi maksud ini saya pergi se pantas lalu berkenaan dengan beberapa prinsip keadilan. Pertamanya, prinsip keadilan di dalam *common law*, dengan izin, *principal of natural justice* yang menyebut *presumption of innocence until proven guilty*. Di dalam bahasa Melayu, seseorang dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan sebaliknya. Dalam prinsip perundangan Islam dalam bahasa Arab... [*Berucap menggunakan bahasa Arab*] Prinsip ini adalah prinsip sejagat yang tidak boleh dicabul melainkan dalam keadaan-keadaan yang sangat terdesak seperti mana di dalam Artikel 149.

Di sini juga saya ingin menyebut sepotong ayat Al-Quran berkenaan dengan keadilan yang diiktiraf setinggi-tingginya di dalam Al-Quran. [*Berucap menggunakan sepotong ayat Al-Quran*] yang bermaksud, "Dan apabila kamu menghakimi di kalangan manusia hendaklah kamu menghakim dengan adil".

Dalam menghuraikan ayat-ayat ini, Profesor Mahmud Saidun dalam bukunya, dengan izin, *An Introduction to Islamic Law of Evidence*, menyatakan, "*justice may only be realize through enforcement of just laws based on divine inspiration, competent and just judges and accurate proof, plus strong an unshakeable evidence.*"

Maka, sekali lagi saya tegaskan dalam menegakkan keadilan kita perlu memantapkan:-

- (i) undang-undang;
- (ii) penguatkuasaan;
- (iii) institusi kehakiman; dan
- (iv) keterangan dan pembuktian.

Tuan Yang di-Pertua, prinsip keadilan ini sangat jelas. Maka, tentu sekali undang-undang yang menetapkan penahanan tanpa hak perbicaraan, penahanan tanpa hak pembelaan, penahanan tanpa pembuktian adalah mencabul prinsip keadilan ini. Dalam keadaan hari ini apabila kita dikejutkan dengan banyak kes jenayah. Kekerasan ini kita sangat terkejut dan tergapoh-gapah dan mencari jalan penyelesaian dan jalan keluar. Sudah terhantuk

baru tengadah, sehingga kita sanggup mengambil jalan singkat walaupun jalan tersebut mencerooboh hak orang lain, mencerooboh jalan orang lain.

Mana mungkin keadilan ditegakkan dengan mencabul keadilan kepada pihak lain, mana mungkin keadilan ditegakkan dengan berbuat kezaliman kepada pihak lain. Sebenarnya jenayah-jenayah ini berpunca dan berasal daripada jenayah-jenayah kecil. Apabila kerajaan tidak berjaya mengawal dan membanterasnya semasa kecil, penjenayah menjadi semakin berani untuk melakukan jenayah yang lebih besar dan lebih terancang.

Seterusnya, saya ingin melihat sedikit kepada sistem undang-undang. Hari ini kita mengamalkan sistem undang-undang yang diambil daripada *common law* semenjak kemerdekaan iaitu setelah hampir 60 tahun. Namun, saban tahun kita menyaksikan indeks jenayah semakin meningkat. Tidak kelihatan surut, malah masyarakat hidup dalam ketakutan, masyarakat seolah-olah terpenjara, berada dalam penjara sedangkan penjenayah bebas. Kecelaruhan ini perlu diperbetulkan dengan menyelesaikan punca jenayah ke akar umbi, bukan semata-mata mengambil kaedah menahan sewenang-wenangnya orang-orang yang dianggap penjenayah.

Kita perlu menilai semula kelemahan dalam dasar pendidikan, dalam dasar ekonomi, dasar kekeluargaan, kemasyarakatan dan sebagainya. Kecelaruhan ini perlu diperbaiki dengan melihat dan memperbaiki sistem penguatkuasaan, sistem kehakiman dan sistem keterangan yang ada tetapi bukan sekali-kali dengan mencabul hak keadilan. Maka, saranan-saranan yang dikemukakan bagi menambah baik PDRM hendaklah diteliti bagi pelaksanaannya.

Seterusnya, janganlah kita mengharapkan perubahan kesan-kesan yang drastik iaitu penurunan kadar jenayah dengan cara dan usaha yang sama saban tahun, mengharapkan hasil berbeza dengan usaha yang sama adalah sesuatu yang tidak bijak. Perlu ada suatu usaha yang lebih intensif, usaha yang lebih untuk meningkatkan lagi profesionalisme kepolisian bagi mengurangkan kadar jenayah ini. Sebenarnya, Islam menawarkan alternatif perundangan yang lengkap daripada sudut undang-undang substantif, *procedural* dan juga keterangan.

#### ■1210

Sekiranya diteliti, terdapat beberapa persamaan antara prinsip-prinsip dalam undang-undang Islam dan *common law* iaitu seperti prinsip *natural justice* dan tahap pembuktian yang menetapkan dengan izin, *beyond reasonable doubt* dalam kes-kes jenayah. Ini adalah beberapa persamaan antara ciri-ciri *common law* dan juga perundangan Islam.

Cuma tentu sekali terdapat perbezaannya. Bezanya, umat Islam mempercayai perundangan Islam ini lahir, datang daripada yang Maha Pencipta melalui Rasul sebagai penyampai. Manakala undang-undang yang ada pada hari ini, *common law* tentu sekali datang daripada manusia. Itu adalah satu perbezaan yang sangat-sangat ketara. Satu lagi bezanya. Islam meletakkan jenayah bunuh dan mencederakan sebagai pencerobohan ke atas hak individu ataupun hak persendirian, maka orang berkenaan sahaja iaitu mangsa dan keluarga mangsa sahaja yang boleh membuat tuntutan termasuk hukuman pembalasan yang setimpal melalui kerajaan dan juga memohon ganti rugi termasuk hak memaafkan adalah diberi kepada

mangsa dan keluarga mangsa. Sedangkan di dalam sistem undang-undang kita pada hari ini meletakkan kesalahan membunuh dan mencederakan sebagai hak awam di mana keluarga tiada hak untuk memaafkan.

Undang-undang Islam ini sebenarnya tidak asing di Malaysia. Ia telah pun diamalkan sebelum *common law* lagi. Contohnya, Kerajaan Melaka sebelum kejatuhannya dan beberapa kerajaan lain di negeri-negeri Semenanjung Malaysia sebelum zaman penjajahan. Pernah dikatakan undang-undang Islam adalah *law of the land* pada masa tersebut. Saya mohon kerajaan mengkaji secara serius beberapa prinsip-prinsip dan hukuman-hukuman di dalam undang-undang Islam mungkin boleh diadaptasi di dalam undang-undang jenayah, prosedur dan undang-undang keterangan yang diguna pakai sekarang.

Dalam konteks pembuktian dan penyaksian, Islam telah menggariskan bahawa tugas memberi penyaksian atau hadir sebagai saksi adalah tanggungjawab kepada Allah dan agama dan menjadi satu bentuk ibadat. Penafian tidak bersetuju untuk menjadi saksi adalah satu dosa yang sangat besar. Allah berfirman di dalam satu ayat, [*Bercakap dalam bahasa Arab*] “*Wahai orang-orang yang beriman, berdiri tegaklah dengan keadilan dengan menjadi saksi bagi Allah walaupun dengan memberi kesaksian ke atas diri sendiri, kedua ibu bapa ataupun kaum keluarga*”. Jelas penyaksian adalah sangat penting dan menjadi tanggungjawab. Pelanggarannya adalah satu dosa, maka tugas penyaksian ini adalah sangat penting dan sangat diambil berat dalam Islam.

Seterusnya konsep...

**Dato' Lim Nget Yoon:** Boleh beri laluan? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Sekarang cakap tentang saksi, untuk penjenayah dengan senjata api, yang ini melibatkan nyawa kita. Jadi beranikah Yang Berhormat jadi saksi untuk jenayah tersebut? Saya tidak berani. Terima kasih.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Oleh sebab itulah saya tekankan tadi, kita hari ini dalam melaksanakan keadilan sangat memerlukan kepada penyaksian. Maka bagi memastikan proses penyaksian ini berlaku tanpa berlaku kezaliman selanjutnya, ini tugas kita. Mantapkan, cari kelemahan dan selesaikan kelemahan ini dalam apa jua bentuk sekali pun.

Dalam konteks undang-undang sendiri telah menjadikan tanggungjawab menjadi saksi adalah satu tanggungjawab ibadah. Tidak menjadi saksi apabila diminta adalah satu dosa. Jadi, kerajaan perlu fikir mekanisme perlindungan saksi supaya saksi tidak akan terlibat dengan kezaliman seterusnya.

Seterusnya saya ingin pergi kepada beberapa konsep hukuman di dalam undang-undang Islam. Hukuman dalam undang-undang Islam bertujuan sebagai pembalasan kepada penjenayah dan lebih besar lagi menjadi tauladan dan pengajaran kepada semua golongan masyarakat agar tidak berkelakuan seperti mana penjenayah tersebut. Oleh sebab itu, ada sesetengah jenayah dihukum di khalayak ramai. Contohnya bagi kesalahan merompak,

membunuh dan berzina. Antara kesalahan ataupun hukuman yang dibuat di khalayak ramai adalah seperti bunuh dan juga rotan.

Akan tetapi apabila kita lihat dan kita bandingkan hari ini, kebanyakan hukuman, semua hukuman yang berjalan pada hari ini, semuanya dilakukan di penjara. Hukuman gantung, hukuman sebat, semuanya dilakukan di penjara dan tidak ada dibuka kepada mana-mana masyarakat yang ingin untuk menyaksikan hukuman itu dilaksanakan tidak dibenarkan. Sedangkan konsep ini berbeza dengan Islam. Ada beberapa kesalahan contohnya hukuman rotan, diminta disaksikan oleh sebahagian daripada masyarakat supaya kesannya, iktibarnya, teladannya dapat dirasakan oleh sebahagian besar masyarakat.

Kita lihat kes Mona Fendy, betapa kes tersebut, pesalah tertuduh telah disabitkan dengan kesalahan iaitu pembunuhan yang sangat kejam, sangat tidak berperikemanusiaan dan akhirnya telah sabit hukuman dan telah pun dihukum bunuh. Akan tetapi masyarakat kadang-kadang hilang, tahu cerita berkenaan dengan pembunuhan tersebut. Akhirnya kemudian baru tahu, 10 tahun, 20 tahun kemudian bahawasanya Mona Fendy telah pun dihukum. Jadi hukuman-hukuman terhadap penjenayah-penjenayah besar ini sepatutnya diuar-uarkan, ditunjukkan agar menjadi iktibar kepada sebahagian besar masyarakat. Kadang-kadang apabila perkara ini ditunjukkan, melihat dengan mata kepala sendiri, kesannya adalah lebih besar berbanding dengan mendengar melalui surat khabar, membaca berita dan sebagainya.

Bagi kes bunuh dan mencederakan pula, Islam mengetengahkan konsep pembalasan yang setimpal. Bunuh dibalas bunuh, mencederakan tangan balasannya mencederakan tangan yang sama, menyebabkan kecederaan mata akan dibalas dengan mencederakan mata yang sama. Namun ia adalah hak individu berkenaan sama ada ingin menuntut pembalasan setimpal, ganti rugi ataupun memaafkan. Hak yang sangat besar diberikan kepada mangsa dan keluarga mangsa yang terlibat dengan kes bunuh dan mencederakan. Jadi konsep ini memang sangat berbeza antara konsep yang diguna pakai di dalam *common law* yang kita guna pakai hari ini dan konsep yang diperkenalkan di dalam Islam.

Saya tidak ingin membahaskan PCA ini lebih panjang lagi memandangkan daripada sudut teknikal undang-undang telah pun banyak diperbahaskan. Cuma, sekali lagi saya menegaskan kita tidak akan berkompromi dengan pencabulan terhadap sistem keadilan.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Mohon laluan Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, dia sudah habis sudah Yang Berhormat. Hendak tanyakah?

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Habis sudah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada sambung lagikah? Tidak ada sudah?

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Tidak ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah itu kerana kita hari ini menghadkan masa itu kuasa saya. Tadi timbalan saya telah buat keputusan lebih kurang 20 minit. Yang Berhormat agaknya bercakap dalam masa yang dihadkan, bagus.

Sekarang tanpa membuang masa saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dayang Hajah Madinah. Selepas itu saya hendak jemput Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam. Silakan.

**12.20 tgh.**

**Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi keizinan kepada saya untuk turut serta membahaskan akta tersebut iaitu Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013.

Saya ucapkan setinggi tahniah dan syabas kepada Kerajaan Barisan Nasional melalui Kementerian Dalam Negeri atas inisiatif untuk meminda dan memperluaskan Akta Pencegahan Jenayah 1959 yang dikira terlalu lama dan perlu diperbaharui mengikut keadaan dan liputan semasa. Saya percaya pihak Kerajaan Barisan Nasional telah mendengar dan mengambil kira suara serta denyut keluhan majoriti rakyat Malaysia sebelum merangka akta tersebut.

Saya bersetuju dengan langkah-langkah dan perincian pindaan terhadap Akta Pencegahan Jenayah 1959 yang juga diperluaskan untuk Sarawak dan Sabah atas dasar semangat 1Malaysia. Ia merupakan keprihatinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Barisan Nasional yang memperuntukkan perlindungan asas terhadap kami, penduduk di Sarawak. Bak kata pepatah peribahasa Melayu, "*Cubit paha kanan, paha kiri juga terasa*".

Memandangkan usaha kerajaan ke arah meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, selain bertujuan untuk menjamin keamanan, kemakmuran dan keharmonian dalam negara. Begitu juga untuk menjamin keselamatan, kesejahteraan serta kebahagiaan setiap warga negara Malaysia, maka akta tersebut perlu diterima pakai. Langkah-langkah pindaan akta tersebut, sememangnya berpatutan supaya ia perlu juga selaras dengan yang diperuntukkan oleh negara-negara lain, khususnya negara-negara jiran kita dalam ASEAN terutamanya ke arah memelihara semangat kerjasama dan semangat kejiranan dengan negara-negara tersebut dalam aspek keselamatan.

Bagi aspek sosial pula, sebagai seorang wanita, saya amat bimbang dengan berlakunya kes-kes jenayah yang melibatkan golongan wanita dan juga kanak-kanak yang menjadi mangsa yang berleluasa berlakunya. Kebelakangan ini khususnya kes-kes maksiat, ragut, culik dan rogol, ada yang dilakukan sehingga mati. Jadi kita berharap agar Akta Pencegahan Jenayah yang baru ini akan mengurangkan kebimbangan serta keraguan kami golongan wanita dan para ibu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rakyat yang cintakan kedamaian dan sayangkan keluarga, sudah pasti kita tidak mahu anak-anak kecil dan remaja kita begitu mudah terpengaruh dengan sikap serta perlakuan jahat, ganas, negatif dan terdedah dalam suasana sekeliling seolah-olah seperti dalam filem *Cowboy*, tembak-menembak sana sini. Jika kita hendak membantu pihak kerajaan ke arah melahirkan generasi yang berakhlak mulia dan



berilmu pengetahuan dengan minda kelas pertama, untuk menjadi pewaris kepimpinan negara pada masa hadapan.

Dengan meningkatnya kes jenayah berat dan jenayah terancang berlaku kebelakangan ini, sudah tentu ia boleh melumpuhkan kedatangan pelancong ke negara kita, apatah lagi menjelang Tahun Melawat Malaysia 2014 nanti. Memandangkan kedatangan pelancong yang disasarkan sehingga puluhan juta bilangannya, maka keselamatan mereka perlu diambil kira secara holistik kerana industri pelancongan amat penting kepada ekonomi negara yang menghasilkan pendapatan lumayan. Selain itu, imej baik negara juga penting, kerana para pelancong akan bawa balik sebagai pujian serta kenangan indah untuk mereka kongsi bersama rakyat negara mereka sendiri.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan melalui kerjasama Kementerian Pelancongan dan juga Kementerian Dalam Negeri supaya mewujudkan pasukan khas daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), dengan diberi nama polis pelancong, untuk menjaga keselamatan di semua lokasi ataupun pusat-pusat tarikan pelancong dan tempat-tempat strategik tumpuan pelancong di seluruh negara.

Contohnya seperti kita di Sarawak, Kuching Waterfront merupakan tumpuan para pelancong. Jadi Kementerian Pelancongan Negeri Sarawak dengan kerjasama pihak PDRM telah mewujudkan polis pelancong untuk membuat kawalan dan rondaan 24 jam di sepanjang Kuching Waterfront untuk memastikan keselamatan para pelancong yang melawat tempat itu siang dan malam. Jadi para pelancong sekurang-kurangnya merasa agak yakin dan seronok untuk melawat tempat yang dilawat. Kita berharap pihak penguat kuasa yang berwajib terus di perkasa lagi dalam melaksanakan akta tersebut dengan jaya dan cemerlangnya demi negara kita yang tercinta.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam.

**12.28 tgh.**

**Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Pertama kali izinkan saya untuk merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana limpah kurniannya, dapat saya sama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 di Dewan yang mulia ini. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih saya kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi ruang dan kesempatan kepada saya untuk turut sama mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, tidak lama selepas serangan pengganas ke atas Amerika Syarikat pada 11 September 2001, kira-kira 12 tahun yang lalu, Kerajaan United Kingdom pada masa itu terus mengumumkan bahawa ia akan meminda akta yang sedia ada yang wujud di negara tersebut. Oleh kerana ancaman keselamatan yang timbul, tidak lagi membenarkan situasi di mana hak-hak kebebasan individu mengatasi hak-hak keselamatan negara dan masyarakat.

#### ■1230

Dengan izin, *the Anti-Terrorism Crime and Security Act 2010* dibentangkan di Parlimen United Kingdom pada 12 November 2001 iaitu lebih kurang dua bulan setelah berlakunya peristiwa 11 September di Amerika Syarikat dan diluluskan oleh Parlimen United Kingdom dalam masa satu bulan daripada tarikh pembentangannya. Natiyah daripada peristiwa ini adalah soal keselamatan yang melibatkan kepentingan dan keselamatan negara dan masyarakat keseluruhannya adalah satu perkara yang tidak boleh dipandang mudah malah hak-hak sesuatu masyarakat yang seharusnya mengatasi hak-hak individu sekiranya ia memerlukan kita untuk memilih, untuk memberi keutamaan kepada yang mana satu. Bayangkan kejadian berlaku di Amerika Syarikat tetapi di United Kingdom yang mana sistem perundangannya telah kita adaptasi selepas mencapai kemerdekaan telah mengambil langkah yang tegas untuk memastikan keselamatan masyarakat dan negara mereka.

Perlu kita ingat, ini adalah sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen sejak sekian lama dan hak-hak kebebasan individu telah lama diperjuangkan di negara tersebut. Tuan Yang di-Pertua, di negara kita, penghapusan ISA, EO dan *Restricted Residence* telah menambah jenayah. Beribu penjenayah telah dibebaskan. Akibatnya berlaku jenayah hingga satu ketika setiap hari hingga rakyat menjadi begitu risau kerana ada sahaja jenayah pembunuhan yang melibatkan nyawa orang ramai. Saya difahamkan akibat daripada berlakunya jenayah ini, ramai usahawan bahkan juga orang persendirian telah mengambil pengawal keselamatan untuk menjaga keselamatan mereka dan juga keluarga mereka. Saya percaya, kerajaan telah mengambil tindakan menghapuskan ISA, EO dan *restricted residence* adalah kerana desakan banyak pihak termasuk pihak pembangkang juga.

Oleh kerana itu pembangkang perlu sama-sama bertanggungjawab terhadap keselamatan yang semakin menurun pada ketika ini. Sebelum ISA, EO dan *restricted residence* dihapuskan, Malaysia adalah negara yang paling aman di ASEAN. Duduknya nombor satu teraman, nombor dua di Asia dan nombor 19 di dunia seperti laporan *Global Peace Index 2012*, dengan izin. Bagi meningkatkan semula keselamatan rakyat, keselamatan pelabur dan juga pelancong, saya menyokong agar meminda dan memperluaskan Akta Pencegahan Jenayah 1959 ini.

Seperti di Amerika Syarikat, mereka masih ada lagi Akta Patriotik dan di Singapura masih ada Akta ISA. Rakyat tidak perlu bimbang kerana yang akan ditahan adalah penjenayah yang berpotensi bukan ahli politik yang berpotensi sama ada pembangkang ataupun daripada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan dan pemerulean kepada Akta Pencegahan Jenayah 1959, ia juga bertujuan untuk melindungi orang ramai daripada penjenayah-penjenayah terutamanya kes-kes yang melibatkan jenayah terancang, jenayah berat dan jenayah kekerasan. Jenayah-jenayah yang sedemikian memerlukan satu undang-undang khusus iaitu suatu sokongan daripada sudut undang-undang untuk membantu pihak PDRM untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan cekap dan berkesan. Kita kadangkala kadang mengetahui seseorang itu memang penjenayah, jahat, semua orang pun tahu beliau ini penjahat tetapi sukar dikesan. Oleh kerana itulah bagi kes-kes yang begini, tentu kita perlu menggunakan undang-undang menahan mereka ataupun penjenayah berkenaan agar keselamatan rakyat terjamin.

Sebagai seorang Ahli Dewan Negara yang telah mengangkat sumpah untuk menjaga kepentingan negara, patut kah kita membiarkan anggota-anggota polis yang mempertaruhkan nyawa mereka untuk keselamatan masyarakat tanpa sokongan? Sekurang-kurangnya kita memperkasakan mereka dengan undang-undang yang membolehkan mereka membanteras jenayah dengan sebaik-baiknya.

Kita telah mendengar bagaimana anggota-anggota polis terkorban dalam menjalankan tanggungjawab mereka untuk memerangi penjenayah-penjenayah. Keluarga, isteri dan anak-anak yang terkorban ini telah kehilangan anak, suami dan bapa yang tidak akan lagi kembali ke pangkuan mereka. Mereka telah kehilangan tempat untuk bergantung selama-lamanya. Marilah kita juga menjalankan tanggungjawab kita sebagai Ahli Dewan legislatif yang tertinggi di negara ini dengan memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada semua anggota keselamatan kita dengan meluluskan pindaan dan memperluaskan kepada Akta Pencegahan Jenayah ini.

Kita mendoakan agar anggota-anggota keselamatan yang sedia ada dapat menjalankan tugas mereka dengan selamat, di mana jua mereka berada demi untuk memastikan bahawa negara kita akan terus selamat, aman dan makmur. Saya percaya undang-undang kita adalah undang-undang yang telus, ia bersikap adil dan tidak akan menganiayai mana-mana pihak.

Kita mengamalkan sunah Rasulullah bahawa siapa yang bersalah tetap diambil tindakan. Rasulullah pernah bersabda "*Hatta anakku Fatimah pun kalau ia bersalah, tetap akan dihukum*". Oleh kerana itu Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak pembangkang janganlah bimbang ya, bahawa apa yang kita buat ini adalah mengikut sunah Rasulullah. Saya sekali lagi menyokong agar akta ini diluluskan. Saya juga berharap pihak pembangkang akan menyokong kerana hak asasi awam lebih penting daripada hak asasi *criminal*. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datuk Haji Megat Zulkarnain.

12.38 tgh.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omardin:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya ruang untuk membahaskan Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pernerluasan) 2013 dalam Dewan Negara yang mulia ini. Ini adalah rang undang-undang pertama yang akan saya bahaskan selaku seorang ahli legislatif dalam Dewan Negara. Saya berterima kasih di atas pelantikan saya sebagai salah seorang Ahli Dewan yang mulia ini.

Berbalik kepada pindaan rang undang-undang ini yang saya anggap ianya adalah amat penting dalam sejarah Malaysia. Ia adalah satu pindaan yang kena pada masanya mengikut peredaran semasa. Soalnya sekarang ialah mengapa ada tentangan yang begitu hebat terhadap pindaan ini? Inilah masalahnya untuk setengah-setengah pihak terutama pihak pembangkang kerana demikian mungkin berlaku salah faham di antara pihak-pihak tertentu. Seperti ahli politik, pertubuhan bukan kerajaan dan Majlis Peguam yang menyamakan pindaan baharu ini dengan Akta Keselamatan Dalam Negeri ISA yang dimansuhkan khasnya dari skop serta penguatkuasaan.

Kita kena faham bahawa ISA merangkumi skop kesalahan yang lebih meluas terhadap badan atau individu yang melakukan kesalahan. memudaratkan. ketenteraman awam misalnya membangkitkan ketegangan antara kaum, mengkritik secara tidak berasas sehingga menaikkan perasaan marah di kalangan masyarakat. Keadaan sebegini boleh disifatkan sebagai berbau politik jika diberikan penterjemahan yang liberal.

#### ■1240

Bagi pindaan Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah ini sebaliknya mempunyai tujuan spesifik serta menyasarkan kumpulan tertentu iaitu memerangi sindiket jenayah terancang, berbahaya dan mengancam ketenteraman awam serta negara. Kumpulan sebegini mempunyai reputasi sehingga tidak menggalakkan orang awam menjadi saksi kerana takut diri dan individu terbabit akan terancam.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan pengamatan saya dalam seksyen 7C kuasa Lembaga Pencegahan Jenayah mengeluarkan perintah tahanan untuk maksimum dua tahun. Jika perlu lanjutan tempoh tahanan boleh dikeluarkan untuk tempoh dua tahun lagi untuk menjamin ketenteraman dan keselamatan awam serta pencegahan jenayah. Tadi Yang Berhormat pembangkang ada menyebut soal hukuman. Kita hendak bincang hari ini soal pencegahan. Bagaimana pencegahan boleh kita elakkan tidak berlaku jenayah sebelum hukuman dilaksanakan?

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah seksyen yang baru ini ramai yang mengkritik dan mendakwa pindaan itu melanggar hak asasi dan menggalakkan penahanan suspek tanpa bicara. Ini juga merupakan salah tafsir malahan kedaifan pihak-pihak tertentu khususnya ahli politik yang mempunyai agenda tersendiri. Pindaan ini memperuntukkan penubuhan Lembaga Pencegahan Jenayah yang terdiri daripada tiga orang panel yang mengendalikan kes.

Pengerusi Lembaga itu juga wajib dijawab oleh bekas atau orang berkeelayakan setaraf dengan Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi.

Dengan penahanan untuk tempoh dua tahun haruslah diluluskan terlebih dahulu oleh lembaga ini. Pada peringkat ini adalah diujahkan bahawa representasi kesahihan tahanan sedemikian dapat dipertikaikan sama ada oleh tahanan sendiri atau khidmat peguam serta pemanggilan saksi-saksi tahanan jika diperlukan. Peringkat ini boleh didefinisikan sebagai peringkat cabaran substantif atau peringkat perbicaraan intipati kebolehpercayaan tuduhan terhadap tahanan.

Jadi maknanya penahanan dua tahun ini yang dikatakan secara automatik itu sebenarnya tidaklah secara automatik. Jangan pendek akal seperti dinyatakan saya awal tadi tapisan dibuat daripada kes-kes oleh lembaga selepas melalui proses pengadilan seperti perbicaraan di mahkamah dengan laporan siasatan yang lengkap. Tambahan pula, pra-syarat penahanan dua tahun ini adalah tahanan yang telah melanggar perintah pengawasan yang telah dikenakan terdahulu ataupun tahanan penjenayah berdaftar telah pun melakukan dua ataupun lebih jenayah berat berserta laporan siasatan dan mempunyai keterangan kukuh untuk menyokong intipati kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya penahanan suspek tidak berakhir di situ kerana tahanan boleh mencabar di Mahkamah Tinggi melalui permohonan habeas corpus ataupun penahanan melanggar hak asasi di bawah Perlembagaan Persekutuan. Peringkat ini adalah cabaran terhadap ketidakpatuhan tatacara atau prosedur proses tahanan yang tidak mengikut lunas undang-undang-undang. Peringkat ini melibatkan penyeliaan ketat oleh pihak mahkamah untuk mentafsir hak asasi tahanan.

Kita kena faham bahawa setiap permohonan membebaskan tahanan boleh berjaya hanya di atas kesilapan-kesilapan teknikal perintah misalnya tiada cop nama atau cop pegawai penahanan, kesilapan menaip dalam *affidavit* pihak tahanan, tiada dokumen sokongan dalam *affidavit*, kegagalan pegawai yang sepatutnya berikrar *affidavit* malahan merangkumi kesilapan ejaan nama atau tarikh tertentu.

Ini menunjukkan begitu ketatnya badan kehakiman menjaga dan memelihara hak asasi tahanan yang terjamin di bawah Perlembagaan Persekutuan. Seterusnya jika pada peringkat itu iaitu di Mahkamah Tinggi tahanan gagal mencabar penahanannya, dia masih lagi berhak membuat rayuan di Mahkamah Persekutuan yang terdiri daripada lebih 5 orang anggota panel. Jelaslah hak representasi serta hak cabaran tahanan terus terpelihara dalam sistem pengadilan proses perbicaraan negara ini. Harus diingatkan bahawa Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah ini telah memberi hak representasi tersebut. Jadi, tahanan mestilah mengambil langkah-langkah proaktif dan rasmi bahawa dia memerlukan khidmat peguam dan bercadang memanggil saksi-saksi tersebut semasa penyiasatan.

Tuan Yang di-Pertua, lazimnya pembangkang atau pihak-pihak tertentu biasanya takut dengan bayang-bayang sendiri. Saya hendak maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa selain Akta Pencegahan Jenayah sepertimana yang kita bahaskan sekarang masih

ada rang undang-undang yang memperuntukkan tahanan di bawah kegiatan jenayah lain. Contohnya ialah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 yang digubal untuk membendung aktiviti-aktiviti pengedaran dadah berbahaya secara bersindiket.

Rang undang-undang masih kekal sehingga hari ini dan memberi kuasa tahanan selama dua tahun daripada Menteri Dalam Negeri. Kuasa tahanan ini adalah mutlak di bawah tangan Menteri Dalam Negeri dalam erti kata lain beliau mempunyai kata putus sama ada suspek harus terus ditahan selama dua tahun di pusat pemulihan akhlak kerana aktiviti-aktiviti melibatkan dadah berbahaya. Jadi, kenapa hendak mengkritik pindaan Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah ini? Kenapa pula Rang Undang-undang Akta Dadah Berbahaya tidak pernah sekalipun dikritik ataupun didesak pemansuhannya oleh badan-badan tertentu khususnya Majlis Peguam dan juga NGO-NGO yang mempertahankan hak asasi manusia?

Saya boleh berikan jawapannya yang senang iaitu Akta Dadah Berbahaya ini begitu berkesan membendung aktiviti sindiket dadah berbahaya di negara ini. Keberkesanan rang undang-undang ini memang tidak boleh dipersoalkan oleh mana-mana pengkritik hak asasi manusia selamanya. Tambahan pula mustahil kesemua tauke-tauke sindiket ditangkap semasa berurusan untuk dikenakan pertuduhan di mahkamah. Mereka yang menjadi penggerak sindiket sedemikian lebih merupakan perancang dan selalunya keldai-keldai dadah yang dihadapkan ke mahkamah.

Jadi, saya tidak faham dengan tindakan golongan sebegini. Mereka mengiktiraf ancaman dadah berbahaya tetapi memandang sebelah mata ancaman sindiket jenayah yang melibatkan senjata api dan kekerasan. Dalam melindungi kargo dadah mereka, sindiket-sindiket ini melengkapkan ahli-ahlinya dengan senjata api untuk menjaga dadah bernilai jutaan ringgit bahkan sanggup bertelingkah dengan kumpulan-kumpulan lain sehingga sanggup berbunuhan demi mempertahankan perniagaan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, dadah dan senjata api sebenarnya saling bertindih dan saling berganding bahu. Jadi, pindaan rang undang-undang dalam pencegahan jenayah amat diperlukan. Pejuang hak asasi ini memilih menutup mata kepada satu kegiatan tetapi nampak berjuang habis-habisan terhadap satu lagi kegiatan yang berhaluan sama. Mungkinkah agenda politik peribadi atau agenda berkumpulan menjadi faktor penentangan terhadap apa sahaja yang dicadangkan oleh kerajaan. Harus diingat bahawa kritikan jika mahu dibuat haruslah bersikap membina tetapi bukan sebagai tin kosong tanpa memberikan sebarang cadangan membaiki keadaan.

Jadi, saya melihat dan beranggapan bahawa pindaan yang kita bahaskan ini amat penting dan diperlukan. Penjenayah sekarang amat terancang termasuk mahir menggunakan teknologi maklumat, IT. Semakan dari semasa ke semasa mungkin diperlukan untuk mengemas kini rang undang-undang itu.

Oleh sebab itu, kalau kita tengok seksyen 19E Menteri ada mengemukakan laporan tahunan ke Parlimen di mana prosedur tahanan boleh dikaji setiap tahun. Percayalah kerajaan menggubal rang undang-undang untuk keamanan dan kesejahteraan negara. Bukan mengguna

atau mengikut kehendak hati sendiri tetapi untuk rakyat yang tercinta. Tahniah kepada Kementerian Dalam Negeri. Dengan itu saya mohon menyokong pindaan rang undang-undang ini. *Wabillahi Taufiq Walhidayah, assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Nampaknya orang baru ini bersemangat. Tahu dia buat perincian. Ini saya galakkan supaya bercakap dengan betul, ada bahan-bahannya, sokong fakta-faktanya untuk sama-sama kita menghargai Dewan ini. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh.

■1250

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Akta Pencegahan Jenayah 2013 atau lebih dikenali sebagai PCA 2013. Saya begitu tertarik dan dengan izin, *overwhelmed* dengan semua perbahasan yang telah dibentangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum saya. Saya tidak mahu mengulang semula apa yang telah dibahaskan. Walau bagaimanapun, saya ingin membentangkan satu perspektif lain mengenai PCA ini.

Pada bulan September 2011 sempena Hari Malaysia, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan secara langsungnya daripada Angkasapuri telah membuat satu pengumuman yang begitu bermakna dan penting yang telah dinantikan oleh rakyat terutamanya kumpulan-kumpulan *human right activist* dengan izin, di mana *Internal Security Act* dan *Emergency Ordinance* telah dimansuhkan. Bila kita melihat dari aspek keseluruhan, memang banyak yang telah mengalu-alukan berita ini sebagai satu langkah yang begitu positif di mana setiap rakyat mempunyai hak asasi di bawah *rule of law*, dengan izin. Bila kita meneliti kedua-dua akta yang telah dimansuhkan, ciri utama yang telah dimansuhkan adalah penahanan tanpa perbicaraan atau lebih dikenali sebagai *detention without trial*. Ini bererti sejak pemansuhan akta-akta ini, pihak berkuasa tidak mempunyai jalan-jalan atau ruang untuk menahan seseorang untuk jangka masa yang panjang. Hanya jalan pendakwaan dan perbicaraan sahaja yang ada di mana pihak berkuasa perlu bukti-bukti yang kukuh untuk mendapat dengan izin, *conviction*. Sudah dua tahun sejak ISA dan EO telah dimansuhkan dan kita semua telah melalui beberapa episod yang begitu membimbangkan dalam dua tahun ini.

Rakyat Malaysia telah melihat bukan sahaja satu tetapi banyak demonstrasi di mana orang biasa dan pihak berkuasa tercedera, harta awam telah rosak dan telah membawa kerugian kepada perniagaan, kesesakan jalan raya yang membebankan rakyat, kerajaan telah dengan izinnya, *threatened* oleh pelbagai kumpulan yang mereka akan membuat demonstrasi di jalan raya jika kita tidak menerima permintaan mereka. Kita juga telah melihat kumpulan besar yang datang ke mahkamah apabila sesuatu kes sedang dibicara untuk memberi tekanan kepada hakim. Tahun lalu buat pertama kalinya sejak merdeka, negara kita telah diserang oleh dengan izin, *terrorism* daripada Sulu. Ini adalah satu peristiwa yang sedih di mana terdapat pengorbanan anggota-anggota polis dan tentera semasa menjalankan tugas untuk mempertahankan negara. Ini pula tiba-tiba pada pertengahan tahun ini, negara kita dilanda

krisis jenayah berat di mana senjata api digunakan dan terdapat banyak dengan izin, *a series of shooting* sehingga orang ramai begitu bimbang tentang keselamatan.

Pada pendapat saya, penahanan tanpa perbicaraan secara sendirinya boleh disifatkan sebagai satu undang-undang dengan izin, *preventive*. Dalam zaman teknologi ini mereka-mereka yang mahu melakukan jenayah berat dan lain-lain ancaman kepada negara menggunakan taktik-taktik dan alat yang begitu canggih. Melalui perisik-perisik dan maklum balas daripada rakyat, pihak berkuasa sama ada polis atau tentera dapat tahu dan mengenal pasti mereka yang mempunyai dengan izin, *intention* ini dan mereka yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti jenayah.

Walau bagaimanapun, untuk pihak berkuasa menangkap mereka semasa jenayah dilakukan atau pun mendapat bukti yang kukuh untuk memenjarakan mereka, semakin lama jadi semakin rumit. Ketiadaan undang-undang di mana penahanan tanpa bicara ini dilaksanakan memang memberi lebih ruang dan galakan kepada penjenayah-penjenayah ini untuk lebih berani dan membuat apa sahaja yang mereka suka kerana mereka tahu tidak ada cara lain yang mereka boleh tahan kecuali melalui bicara dan bukti yang kukuh.

Bila kita mempunyai satu undang-undang yang mempunyai sifat tahanan tanpa bicara, ia memberi satu mesej kepada mereka-mereka yang mahu melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti seperti ini atau pun ancaman negara atau pun apa-apa jenis aktiviti yang memberi risiko kepada keselamatan negara, pihak berkuasa boleh bertindak untuk memastikan keselamatan rakyat adalah *priority* pertama dan boleh membawa mereka yang mempunyai niat jahat ini ke tahanan. Sama ada undang-undang ini digunakan atau tidak. Dengan adanya undang-undang ini, saya percaya ia akan menurunkan aktiviti-aktiviti jenayah.

*Detention without trial* dengan izin, bukan satu perkara yang unik untuk negara Malaysia sahaja. Metodologi ini juga digunakan di negara-negara lain untuk memastikan keselamatan negara. Selalunya metodologi ini disifatkan sebagai dengan izin, *a preventive measure*. Di negara maju seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom pun kita mempunyai akta-akta seperti ini di mana mereka ditahan dan dihantar ke pusat tahanan yang dibina khas untuk perkara ini. Antara negara Komanwel yang mempunyai akta-akta menyifatkan *detention without trial*...

**Tuan Saiful Izhah bin Ramli:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang bangun. Mahu beri laluan? Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Saiful Izhah bin Ramli:** Saya ingin penjelasan dari Yang Berhormat sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak di Amerika Syarikat, selalunya dirujuk sebagai *Patriot Act* itu, ianya dikhususkan kepada pengganas. Itu satu.

Keduanya, ianya *subject to senate scrutiny*. Pada masa yang sama, membenarkan *judicial review* pada bila-bila masa yang diperlukan. Ia bukan lima tahun sekali. Manakala di United Kingdom dibenarkan *judicial review* dan juga *scrutiny by the Parliament every year*. Akta



itu juga dikhususkan kepada penganas bukannya kepada penjenayah. Adakah Yang Berhormat sedar tentang perkara tersebut?

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Terima kasih di atas *feedback* oleh Yang Berhormat. Ya, memang saya sedar. Saya sedang bincang tentang *detention without trial*, bukan kepada siapa yang dikenakan – tentang konsep *detention without trial*.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, boleh?

**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Bangun lagi Yang Berhormat. Boleh beri laluan? Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Yang Berhormat sedar atau tidak bukan di Amerika Syarikat sahaja. Negara yang dekat di Singapura masih lagi pakai Akta ISA bagi menjamin keamanan, kesejahteraan rakyat dan sebagainya. Sedar atau tidak? Tidak? Kalau sedar bolehkah akta ini - cuba ganti Akta ISA yang *sorry* hilang di Malaysia? Sila.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, agaknya Yang Berhormat boleh sambunglah. Boleh fikir jawapan itu masa *lunch* nanti. Rasanya Yang Berhormat ada beberapa minit lagi sebelum kita – waktu tepat pukul 1 petang kita berhenti dan kita sambung semula pada jam 2.30 petang ini. Sekian, terima kasih.

**[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

**2.32 ptg.**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh, teruskan. Sepuluh minit lagi ya, Yang Berhormat.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Ada yang minta celah tadi. [Ketawa] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tentang soalan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman, ISA *concept detention without trial* ini pun dilaksanakan di beberapa negara Komanwel termasuk Singapura. Kebanyakan negara perlukan undang-undang ini sebab penjenayah-penjenayah ini walaupun kita tahu siapakah mereka tetapi hendak dapat bukti itu susah kadang-kadang.

Jadi, undang-undang seperti ini memang *preventive*. Semalam pun ada seorang Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Haji Abdul Shukor telah membawa satu bahas bahawa terdapat banyak barang-barang *smuggling*, dengan izin di Thailand. Banyak barang-barang mereka diseludup pergi ke sebelah sana, ada tauke-tauke besar. Selalunya pihak polis atau pihak perisik mesti tahu tetapi hendak dapat bukti, hendak buat tangkapan, hendak pergi pendakwaan di penjara itu susah sedikit.

Di Sarawak pun ada banyak kes-kes seperti ini. Banyak kongsi-kongsi gelap, macam-macam...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Boleh mencelah sedikit? Adakah Yang Berhormat setuju dengan saya bila saya katakan, dengan adanya ISA di Singapura, Singapura lebih aman berbanding dengan Malaysia yang tidak ada ISA? Sila komen.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Malaysia Yang Berhormat, Malaysia memang kita ada ISA dan EO untuk beberapa lama. Baru dua tahun kebelakangan ini kita telah memansuhkan undang-undang mengenai ISA yang ciri-cirinya *detention without trial*, dengan izin. Dalam masa dua tahun ini kalau kita bandingkan Malaysia dengan Singapura, tengok seperti saya telah memberitahu *example* tadi. Satu, demonstrasi begitu banyak sekali. Banyak orang boleh datang beritahu kerajaan, kalau tidak hendak setuju, kita hendak jalan di atas jalan raya. Bila kita dekat mahkamah, satu peristiwa, berapa banyak orang datang untuk beri tekanan.

Lahad Datu, *example*. Baru-baru ini tembakan, gengsterisme, memang komen Yang Berhormat ini, kalau saya hendak cakap tidak betul pun, betul, betul! Malaysia memang tidak begitu aman jika kita *compare* dengan Singapura sebab di Singapura dia tahu undang-undang sama ada ISA kah, EO kah, a *law* yang berciri *detention without trial* itu memang *preventive*. Saya sambung ya...

**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Sementara, sementara saya minta izin. Sementara Yang Berhormat bercakap berhubung dengan luar negara ini, saya hendak bawa jugalah masalah di luar negara. Istimewa pula yang kita banyak orang yang kagum, kagumkan di Amerika Syarikat. *Guantanamo Bay* sampai hari ini dia tidak tutup. Undang-undang dia ialah dia tangkap, termasuklah saya fikir ada dahulu rakyat Malaysia pun, tidak ada pun *preview* dan sebagainya, tidak ada dengar pun dia dilepaskan.

Akan tetapi kita kagum, kagumkan, kononnya Amerikalah yang mempunyai *human rights*. Akan tetapi demi untuk ketenteraman negara dia, demi untuk kestabilan negara dia, dia tangkap, dia letakkan bukan di negara dia pun, dia buat di negara lain, itu satu. Yang keduanya, ada perbezaanlah dari definisinya, penjenayah ataupun penderhaka. Penderhaka ini yang pijak Jalur Gemilang kita, yang mempersoalkan Raja-Raja Melayu dan sebagainya, yang penjenayah ini, dia ambil bedil, dia tembak terus!

Jadi, kepada saya kedua-dua ini penjenayah ataupun penderhaka, memerlukan undang-undang seumpama ini yang kita sekarang bentang dan saya fikir demi untuk ketenteraman rakyat, keamanan negara, *because* rakyat mesti di atas. Kita hendak hidup di dalam negara, tidak guna kita kaya-raya kalaulah kita hendak berjalan di Bukit Bintang pun kita kena tembak ini. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, jika Yang Berhormat benarkan ruang Yang Berhormat...

**Dr. Syed Husin Ali:** [*Bangun*]

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Masa sudah tidak cukup sudah, Tuan Yang di-Pertua, jadi bagi saya habis dahulu. Selepas itu kalau ada masa...

**Dr. Syed Husin Ali:** Nanti selepas habis, adakah saya mempunyai peluang Tuan Yang di-Pertua, untuk saya bertanya. Sebab ada kaitan dengan apa yang disebut tadi...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ini ruang dia Yang Berhormat, biarkan dia tentukan.

**Dr. Syed Husin Ali:** Sebab itu saya mintalah.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Bagi saya habis. Nanti ada masa, kita boleh bincang. Terima kasih Yang Berhormat. Saya pun sudah baca banyak-banyak artikel mengenai konsep *detention without trial* ini dilaksanakan di Amerika Syarikat. Saya begitu meminati dengan ucapan-ucapan Presiden Barack Obama. Saya masih ingat lima tahun dahulu dia beritahu, *the first thing he is going to do*, dengan izin, *is to abolish Guantanamo Bay* tetapi sampai sekarang masih ada. Sama ada *prevention without trial* ini dipakai untuk *terrorism*kah, untuk penjenayahkah?

Macam kalau seseorang itu dia ada penyakit kencing manis, dia pergi jumpa doktor, doktor cakap jangan makan gula tetapi tidak boleh balik cakap makan gula. Kalau gula dalam kopi itu okey, gula dalam kuih tidak okey. Kalau gula kata tidak boleh, kata tidak boleh! Kalau mereka pentingkan *human rights*, hendak beritahu berita pada dunia *detention without trial* tidak betul, kena praktis tidak betullah! Ini kadang-kadang sini betul, sana tidak betul, itu semua tidak betul. Jadi, biarkan *every country*, tiap-tiap negara itu dia ada dia punya masalah sendiri. Macam Singapura, dia ada fikir *detention without trial* ini memang penting. *Different country* dia ada dia punya *implementation is different*. Itu *depend on the* negara.

Jadi, antara negara Komanwel yang mempunyai akta-akta mensifatkan *detention without trial* ini ialah India...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Satu minit Yang Berhormat.

■1440

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Satu minit lagi? Kanada dan Singapura, masa pun tidak banyak ini. Jadi *I go back to my closing*lah. Jadi keselamatan negara untuk saya adalah ciri yang paling penting untuk semua rakyat. Keselamatan membawa pembangunan, kita rakyat Malaysia dapat menikmati satu hidup yang bagus, harmoni dan progresif apabila kelas keselamatan tidak menjadi isu di negara kita. Bagi kita memastikan soal keselamatan tidak menjadi perkara yang kita huru-harakan, kita mesti kadang-kadang mengambil langkah yang serius dan drastik. Saya faham dan telah mendengar bahas-bahas pembangkang yang begitu mengambil berat kepada dengan izin, *rights of the individual*.

Saya rasa kita terpaksa pilih adakah keselamatan itu lebih penting atau memberi hak individu itu lebih penting? Untuk saya, jika tidak mahu niat negatif Akta PCA ini, sudah mempunyai *safety net*, memang ada banyak *safety net* dengan izin, untuk menjaga hak-hak individu orang ramai di Malaysia. Membandingkan apa yang berlaku di negara ini dua tahun kebelakangan ini, keselamatan negara harus diberi keutamaan. Saya percaya Rang Undang-

undang PCA ini akan membawa lebih kesan positif untuk memastikan negara kita selalu selamat. Dengan ini, saya pohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Muhammad Yusof. Silakan Yang Berhormat.

#### 2.41 ptg.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahi Rahmani Rahim. [Berucap dalam bahasa Arab]* Maksudnya, "*Wahai orang-orang yang beriman, takutlah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar takut, janganlah kamu mati melainkan mati di dalam beriman kepada Allah SWT*".

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, walaupun keadaan kesihatan saya kurang memuaskan, jadi saya terpanggil untuk membahaskan rang undang-undang yang penting dan akan memberi kesan kepada kita dan supaya langkah yang diambil ini dalam sebuah Dewan yang mulia ini, yang menjadi kuasa tertinggi dalam negara kita untuk melahirkan satu undang-undang bagi tujuan yang suci murni untuk menjaga keselamatan negara.

Telah banyak perbahasan yang kita dengar sama ada dari pihak penyokong kerajaan atau pun parti lawan. Di sebelah kami ini saya seorang saja yang tidak berucap, tujuh sudah berucap, semua menentang. Saya pun tidak tahu lagi hendak tentang atau tidak tentang. Dalam Dewan yang mulia ini, kalau tidak silap saya pada 9 dan 10 Mei 2012 kita telah membahaskan satu Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 yakni SOSMA yang mana dalam rang undang-undang tersebut dengan ihsan dan tanggungjawab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ISA ditarik balik.

Saya terkedu apabila boleh dikatakan dalam perbahasan tersebut saya ingat saya seorang yang tidak berbahas kerana saya bersetuju, hendak bahas apa lagi? Menyokong tindakan yang diambil oleh Perdana Menteri untuk menghapuskan ISA dimana antara ucapan tersebut menyebut inilah langkah yang berani dan ke hadapan yang dilakukan oleh Perdana Menteri. Akan tetapi hari ini, dalam Dewan yang mulia ini juga kita berpatah balik membincangkan satu persoalan yang sama untuk mengatasi satu masalah yang saya kira di peringkat parah mengenai keselamatan negara kita dengan jenayah dengan begitu berleluasa.

Tembak menembak boleh dikatakan saban hari dan tidak ada siapa yang selamat. Tidak tahu hendak mati bila-bila, terutamanya Ahli-ahli Yang Berhormat yang berjalan seorang-seorang macam saya, berhenti lampu isyarat orang tembak, kereta tidak jalan, tuan jalan. Ini kerana diberitakan *wallahu a'lam* betul atau tidak, RM1,000 upah, boleh bunuh orang sudah. Banyak orang tidak ada kerja sekarang. Murah sangat.

**Seorang Ahli:** RM500.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** RM500 lagi murah. *[Ketawa]* Lagi murah. Jadi ini merupakan tanggungjawab kita bersama sebagai orang yang akan membuat dasar,

meluluskan undang-undang, legislatif yang disebut tadi dengan izin. Kita akan bertanggungjawab di hadapan Allah SWT. Kenapa dibiarkan keadaan negara yang sampai sedemikian rupa? Akan tetapi dalam keadaan yang sama, untuk kita memikirkan bagaimana kita hendak mengatasi...

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Boleh hendak mencelah sedikit, boleh?

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Baru hendak mula ini. [*Dewan riuh*]

**Seorang Ahli:** Bagi la...

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Bukan ini sikit. Ini seperti Yang Berhormat bahas, sokonglah Barisan Nasional. Kita ini PCA sokong, itu saja saya minta tidak banyak. Kita mahu aman negara. Sokong rang undang-undang-undang. Terima kasih.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Yang Berhormat minta laluan sikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat. Semalam ianya berlaku di *Highway DUKE*, sebelah rumah saya Yang Berhormat, sebelah rumah saya. Sudah jadi macam negara Colombia, pasukan polis dengan penjenayah. Saya lihat keadaan ini agak teruk dan banyak lagi kes-kes yang sebelum ini berlaku rata-rata di kampung saya, di Kelantan pun ada berlaku. Akan tetapi saya harap Yang Berhormat dalam perbahasan ini, apa salahnya saya dan rakan-rakan seeloknya Yang Berhormat bangun berdiri memberi sokongan kepada rang undang-undang ini. Itu yang paling penting kepada kita. [*Tepuk*] Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Sama dengan Dato' Nallakaruppan tadilah. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat semua, saya pernah kena ISA dua kali. [*Ketawa*] Jadi polis kata, bukan saya kata. Polis kata yang soal siasat, yang akhirnya menjadi sahabat saya. Polis panggil Pak Cup dekat saya.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Sikit, sikit boleh?

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Tidak sempat hendak jawab lagi. [*Ketawa*]

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Macam mana rasa ISA Dato'? Saya pun sudah kena tangkap ISA, tetapi macam mana *you* rasa Dato'? Boleh tolong?

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Kira tidak ada *point* sayalah? [*Ketawa*] Kena jawab yang ini. Tuan Yang di-Pertua, pada kali yang kedua polis itu kata, jadi kawan saya, saya tidak mahu sebut nama, orang besar polis. Akhirnya jadi kawan. Dia kata saya ini, "*Awak ini Pak Cup, kalau bubuh dalam selut menyawa dekat hendak habis sudah, tinggal sikit-sikit, gelembung air, angkat-angkat. Hendak sokong UMNO atau tidak?*" "*PAS*". [*Ketawa*] Kata dia. Jadi saya lebih kurang bentuk-bentuk sajaklah. Kita berkawan *insya-Allah*.

Okey, berbalik kepada apa isu yang saya hendak sampaikan mengenai rang undang-undang kita sekarang yang kita baca. PCA kalau dulu ISA. Banyak orang kata ISA, '*ikut suka aku*' hendak tangkapkah atau lepas. PCA ini ada juga orang kata, '*pakai cekup aja*' fasal tidak payah mahkamah, tidak perlu itu dan tidak perlu ini. Okey, yang dulu, ISA dulu dibahas dalam Parlimen tahun 1960 cukup panjang, cukup hebat. Akhirnya parti pembangkang masa itu minta jaminan kerajaan, adakah ISA ini hanya untuk dilaksanakan kepada komunis dan yang subversif sahaja? Lalu diberi jaminan.

Akhirnya apabila ia dilaksanakan selama 50 tahun - Dato' Seri Shahidan janganlah, saya sudah kata tadi saya tidak berapa sihat. *[Ketawa]* 50 tahun yang akhirnya, saya salah seorang jadi mangsa. Saya dibuat sembilan tuduhan yang saya pun tidak percaya, terkejut dengan tuduhan itu. Tidak munasabah.

■1450

Yang akhirnya bukan saya sahaja, dari Kampung Memali, 35 orang yang ditahan, yang ada di antaranya hanya kelulusan Darjah 2, Tahun 2. Membaca pun tidak tahu. Alor Setar tidak pernah pergi seumur hidup, kena ISA. Maksudnya, tindakan yang dibuat itu dalam peristiwa Memali, itu maksud saya. Kalaulah ada Yang Berhormat mengatakan ada pemimpin PAS kata, "PAS-UMNO". Saya pun boleh kata, "Ada pemimpin UMNO kata PAS sesat". Lebih kurang kata 'pi' kata 'mai' kata, biasalah politik.

Akan tetapi, yang menjadi mangsa dalam peristiwa Memali, bukan seorang, bukan dua, 161 orang termasuk kanak-kanak, termasuk kaum wanita yang akhirnya 36 orang ditahan sehingga lapan bulan, yang akhirnya dibebaskan. Apa yang berlaku dalam itu saya sudah tidak mahu ceritalah. Saya malu kepada Dewan yang mulia. Saya sendiri diseksa tiga hari tiga malam. Tulang belakang saya ini sampai sekarang sakit, akan tetapi keluar ISA dapat anak lagi walaupun sakit. *[Ketawa]*

Akan tetapi macam mana saya hendak bawa? Betul kata siapa hendak jadi saksi? Tidak ada jaminan. Begitu juga PCA ini, saya boleh minta kepada Dewan yang mulia ini, boleh minta kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri pun ada, apakah jaminan ini betul-betul akan digunakan kepada jenayah? Sedangkan dalam rang undang-undang ini juga termasuk *public security, public order* yang sama seperti ISA dahulu. Dalam mukadimah rang undang-undang ini pun, perkara 3 dalam huraian;

"Bagi tujuan membenarkan kemasukan penahanan tanpa pertuduhan jenayah ataupun perbicaraan sebagaimana yang terdahulu diperuntukkan dalam Ordinan Darurat dan Akta Keselamatan Dalam Negeri", perkara 3. Jelas, undang-undang.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Dato' boleh mencelah sedikit?

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Boleh, tetapi Tuan Yang di-Pertua yang boleh masa kepada sayakah?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Itu masa Yang Berhormat, dalam masa 20 minit yang saya beri.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Sedikit sahajalah Dato' Abdul Rahman. 'Hat' lebih di luar sekejap lagi.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Yang Berhormat ini, sakit. *Slow, slow* sahaja. Jangan gopoh, nanti jatuh. Masih sakit. *Slow and steady*.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Okey, terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Soalan saya.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Oh! Ada. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** *[Ketawa]* Itu nasihat. Akta ini untuk jenayah, bukan orang politik, bukan gengster. Faham? Faham? Faham? Ini untuk gengster.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Nanti saya jawablah. Tanyalah?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Bukan politik. Faham? Jawablah.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Seperti yang saya sudah sebutkan tadi, saya sebut tadi akta ini termasuk *public order*, termasuk *public security*. Itu terlalu umum. Macam ISA dahulu juga. Sekarang, setahun, dua tahun, tiga tahun, empat tahun, lima tahun, tidak apa lagi. Lama-lama...

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Ya, sila.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin minta penjelasan Yang Berhormat berdasarkan kepada pengalaman dahulu. Meluluskan Akta Keselamatan Dalam Negeri, kalau tidak silap saya, jaminan di dalam Dewan yang mulia ini diberikan oleh Menteri sendiri ketika itu untuk tidak menggunakan ISA kepada orang politik, akan tetapi hanya kepada penganas komunis. Minta penjelasan tentang perkara tersebut? Terima kasih.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Saya sudah sebut tadi sebab saya tidak mahu hurai panjang. Kalau kita hendak, kita boleh rujuk pada *Hansard* Parlimen, ada. Sebab itu saya membangkitkan janji ini, jaminan ini. Adakah Dewan?... Sebab masalah yang *criminal* ini, jenayah ini, kita tidak boleh tolak-ansur. Anak saya sendiri, rumah dia dimasuki oleh penyamun, empat orang masuk, letak pisau, anak kecil dua orang, habis diambil. Nasib baik luka.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Nanti. Berilah saya habis dahulu. Saya tidak habis lagi ini.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Silakan, silakan.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi masalah jenayah, apa juga tindakan kerajaan kita sokong. Persoalan yang timbul, isu yang timbul, satu dua benda sahaja. Jaminan supaya yang terlibat ini betul-betul diarahkan kepada penjenayah, satu. Keduanya, penahanan tanpa bicara. Semalam kita dengar Yang Berhormat Dato' Dr. Johari, saya bukan ustaz walaupun orang PAS. Saya tidak arif tentang agama. Sebentar tadi kita dengar Yang Berhormat, bagaimana penahanan tanpa bicara yang menutup ruang orang yang dituduh itu membela diri bertentangan dengan Islam. Itu jelas. Itu yang saya takut tadi.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Dato', boleh mencelah sedikit?

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Banyak sudah mencelah.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Yang ditahan ini, yang kuasa tahan bukan Menteri. Yang perintah tahan itu ialah Lembaga Pencegahan Jenayah. Yang tentukan hakim yang dilantik oleh Agong dan dua *member*. Jadi, adillah. Cukuplah.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Cukuplah.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Hendak – Duduklah.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Duduklah. Saya jawab.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Okey, okey.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Saya sudah sebut, saya mendengar dari semalam. Bukan saya tidak faham. Saya faham. Yang hendak tahan itu polis, kalau tidak terlibat dengan Menteri dan apa pun. Yang menjadi persoalannya, orang yang kena tahan, tidak ada ruang untuk dia membela diri dibawa ke mahkamah. Itu isu saya dan ini bertentangan dengan Islam. Apabila bertentangan dengan Islam, adakah salah atau tidak? Berdosa atau tidak? Mungkin terdapat khilaf macam benda yang lain. Saya kata dan saya anggap, saya faham penerangan yang diberikan, seseorang yang ditahan tanpa bicara bercanggah dengan Islam dan kita berdosa apabila dia tuntutan di akhirat kelak. Mungkin Ahli Yang Berhormat lain mengatakan demi keselamatan untuk...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Dato', boleh mencelah lagi? Yang ditahan, yang...

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Yang Berhormat...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** *Slow, slow, you* sakit. [*Ketawa*] Jangan naik angin.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Tidak sempat saya habis hujah, Yang Berhormat kacau.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** [*Ketawa*] Saya minta jalan, berilah 'sayang'. Yang ditahan itu ialah penjenayah yang disyaki buat jenayah. Itu sahaja. Bukan – Dalam Islam pun, ajaran kita, kalau tidak tahan, tidak tangkap, hukumnya dosa. Faham? *Slow, slow*.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Saya rasa saya faham. Yang Berhormat Dato' Rahman yang tidak faham, bukan? Saya sudah '*habaq*', macam ISA dahulu untuk komunis, untuk subversif yang akhirnya, saya kena, saya sudah rasa.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Dahulu, ISA tangkap, kuasa Menteri, bukan kuasa Lembaga.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Ya, kuasa Lembaga hanya lima orang sahaja.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Dahulu kuasa Menteri seorang sahaja.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Seorang pun sama juga.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Ini tiga orang.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Jadilah, jadi Dato' Rahman, duduk. Okey. Kalau tidak saya tidak sempat habis. [*Ketawa*] Benda macam lima orangkah, soalnya tidak boleh bawa ke mahkamah. Itu sahaja isunya, bukan panjang pun. Sedikit. Okey, sekarang kita



sudah ada pertelingkahan. Satu pihak mengatakan bahawa penahanan tanpa bicara ini bertentangan dengan Islam, hak asasi manusia dan sebagainya, tidak adil. Satu pihak mengatakan bahawa penahanan ini, undang-undang ini perlu demi keselamatan. Munasabah. Kedua-duanya munasabah.

Timbul masalah, yang sekarang ini saya hendak cadangkan dalam Dewan yang mulia ini, apa salahnya kerajaan berdasarkan konsep *maqasid syariah* untuk kita mencari jalan terbaik supaya undang-undang ini tidak bercanggah dengan kehendak Islam, dipanggil bijak pandai, ulama' dalam JAKIM ramai. Kita juga ada di Majlis Fatwa supaya mereka ini berbincang, dikemukakan kepada mereka. Adakah undang-undang ini bercanggah dengan kehendak Islam, kerana tidak memberi keadilan kepada orang yang ditahan?

■1500

Ini saya hendak minta. Saya rasa cadangan saya ini munasabah. Okey, Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** [Bangun]

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Ya jadilah, cukup Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar, cukuplah.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Saya tidak puas hati...

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Tidak puas hati, nanti kita sembang di luar. Sembang di luar.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** [Ketawa] Ini akta, saya bukan mahu sembang di luar.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Ya, ya.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Akta dalam Dewan.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Saya tahu sudah Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar tidak akan cakap perkara lain, macam itu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator, ada tiga minit lagi Yang Berhormat.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Nah tengok! Saya...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Bagus, bagus.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** [Ketawa] Saya tidak sempat hendak pergi ke mana juga. Tiga minit, bukan lama mana. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya. Hah! Ini saya ingin bertanya, jangan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar tanya saya pula, saya pun hendak tanya. Yang Berhormat Timbalan Menteri pun ada. Bagaimanakah berkaitan dengan seksyen 7B dan 7C berkaitan dengan *Prevention of Crime Board*. Ada lima anggota termasuk seorang pengerusi bertaraf hakim.

Saya hendak tanya empat orang lagi bertaraf apa? Macam mana prosedurnya? Siapa yang akan dilantik? Jadi kita minta jelaskan. Harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjawab. Ini kerana kelayakan dan kriteria ini tidak disebut dengan jelas. Kemudian ada Ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional, kalau tidak silap saya Yang Berhormat Menteri

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam. Itu cadangan yang cukup ideal supaya ahli yang membuat ini adalah termasuk wakil Majlis Peguam dan Ahli Parlimen daripada Pakatan Rakyat. Betulkah Yang Berhormat?

**Seorang Ahli:** Betul.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Hah! Betul. Ini cukup relevan. Jadi, saya hendak tanya adakah kerajaan bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Datuk Seri Dr. S. Subramaniam yang disokong oleh saya supaya ahli Lembaga ini dilantik seorang daripada Majlis Peguam dan seorang daripada Ahli Parlimen Pakatan Rakyat. Jadi Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kefahaman saya sendiri bahawa akta ini bercanggah dengan Islam, maka dengan rasa takut kepada Allah SWT, saya mohon mencadangkan supaya pindaan kepada akta ini dikaji semula dan dibawa ke Parlimen. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang kita beralih kepada Yang Berhormat Tuan Lihan Jok.

### 3.03 ptg.

**Tuan Lihan Jok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut menyumbangkan buah fikiran di dalam perbahasan tentang satu RUU yang bersejarah, penting bagi kita. Jadi pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membawa pemikiran saya sebagai orang biasa yang tidak ada kepakaran tentang undang-undang. Akan tetapi sebagai rakyat biasa, melihat peri pentingnya akta dan pindaan yang kita hendak luluskan ini.

Jadi di dalam hal ini, sebagai rakyat biasa, saya hanya hendak melihat bahawa undang-undang itu baik atau tidak baik, *a good law or a bad law*, dengan izin. Jadi, cara itulah orang yang biasa melihat apabila berbincang berhubung dengan perkara yang sedemikian. Pada hemat saya pada petang ini Tuan Yang di-Pertua, saya akan membawa kita dalam perbahasan saya melihat enam perkara pokok, penting. Pertama, kita semua sudah bersetuju, ramai rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat sudah melihat bahawa ada keperluan undang-undang ini perlu dipinda. Akta Pencegahan Jenayah 1959 yang dipinda dan diperluaskan, perlu.

Kita rata-rata, hampir semualah yang sudah bercakap itu memang mengatakan ada keperluan. Memang pun bila mana Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri membentangkan perkara ini, banyak respons di dalam media, media elektronik dan ramai yang menyatakan bahawa undang-undang ini sangat perlu. Seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar. Yang Berhormat banyak menceritakan...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Ya, saya.

**Tuan Lihan Jok:** Keperluan dan kesan-kesan yang buruk setelah ISA dimansuhkan, ini yang pertama. *There is a need*, dengan izin. Oleh sebab itulah undang-undang ini dipinda. Ini pandangan seorang yang biasa, bukan ahli undang-undang. Kedua ialah kandungan undang-undang ini saya sudah baca walaupun bahasanya agak pelik kadang-kadang tetapi

kandungannya, tujuan dan semangat murni akta ini serta operasi akta ini dipinda sangat jelas dan mudah. Oleh sebab itu ia hebat diperdebatkan di luar dan di dalam. Ini kerana ia mudah difahami, senang, isi kandungannya *straight forward* dengan izin. Maka sebab itu satu undang-undang yang baik itu, yang sesuai, perlu mudah difahami kandungan dan operasinya. Sebagai seorang yang biasa, undang-undang ini bagus kerana kriteria kedua tadi.

Apa yang membuatkan saya menyokong undang-undang ini bukan sahaja kerana ia diperlukan dan mudah difahami. Yang ketiga ialah walaupun undang-undang ini ada percanggahan pendapat, tidak memenuhi kehendak hukum Islam. Akan tetapi pada hemat saya, undang-undang ini menepati kehendak ideologi negara bangsa kita, prinsip Rukun Negara kita. Ia tidak bercanggah kerana di dalam mukadimah pindaan ini, *the preamble*, ia mengatakan "*In pursuance...*" dengan izin, dengan perlembagaan artikel 149 di mana kandungan 149 ini memang sudah cocok, sesuai dengan kehendak hukum Islam. Jadi, kelima-lima prinsip Rukun Negara;

- (i) Kepercayaan kepada Tuhan,
- (ii) Kesetiaan kepada Raja dan Negara,
- (iii) Keluhuran perlembagaan,
- (iv) Kedaulatan undang-undang,
- (v) Kesopanan dan kesusilaan.

Itulah gayanya. Jadi, ia tidak bercanggah. Oleh yang demikian, sebenarnya undang-undang ini mendukung kita supaya prinsip negara kita itu ditegakkan, diperkukuhkan. Apa salahnya undang-undang ini dipinda dan diubahsuai pada masa sekarang Tuan Yang di-Pertua? Yang keempat, undang-undang ini ialah...

**Tuan Saiful Izhah bin Ramli:** Mohon laluan.

**Tuan Lihan Jok:** Silakan.

**Tuan Saiful Izhah bin Ramli:** Terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat ada menyentuh tentang artikel 149. Untuk makluman Yang Berhormat, artikel 149 ini, Perlembagaan Persekutuan, ia terkandung di bawah Bahagian VI perlembagaan yang melibatkan kuasa-kuasa khas bagi menggubal undang-undang, menentang perbuatan *subversive*, keganasan terancang, perbuatan dan jenayah yang memudaratkan orang awam dan kuasa darurat.

#### ■1510

Adakah juga Yang Berhormat sedar kewujudan artikel 53 yang memberikan ruang dan jaminan kepada rakyat negara ini untuk dimaklumkan asas tangkapan dan ruang untuk membela diri yang mana ianya tidak terkandung dalam pindaan yang kita bentangkan dan perbahaskan pada hari ini?

**Tuan Lihan Jok:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagai seorang biasa yang tidak tahu perihal undang-undang, saya percaya di dalam *preamble* itu dia kata, *in pursuance to our* perlembagaan bermaksud kehendak semangat

undang itu adalah sesuai dengan perlembagaan negara kita yang sudah diperiksa baik dan telah digunakan dan tidak bercanggah dengan undang-undang Islam.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Yang Berhormat, boleh celah sikit? Boleh?

**Tuan Lihan Jok:** Silakan tetapi pendek. Saya tidak cukup masa ini.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Adakah Yang Berhormat sedar dan tahu bahawa orang yang ditahan tanpa bicara itu ada hak untuk bela diri, buat rayuan di mahkamah sesuai dengan artikel 53?

**Tuan Lihan Jok:** Itu pun terkandung dalam pindaan ini, hak asasi seorang itu dibela. Itu ikut kefahaman saya Tuan Yang di-Pertua. Keempat...

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Yang Berhormat saya rasa ada berlaku sedikit kekeliruan. Dalam pindaan yang terkandung di bawah PCA ini, tidak ada hak untuk representasi mahupun membela diri. Yang ada hanya proses *inquiry* sepanjang tempoh 71 hari dan keputusan *inquiry* itu dibawa ke Lembaga yang akan memutuskan sama ada memberikan tahanan dua tahun ataupun tidak.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Lihan Jok:** Yang Berhormat Dato' ini boleh...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Satu sikit, satu *second*.

**Tuan Lihan Jok:** Okey. Ini masa saya.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Saya rasakan rujuk kepada jawapan Yang Berhormat Menteri, daripada dengar dia cakap.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat teruskan Yang Berhormat. Ada 9 minit lagi tinggal.

**Tuan Lihan Jok:** Okey, terima kasih. Keempat, saya setuju dan menyokong undang ini kerana undang-undang ini telah mendapat sambutan dan sokongan ramai orang, ramai. Buktinya dalam Dewan yang mulia ini, saya rasa hampir 80% menyokong dan masyarakat di luar pun yang menyokong lega. *That is an overwhelming support*, dengan izin.

Kelima, undang ini akta dan pindaan ini juga yang akan kita pinda ini membawa kesan yang jelas kepada kita semua. Yang indah sekali Tuan Yang di-Pertua, akta dan pindaan ini menjaga setiap individu kita. Bukan segelintir masyarakat. Ini ciri-ciri undang yang bagus. Ia melindungi dan menjaga setiap lapisan, setiap individu rakyat, ia tidak memilih satu undang-undang yang baik.

Terakhir kenapa saya setuju pada pindaan dan akta ini ialah kerana akta dan pindaan ini mencerminkan yang terbaik tentang negara dan masyarakat Malaysia. *It tells the world how good Malaysian and Malaysia is* dengan izin. Malaysia, rakyatnya sayang keamanan. Rakyat Malaysia suka berdamai dengan orang sesama sendiri. Undang-undang ini mencerminkan keindahan masyarakat Malaysia. Bukankah ini baik? [*Tepuk*] Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua dengan enam perkara yang telah diperjelaskan oleh saya sebagai orang biasa ini tadi yakni kena ada keperluan, kena mudah difahami, kena *conform* kepada prinsip Rukun Negara, kena mendapat sambutan dan sokongan yang meluas, kena melibatkan menjaga kepentingan

setiap individu dan kena mencerminkan keindahan negara dan masyarakat kita. Maka saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya kita beralih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya. Yang terakhir ya.

### 3.15 ptg.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya, sebelum saya berhujah lebih lanjut lagi, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri (KDN) dan juga Yang Berhormat Timbalan Menterinya. Saya kira inilah satu rang undang-undang yang cukup tepat yang dinanti-nantikan rakyat sekian lama setelah terlucutnya, hilangnya ISA pada 15 September 2011 tempoh hari.

Maka rakyat ternanti-nanti sebenarnya Tuan Yang di-Pertua. Rakyat dalam keadaan gelisah. Sejak daripada itu, kita tengok dalam keadaan negara begitu tidak tenteram sedangkan rakyat keseluruhannya inginkan kedamaian, inginkan kehidupan yang sejahtera yang harmoni. Akan tetapi, setelah ISA tidak ada kita boleh lihat di sana sini, Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan Yang Berhormat, kita boleh lihat seluruh negara kita dihimpit dengan keadaan jenayah yang begitu hebat malah bukan sahaja di Kuala Lumpur. Yang dikatakan Kuala Lumpur adalah jendela kepada dunia.

Semua orang luar masuk melalui Kuala Lumpur, malah bukan sahaja di Kuala Lumpur. Jenayah berleluasa di merata-rata tempat contohnya di kampung saya Tuan Yang di-Pertua. Kampung saya, Kampung Dalam Rhu, Semerak, Pasir Putih, Kelantan. Di bulan puasa yang lepas, yang kena tembak itu orang PAS, ketua '*ranting*' PAS yang mempunyai isteri empat orang Tuan Yang di-Pertua. Orang PAS biasalah dia suka kahwin banyak, itu biasa. Kita ini yang tidak berapa berani hendak kahwin banyak. Isteri empat, anak ada 15. Bayangkan keluarga mereka sekarang bagaimana keadaannya. Siapa yang hendak bertanggungjawab? Kesian sebab itulah saya sangat bersetuju tanpa dolak dalih lagi dan saya merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri kerana membentangkan usul ini di dalam Dewan pada hari ini tuan-tuan dan puan-puan. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita maklum Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 yang digubal ini bagi kita memperkasakan undang-undang yang sedia ada ia perlu bersifat agresif, berintegriti dan tegas kerana kerajaan peka dengan kebimbangan yang dialami oleh rakyat serta mendengar rintihan mereka. Justeru itu kerajaan mengambil tindakan segera bagi membanteras aktiviti-aktiviti jenayah berat dan jenayah terancang. Contoh Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sudah bagi tahu. Di sebelah rumah saya semalam, di *Highway* Duke sudah macam negara Columbia, macam negara asing. Penjenayah tidak segan silu, tidak rasa takut, tidak rasa gementar dengan apa yang kita ada

pada hari ini. Mereka melakukan jenayah berleluasa dan yang paling malang pada kita, rakyat persekitarannya melihat keadaan takut Tuan Yang di-Pertua. Takut dengan keadaan sedemikian.

■1520

Oleh yang demikian, saya berharap, saya menyeru rakan-rakan Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini. Tanpa dolak dalih, tanpa segan silu, tanpa kita mempertikaikan perkara-perkara yang tidak patut kita pertikaikan. Soal *human rights*, soal berbagai-bagai yang dipertikaikan. Sebenarnya itu adalah satu alasan kepada mereka. Pembangkang ini Tuan Yang di-Pertua, dia lebih kurang macam ular kena pukullah. Tahu ular kena pukul? Apabila ular itu kena pukul, dia punya *bergelelok* badannya, Dato' Haji Abdul Rahman tahulah. Berpusing-pusing dan *bergelelok*. Itulah keadaannya. Apabila sesuatu perkara yang baik yang hendak kita buat untuk rakyat, sedangkan rakyat menanti-nanti keadaan ini dan pihak pembangkang sudah tentu mencari peluang, mengambil kesempatan di atas perkara ini.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Boleh celah sedikit? Boleh?

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Sila, sila.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Kenapa pembangkang tidak setuju dengan akta ini? Teka? Cuba jawab, kenapa tidak setuju?

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, dalam hati kecil mereka bersetuju *insya-Allah*. Dalam hati nurani kecil mereka bersetuju. Mereka juga manusia seperti kita. Kita pula, yang kita tidak setuju, yang kita takut ini, kenapa Yang Berhormat-Yang Berhormat semua? Kalau kita tidak buat salah, kalau kita tidak melanggar undang-undang dan sudah terang dan jelas bahawasanya rang undang-undang ini bukan digunakan untuk orang politik. Ia digunakan untuk penjenayah-penjenayah yang terancang dan hebat. Ini yang dahulu kalau kita kira sebelum ISA, tidak ada tembak menembak macam koboi di tengah-tengah jalan, sekarang ada. Kenapa? Ini kerana setelah undang-undang yang kita ada hari ini tidak boleh menjamin keselamatan yang ada.

Saya lihat keadaan hari ini Yang Berhormat, penjenayah-penjenayah yang ada hari ini seumpama dapat nafas baru, dapat suntikan baru kerana tidak ada ISA. Mereka berani, dengan jelas dan terang mencabar kita. Malah tadi Yang Berhormat ada beritahu ada buat reformasi tunjuk perasaan pun ada. Inilah yang harus kita perjelaskan kepada rakyat. *Insya-Allah* saudara-saudara, Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya pun bukan ahli undang-undang. Saya hanya ahli politik yang menjaga kepentingan rakyat di bawah, yang menjaga keadaan rakyat di bawah. Melihat kehendak dan kepentingan rakyat bersama supaya negara ini dalam keadaan situasi aman damai, supaya negara ini hidup dalam harmoni, rakyat boleh bekerja, rakyat boleh cari makan, rakyat bebas bergerak di mana sahaja tanpa rasa takut, tanpa rasa gentar dan tanpa rasa tidak selesa di dalam negara sendiri.

Oleh yang demikian, akhir sekali, saya ingin menyatakan rang undang-undang ini dengan jelas, telah jelas memperuntukkan mekanisme terbaik untuk memelihara keselamatan dan juga ketenteraman awam. Sesungguhnya dalam pambanterasan jenayah-jenayah ini,

pastinya kita memerlukan sokongan kuat untuk kita pastikan pihak berkuasa dapat menjalankan tanggungjawab dengan berkesan. Rang undang-undang ini juga telah memberi satu impak besar terhadap keselamatan dan ketenteraman awam bahawasanya ia tidak akan bersikap prejudis dan berat sebelah. Justeru itu, tentangan pihak tertentu untuk menggagalkan niat baik ini haruslah kita tentang habis-habisan. Kita jangan hanya terpengaruh dengan ideologi-ideologi tertentu. Contohnya, *human rights* ataupun hak asasi ataupun kebebasan yang akhirnya nanti bakal membawa kehancuran kepada negara. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong. [Tepuk]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Memandangkan Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya adalah yang terakhir berucap pada tengah hari ini, maka saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

### 3.25 ptg.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah berucap di Dewan yang mulia ini untuk menyokong, mencadang dan membangkang rang undang-undang ini. Walau bagaimanapun, ada juga Yang Berhormat-Yang Berhormat jumpa saya di luar sana bertanya, berapa lama Yang Berhormat boleh jawab? Ringkaskah? Panjangkah? Pendekkah? Saya beginilah Yang Berhormat, teks saya ini cukup panjang tetapi kalau Yang Berhormat melihat ataupun menonton cerita Megat Terawis, dia kata, "*Timun di tangan Tuanku, pisau di tangan Tuanku, disirap nipis, nipislah dia, disirap lebar, lebarlah dia.*" Jadi maknanya, kalau orang mencelah, panjanglah cerita saya. Kalau tidak dicelah, ringkas saya boleh buat, baca nota sahaja.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, itu mukadimah yang pertama dari saya. Jadi, berilah ruang dan peluang kepada saya untuk habiskan satu-satu perkara, baru mencelah. *Insya-Allah* saya akan cuba menjawab. Apa yang tidak boleh saya jawab di sini, saya berjanji jawab bertulis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, teruskan Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada semua Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan di peringkat dasar Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pernerluasan) 2013 atau ringkasnya POCA yang sedang kita bahaskan hari ini. Pertama kali ingin saya tegaskan di sini bahawa rang undang-undang ini yang ingin kita perkenalkan ini bukanlah secara mutlak mempunyai elemen tahanan tanpa bicara. Ini amat penting diterima pada masa sekarang. Ia bukan secara mutlak mempunyai elemen tahanan tanpa bicara sebagaimana yang telah disebutkan oleh ramai Ahli Yang Berhormat di Dewan ini. Ini kerana wujudnya unsur-unsur *check and balance* melalui pembentukan sebuah Lembaga Pencegah Jenayah di mana ahli-ahlinya terdiri daripada orang-

orang yang berintegriti tinggi dan mempunyai kedudukan yang tinggi di mata masyarakat serta berpengalaman.

Sehubungan dengan itu, ingin saya tegaskan sekali lagi supaya janganlah Ahli-ahli Yang Berhormat menyamakan undang-undang ini dengan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 ataupun ISA dan Ordinan Darurat 1969 yang kita mansuhkan sebelum ini. Harus diingatkan bahawa kata kunci yang perlu kita kaitkan dengan rang undang-undang ini bukanlah tahanan tanpa bicara tetapi pencegahan jenayah Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah, di mana kita dapat melihat undang-undang yang diwujudkan ini digubal khas untuk menangani permasalahan jenayah berat dan jenayah terancang serta menghalang penjenayah-penjenayah tegar berleluasa di jalanan dalam negara kita.

Sebelum saya menyentuh isu-isu yang dibangkit oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan, ingin saya memaklumkan Dewan ini bahawa kerajaan memandang serius, sentiasa komited dalam usaha untuk membanteraskan aktiviti-aktiviti jenayah dalam negara khususnya kes-kes yang melibatkan jenayah berat dan jenayah terancang yang dilakukan oleh ahli-ahli kumpulan kongsi gelap.

#### ■1530

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kegiatan gengsterisme dalam negara kita ini hangat diperkatakan oleh pelbagai pihak dan lapisan masyarakat. Ia juga menjadi topik hangat yang dibincang dalam forum, seminar dan juga dalam perbahasan di Parlimen.

Pelbagai senario kejadian yang mempunyai hubung kait dengan tindakan gengsterisme seperti penggunaan senjata api, pemerasan, ugut, rompakan, pelacuran, kegiatan perjudian haram disiarkan saban hari di media cetak dan elektronik seluruh negara. Hasil daripada risikan dan juga siasatan yang dijalankan, semua kes pembunuhan yang menggunakan senjata api, kebanyakan kes tersebut telah dilakukan oleh kumpulan ini sama ada berebut kawasan operasi ataupun pertelingkahan berkaitan aktiviti pengedaran dadah. Daripada 38 kes pembunuhan yang dilaporkan pada tahun ini, 22 kematian berpunca daripada kegiatan kongsi gelap dan gengsterisme.

Bagi mengekang kegiatan gengster ini terus berleluasa, pihak polis telah melancarkan Ops Cantas pada 17 Ogos, bertujuan membuat pengesan, pemantauan, pencegahan aktiviti-aktiviti kumpulan kongsi gelap dan gengster ini. Hasil daripada operasi yang dijalankan sehingga 7 Oktober 2013, seramai 4,000 orang. Ini saya ulangkan apa saya jawab pagi tadi. Sejumlah 418,922 orang yang disyaki dan telah dibuat tapisan sebanyak 15,877 orang telah ditangkap. Sejumlah 469 senjata api dan senjata berbahaya serta 678 buah kenderaan telah dirampas. Kejayaan yang paling ketara dalam tempoh operasi dijalankan adalah penurunan jenayah indeks. Terutama kes yang melibatkan jenayah kekerasan seperti bunuh yang menurun hampir 33% daripada 104 kes kepada 69 kes dalam tempoh 52 hari operasi dijalankan.



Di samping itu, sebanyak 352 kertas siasatan telah dibuka di bawah Akta Penubuhan 1966. Sejumlah 62 kes fail dibuka di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959. Sebanyak 144 kes kertas siasatan telah dibuka di bawah kesalahan senjata api atau senjata berjadual. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 120 kes telah dituduh di mahkamah atas kesalahan berkaitan senjata api dan senjata berjadual. Pihak polis sentiasa memantau aktiviti kegiatan kumpulan-kumpulan samseng yang bergerak aktif di seluruh negara.

Di antara langkah-langkah yang diambil untuk membanteras aktiviti samseng ialah:

- (i) meningkatkan dan mendapat risikan maklumat untuk mengenal pasti lokasi aktiviti kumpulan gengster yang terlibat dengan perlakuan jenayah seluruh negara;
- (ii) mengesan, menangkap dan mendakwa ahli samseng yang terlibat dalam kegiatan jenayah di bawah undang-undang sedia ada mengikut kesalahan yang dilakukan;
- (iii) menjalankan pemantauan ke atas semua bekas tahanan di bawah Ordinan Darurat, Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah 1969;
- (iv) bekerjasama dengan negara-negara jiran melalui perkongsian maklumat bagi mengesan *mastermind* dan *kingpin* yang melarikan diri daripada negara tersebut yang menjadikan negara berkenaan sebagai markas operasi kumpulan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Ops Cantas dijalankan menampakkan hasil yang ketara dan signifikan, langkah ini adalah merupakan langkah jangka pendek untuk membendung kegiatan gengsterisme ini. Justeru itu, pihak kerajaan melihat terdapat keperluan supaya satu undang-undang khas dibuat bagi membendung masalah gengsterisme dari terus berleluasa dan menghantui masyarakat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan Dewan yang mulia ini mengenai pindaan-pindaan yang dibuat di atas Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pernerluasan) 2013 di dalam Dewan Rakyat yang lalu adalah seperti berikut:

- (i) Fasal 6 memperuntukkan bahawa supaya tempoh reman dinaikkan daripada 39 hari kepada 60 hari supaya kuasa menyediakan kenyataan bertulis semasa permohonan reman di Mahkamah Majistret dibuat oleh seorang pegawai polis berpangkat tidak rendah dari inspektor. Permohonan reman di Mahkamah Sesyen pula kenyataan bertulis oleh pegawai polis berpangkat tidak rendah dari ASP ataupun *assistant superintendent of police* dikekalkan.
- (ii) Fasal 11 supaya bilangan Ahli Lembaga Pencegah Jenayah yang bakal dibentuk ditambah kepada lima orang kesemuanya dan memotong seksyen 7C yang memperuntukkan kriteria pengeluaran

perintah tahanan dan perintah pengawasan oleh Lembaga Pencegah Jenayah;

- (iii) Fasal 18 memasukkan peruntukan baru untuk pemasangan rantai EMD kepada mereka yang diperintah diletakkan di bawah pengawasan polis.
- (iv) Fasal 26 memberi kuasa kepada Menteri untuk meminda, memotong dan menambah Jadual.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali, Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan dan Senator Dr. Ariffin S.M. Omar meminta penjelasan mengenai jaminan kerajaan bahawa undang-undang yang digubal ini tidak akan digunakan terhadap seteru politik ataupun musuh politik atau bermotifkan politik di mana seksyen 19A(1) yang menyebut mengenai *public order* dan *public security*, oleh sebab perkataan yang dua ini ataupun istilah yang dua ini, di samping *prevention of crime*.

Umum mengetahui ruang lingkup dan tujuan sesuatu undang-undang itu adalah ditetapkan oleh tajuk panjang suatu akta tersebut. Dalam hal Akta Pencegahan Jenayah 1959, tajuk panjang yang akan dipinda adalah seperti berikut, dalam bahasa Inggeris, memohon izin:-

*“Enact to provide for the more effectual prevention of crime throughout Malaysia and for the control of criminals, members of the secret societies and other undesirable persons and for that matters incidental thereto”.*

Mukadimah akta ini dengan jelas menyatakan ia bertujuan untuk mengawal kegiatan jenayah. Oleh yang demikian, saya menyeru supaya Ahli-ahli Dewan Negara supaya tidak takut atau risau melainkan jika ada Ahli-ahli yang terlibat dalam kegiatan jenayah.

Jadi, ini cukup jelas, dalam *preamble* ini mengatakan ia dituju dan ditumpu terus kepada persoalan jenayah. Pengeluaran satu perintah pengawasan di bawah seksyen 15 atau satu perintah tahanan di bawah seksyen 19A yang baru adalah terhadap orang yang telah didaftarkan kerana terbabit dalam kategori kesalahan yang telah didaftarkan sebagaimana yang didaftarkan dalam Jadual Pertama kepada Akta Pencegahan Jenayah 1959 dengan jelas menyenaraikan kesalahan-kesalahan berat.

Jadi, mekanismenya ialah supaya orang-orang ini perlu didaftarkan dan dalam pendaftaran itu ada tiga kriteria sahaja. Tiga kriteria ini menunjukkan bahawa semua kriteria ini adalah jenayah. Tidak ada satu pun menunjukkan soalan sosial, ekonomi, politik dan lain-lain. Semuanya jenayah. Jadi, dengan keadaan yang sedemikian, kalau terkeluarlah penahanan itu daripada kesan jenayah, dengan sendirinya undang-undang yang menghalang dikatakan tadi, menghalang daripada dibawa ke mahkamah, telah boleh dibuatkan kerana undang-undang ini tidak lagi mengikat sesiapa kerana tindakan di luar mahkamah, di luar undang-undang itu sendiri.

**Dr. Syed Husin Ali:** Boleh saya bertanya sekarang tak? Saya ingin mendapat penjelasan tentang perkataan *other undesirable persons*. Apa maksud *undesirable* itu kerana

*undesirable* itu tidak menyatakan khusus itu kepada soal jenayah dan adakah apa-apa jaminan oleh Menteri bahawa undang-undang ini tidak akan digunakan secara politik? Terima kasih.

■1540

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Ya baik saya kembali ke belakang. Yang Berhormat Senator, berhubung dengan- kerana Yang Berhormat Senator yang pertama tanya saya dan menggunakan perkataan Menteri. Pertama saya hendak ulaskan, saya tidak berkecil hati orang kata kenapa Menteri tidak datang, kenapa pakai Timbalan Menteri. Itu satu perkataan yang kurang manis pada sayalah sebabnya merendahkan martabat saya. Saya ini bodohkah? Kedua, perlembagaan mengatakan, saya baca perlembagaan, saya hendak baca perlembagaan. Siapa Timbalan Menteri. *Deputy Ministers*, ini dalam bahasa Inggeris. *Deputy Ministers* minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya cari bahasa Melayu tadi tidak jumpa. Bahasa Inggeris, "...*shall assist Ministers in the discharge of their duties and functions, and for such purpose...*" dengar betul-betul ini. "... *and for such purpose shall have all the powers of Ministers*".

Makna dia tidak payah tanya ini. Saya hendak perjelaskan perkara yang belum ditanya. Saya hendak perjelas kedudukan Timbalan Menteri dan Menteri. Maknanya kuasa Menteri dan Timbalan Menteri itu sejajar diberi oleh Perlembagaan Malaysia yang kita dukung dan sokong ini, itu pertama. Kalau kita lihat dalam peraturan Dewan, saya belum lihat tetapi saya pengkaji peraturan Dewan. Peraturan Dewan mengatakan Timbalan Menteri tidak payah sebut. Sebut Menteri cukup sebab dia istilah Menteri dan Timbalan Menteri itu sama dalam Dewan ini.

Jadinya saya tidak mengenal Yang Berhormat ini...

**Dr. Syed Husin Ali:** Tidak, saya hendak jelaskan...

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Tidak, tidak. Saya akan beri jelas.

**Dr. Syed Husin Ali:** Tidak, saya jelaskan hal ini. Sebenarnya tiap-tiap kali saya bangun, bila saya menunjukan apa-apa kepada Menteri, saya sebut Menteri sama dia Timbalan atau pun Menteri. Itu pertama. Keduanya bila saya mengatakan minta jaminan, tidak bererti Menteri penuh. Menteri yang ada inilah yang perlu memberikan jaminan dan sekarang ini jaminan masih belum ada. Saya minta jaminan. Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Sebenarnya saya belum habis lagi. Itu saya memberi penjelasan soalan Menteri, Timbalan itu tadi. Sebenarnya istilah ini dalam peraturan pun sama. Tidak payah panggil timbalan lagi. Timbalan Yang di-Pertua pun tidak payah. Kena sebut Tuan Yang di-Pertua, kena Tuan Yang di-Pertua. Timbalan ataupun Tuan Yang di-Pertua duduk sana, sama kuasa dia. *Concurrent* dia punya kuasa. Ini peraturan yang berbeza, baca buku saya. Berbeza dengan England. England, *Deputy Speaker* dia berlainan sedikit kuasa dengan Speaker. Kita sini Speaker ini salah, yang sebenarnya Tuan Yang di-Pertua. Dalam perlembagaan, dalam peraturan *there is no such thing as Speaker*. Istilah Speaker itu salah. Istilah yang sebenar ialah Tuan Yang di-Pertua. Kalau hendak tahu, baca buku saya dan bagaimana evolusi berlaku.

Okey, baru sampai kepada soalan. Baru saya sudah jelas Menteri maknanya dia jaminan daripada Menteri, jaminan daripada Timbalan Menteri itu sama. Itu yang saya perelaskan. *Insyallah* saya jamin, apa diminta tadi, jaminan diminta.

**Seorang Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Jangan salah gunakan ini untuk diguna kepada orang politik ataupun orang-orang yang lain selain daripada penjenayah. Ini kita jamin, saya jamin.

**Beberapa Ahli:** [*Tepuk*]

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Saya bagi jaminan ini. Jadi saya juga mendengar tadi Yang Berhormat Datuk Muhamad kata, jamin juga dulu tahun 1960. Apa beza jaminan sekarang dengan jaminan itu? Akan tetapi beliau meminta juga jaminan. Yalah apa yang berlaku itu kita ada undang-undang. Nanti saya sebutkan dan dihuraikan berterusan bagaimana jaminan itu boleh ditegakkan, boleh dikotakan. Terima kasih Yang Berhormat.

Saya mendengar, sepanjang hujah saya dengar. Jadi Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali, Yang Berhormat ini, Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah, Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok, Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin, Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M Omar, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat, Yang Berhormat Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman dan Yang Berhormat Senator Tuan Saiful Izham bin Ramli membangkit berkenaan dengan rang undang-undang yang digubal ini mencabul hak asasi manusia. Saya baca sini, siapa hendak tanya lepas itu boleh tanya.

Rang undang-undang ini membenarkan pihak polis untuk mengenakan perantai pengawasan elektronik (EMD) kepada orang-orang yang dilepaskan daripada tahanan. Tiada hak untuk diwakili peguam, tidak *check and balance*, tiada peluang bela diri dan demokrasi disekat. Perkara ini jelas melanggar hak asasi individu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan untuk mengenakan perantai pengawasan elektronik seseorang yang ditahan akan dilepaskan. Boleh dibuat oleh pendakwa raya berdasarkan laporan penyiasatan yang dikemukakan oleh pegawai polis.

Pendakwa raya boleh memohon kepada mahkamah supaya orang itu dipasang dengan perantai pengawasan elektronik. Jadi mekanismenya sama. Di sini mekanismenya sama. Polis buat penyiasatan, diserahkan kepada pihak pendakwa raya, pendakwa raya pergi ke mahkamah, mahkamah yang akan memberi arahan boleh atau tidak perantai ini dipakai. Jadi di mana letaknya tidak ada menggunakan kuasa mahkamah? Maknanya *check and balance* tetap ada di sana.

Kedua, perkara ini adalah mengikut peraturan dalam seksyen 7A di mana satu tempoh yang tidak melebihi baki tempoh tahanan yang dibenarkan di bawah seksyen 7A(1) iaitu melebihi 59 hari. Apabila permohonan oleh pendakwa raya dibuat di bawah seksyen 7A, mahkamah hendaklah memerintahkan supaya orang itu dipasang dengan satu perantai pengawasan elektronik bagi tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh mahkamah tetapi

tempoh itu hendaklah tidak melebihi baki tempoh tahanan reman yang dibenarkan di bawah fasal 7A(1) dari mahkamah siasatan. Saya ingat itu cukup jelas.

Semuanya dipinta daripada pihak mahkamah, diberi oleh mahkamah dan mahkamah juga tidak dibolehkan memberi lebih daripada apa baki sahaja penahanan 59 hari itu. Ini cukup jelas. Hak asasi orang yang ditahan sebenarnya telah diberi sebaik sahaja orang tersebut ditangkap berdasarkan seksyen 4(3) yang mana menyebut orang tahanan boleh berhubung dengan keluarga atau peguam pilihannya berdasarkan seksyen 28A, Kanun Tatacara Jenayah.

Di sini juga ada kekeliruan sedikit. Kanun Tatacara Jenayah masih terpakai di bawah undang-undang ini. Makna dia, apabila dia ditangkap, dengan sendirinya Kanun Tatacara Jenayah itu tidak dikeluarkan daripada penggunaannya, masih boleh diguna. Orang ini lebih layak meminta keluarganya atau peguamnya datang untuk membela. Orang tahanan juga berhak diwakili peguam dari Yayasan Bantuan Guaman (YBGK) atau peguam pilihannya semasa permohonan reman dibuat di atasnya.

Orang tahanan juga diberi hak untuk diwakili oleh peguam semasa rakaman percakapan di rakam oleh pegawai inkuiri semasa inkuiri dijalankan. Ini saya hendak - dalam ini tidak ada penjelasan soalan inkuiri ini tadi. Ada lagi kekeliruan sedikit ataupun penjelasan kurang jelas kepada semua ahli bukan saja di sini, di luar, di Dewan Rakyat pun sama. Apabila Lembaga ini ditubuh, Lembaga itu ada pegawai inkuirinya sendiri. Bukan daripada pihak polis. Pegawai inkuiri sendiri yang mempunyai kepakaran yang khusus, yang mempunyai pengalaman yang khusus, dia bukan orang polis.

Tidak boleh dilantik daripada orang polis. Dia mempunyai pengalaman dan kepakaran yang khusus yang dilantik dan dinilai oleh pihak Lembaga ini yang dilantik sebagai pegawai inkuiri. Orang inkuiri inilah akan buat laporan kepada Lembaga untuk Lembaga menilai sama ada orang ini telah melakukan satu-satu jenayah. Makna dia Lembaga ini cukup bebas ataupun dengan izin, *independence* daripada pihak polis, daripada pihak KDN ataupun *interference* kementerian.

Orang tahanan juga boleh membuat semakan kepada Lembaga dalam tempoh 14 hari selepas menerima laporan atau keputusan pegawai inkuiri seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 11(1) akta ini. Selain itu, di bawah seksyen 19A(2) memberi peluang kepada orang yang ditahan untuk menyemak keputusan Lembaga di Mahkamah Tinggi.

#### ■1550

Jadi, ini juga selalu disebutkan bahawa peluang untuk pergi ke mahkamah ini tidak ada. Sebenarnya ada. Yang Berhormat, biar saya beri penjelasan sedikit. Saya juga sebenarnya seorang peguam ya? Minta maafah Tuan Yang di-Pertua, tarik ini dahulu. Tidak makan tengah hari, itu turun. Dia begini, dalam seksyen-seksyen yang tertentu di dalam Undang-Undang Pencegahan Jenayah, mengatakan seseorang itu apabila ditahan dia boleh membuat *habeas corpus* kepada Mahkamah Tinggi. Disebut, siar dan nyata dalam seksyen itu.

Akan tetapi dalam ini tidak disebut. Operasi dia macam ini Yang Berhormat, operasi undang-undang ini. Perlembagaan akan memberi satu ruang lingkup yang besar pada semua

pihak. Ruang lingkup ini boleh diubahsuai oleh undang-undang Persekutuan yang diluluskan oleh Parlimen Malaysia. Jadi, kalau dia tidak diubahsuai oleh undang-undang Persekutuan ini, dia masih tertinggal hak itu dari *schedule authority empower* itu masih terletak di bawah perlembagaan. Oleh kerana tidak disebut secara jelas mengatakan tidak dibolehkan, dia tidak sebut sahaja dibolehkan, maknanya kuasa di bawah perlembagaan membawa seseorang itu menerusi *habeas corpus* dibawa ke mahkamah itu boleh, masih boleh dijalankan di bawah perlembagaan kita.

Jadi, dia tidak ditarik Yang Berhormat. Tidak ditarik balik hak-hak untuk membawa kes ke *habeas corpus*, tidak pernah ditarik di bawah ini. Sebenarnya, penggubalan pindaan ini jauh lebih elok, lebih baik, lebih berperikemanusiaan kalau dibandingkan daripada Undang-undang Pencegahan Jenayah yang ada sebelum dipinda. Tidak payahlah hendak bandingkan dengan ISA atau pun Ordinan Darurat. Dengan asal ini pun, dia lebih baik.

Orang tahanan juga boleh membuat permohonan *habeas corpus* terhadap perintah tahanan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah di Mahkamah Tinggi. Perkara 5(2) Perlembagaan Persekutuan jelas memperuntukkan bahawa orang-orang ditahan di bawah satu perintah tahanan boleh membuat permohonan di Mahkamah Tinggi untuk dilepaskan. Orang tahanan juga boleh membuat semakan kehakiman terhadap keputusan perintah pengawasan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pencegah Jenayah di Mahkamah Tinggi. Ini diperuntukkan di bawah seksyen 15A(3).

Orang-orang tahanan juga membuat representasi kepada lembaga di bawah Perkara 151(2) Perlembagaan Persekutuan, di mana dalam hal [Akta 297] ini butiran terperinci tatacara akan ditetapkan. Peraturan yang dibuat oleh Menteri di bawah seksyen 23 [Akta 297] ini maklumkan juga bahawa menurut perkara 151, Perlembagaan Persekutuan, suatu Lembaga Penasihat khusus akan diwujudkan bagi [Akta 297] seperti yang dibuat oleh Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985. Jadi, dia ada dua tiga *tier*.

Selain daripada Lembaga ini ada Lembaga Penasihat lagi hendak ditubuhkan. Jadi, ini akan dibuatkan dalam satu peraturan. Jadi, saya mempunyai satu keyakinan yang amat tinggi bahawa persoalan undang-undang ini tidak menghormati hak asasi manusia, boleh diatasi dan tidaklah sebagaimana yang telah dicerminkan oleh pihak-pihak.

Bukan saya menyalahkan Yang Berhormat. Oleh kerana perkara ini datang ke Dewan ini tidak diteliti dengan begitu rupa dan sampainya ke Dewan ini juga dalam keadaan yang mungkin mengelirukan. Dia begini Yang Berhormat, ya. Undang-undang Pencegahan Jenayah 1959, selepas itu dipinda. Kementerian mengaturkan pindaan sebagaimana yang dirancang oleh Jawatankuasa Penggerak Pindaan itu. Selepas perbincangan dengan beberapa pihak, satu pindaan kepada pindaan juga dimasukkan. Pindaan kepada pindaan ini kadang-kadang jarang dibaca.

Akhirnya, apabila Yang Berhormat membaca di Dewan ini, bacalah buku biru itu sahaja. Akan tetapi tidak mengambil kira pindaan dan pindaan kepada pindaan tidak diambil

kira. Itulah datangnya kekeliruan berhubung dengan kuasa dan hak untuk membawa kes-kes ini ke mahkamah selepas itu.

Jadi, dengan itu juga saya menafikan bahawa undang-undang ini tidak mengambil hak-hak individu untuk membawa kes ini ke mahkamah sebagaimana yang Datuk Muhamad risaukan tadi. Datuk Muhamad percayalah undang-undang ini selaras dengan hak asasi dan juga selaras dengan agama Islam yang Datuk Muhamad sebutkan. Saya ini bukannya pakar dalam soalan agama Islam, tetapi kalau hak tidak dijamin itu atau bertentangan dengan agama Islam, ternyata hak ini dijamin oleh pihak undang-undang ini. Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan...

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Mohon mencelah.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Sila Yang Berhormat.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Hak-hak yang dijamin ini daripada sudut pembelaan, daripada sudut pembuktian dan pembelaan oleh yang ditangkap, yang ditahan, ada tetapi mungkin tahap perbicaraan atau pun prosedur kepada perbicaraan itu sama sekali tidak akan sama sebagaimana di mahkamah biasa. Sebagaimana difahamkan dalam akta ini menyebut sebarang prosedur yang berkaitan akan ditentukan oleh Lembaga. Jadi, saya mohon sedikit penjelasan.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Daripada soalan, saya cukup yakin Yang Berhormat berlatarbelakangkan undang-undang atau pun memahami undang-undang. Undang-undang ini dia ada satu Yang Berhormat. Kadang-kadang ada orang yang *guilty* mengikut undang-undang. *Guilty* mengikut undang-undang ini bila dituduh buktinya semua cukup, dia boleh didapati bersalah oleh undang-undang. Akan tetapi ada orang yang *guilty*, tetapi tidak cukup perbincangan dia atau pun oleh kerana *technicality* dia, dia boleh terkeluar daripada menjalankan hukuman. Dengan sendirinya, dia yang ini akan bebas daripada itu.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, walaupun ia *the question of the examination of evidence* dengan izin, dalam mahkamah itu lebih rapi, lebih tepat dan pengenalpastian, penapisan dan pembuktian di dalam Lembaga ini mungkin kurang sedikit. Akan tetapi Yang Berhormat, pastinya pada zaman-zaman dahulu pun saya cukup yakin penafiannya, bukanlah sebaik apa yang kita lihat sekarang. Jadi, dalam keadaan yang sedemikian saya masih melihat *maybe the question of degree*.

Akan tetapi semua pihak mesti berasa puas hati bahawa *the offence that it has indeed been committed*. Bahawa kesalahan itu tetap telah dilakukan, tetapi oleh sebab *technicality of law, technicality of evidence* bahawa dia boleh bebas dengan begitu. Inilah pihak-pihak yang kita tangani di bawah undang-undang ini.

Siapa yang jelas daripada sudut buktinya dia akan dituduh di mahkamah. Jangan bimbang Yang Berhormat, ada yang bertanya tadi. Sama ada selepas itu adakah penjelasan dibuat lagi? Saya bagi jaminan pihak AG tidak akan berdiam diri untuk meminta pihak polis mencari selepas Lembaga itu membuat pencarian atau penyelidikan. Terus menyelidik supaya

orang itu di bawa ke mahkamah dan *dicharge* mengikut sistem yang kita ada, *guilty according to the law*. *Guilty according to the law* ini beza sedikit dengan *guilty based on facts*.

*Guilty according to the law* Tuan Yang di-Pertua maknanya buktinya cukup, tuduhannya, *technicalitynya* okey, semuanya okey, mahkamah *with no reasonable doubt*. Cari orang ini salah. Akan tetapi kalau peguam yang bijak pandai dia boleh *create at the simple thing to create the doubt* Yang Berhormat. Jadi, terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar membangkitkan isu mengenai sejauh manakah kelulusan Lembaga Pencegah Jenayah dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya. Ahli-ahli Yang Berhormat, Senator turut meminta penjelasan mengenai kelayakan Ahli Lembaga tersebut dan mencadangkan supaya keahlian Lembaga tersebut mempunyai wakil Majlis Peguam. Ini, saya jawab sini dahulu Yang Berhormat ya. Selepas itu saya ulaskan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah fasal 11, seksyen 7B memperuntukkan satu Lembaga Pencegahan Jenayah ditubuhkan terdiri daripada seorang pengerusi, empat orang ahli yang lain. Dari segi kelayakan ahli Lembaga pula seorang yang hendak dilantik hendaklah orang yang mempunyai integriti yang tinggi dan berpengalaman. Ahli Lembaga juga perlu berpengaruh di kalangan masyarakat. Kuasa pelantikan Lembaga akan ditentukan melalui peraturan. Ini tidak ada dalam itu. Peraturan yang akan dirangka, diwartakan oleh Menteri Dalam Negeri sejurus selepas rang undang-undang diluluskan, diperkenankan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

#### ■1600

Pihak Kementerian Dalam Negeri bersama dengan Jabatan Peguam Negara akan menyediakan prosedur pelantikan Lembaga ini dan lain-lain perkara yang berkaitan. Lembaga Pencegahan Jenayah akan menerima laporan dan dapat dapatan, *the finding* dari pegawai *inquiry* dalam membuat keputusan tanpa campur tangan Menteri mahupun pihak lain. Selain daripada itu, bagi menzahirkan ketelusan semakan kehakiman boleh dibuat jika terdapat sebarang keraguan terhadap pemantauan prosedur atau Lembaga tersebut.

Jadi soalan ini tadi Yang Berhormat ramai bertanya, ada dua, tiga orang. Yang Berhormat Subramaniam yang pertama menyebut dan selepas itu dua, tiga orang Ahli Yang Berhormat yang lain mencadangkan untuk mengatasi masalah ini, lantik seorang daripada Pakatan Rakyat kata dia dan lantik seorang dari *Bar Council*. Selepas itu, yang lain itu pelantikan ini prosedur apabila peraturan itu diwujudkan nanti ialah Menteri akan mengenal pasti orang yang dilantik, selepas itu akan dimajukan kepada Perdana Menteri.

Ini di bawah perlembagaan. Perdana Menteri akan mempersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong sebagaimana yang diperuntukkan dalam perundangan ini, yang melantik lembaga. Yang di-Pertuan Agong sebagaimana semua peguam tahu, akan bertindak berlandaskan nasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini perlembagaan. Walau bagaimanapun, saya cukup yakin bahawa Yang di-Pertuan Agong mempunyai pemikiran yang amat baik, tinggi dan ikhlas. Pelantikan itu, beliau boleh juga memberitahu kepada Yang Amat



Berhormat Perdana Menteri siapa yang layak, siapa yang tidak layak selepas perbincangan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Jadi, cadangan Yang Berhormat mengatakan daripada Pakatan Rakyat dan juga daripada *Bar Council* ini saya akan panjangkan kepada pihak Menteri. Apabila siapnya peraturan ini dibuat nanti, *insya-Allah* saya cukup yakin, saya juga akan dijemput berbincang dan kita beritahu apakah kehendak Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini untuk direalisasikan. Terima kasih Yang Berhormat. Baik cadangan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin turut meminta penjelasan mengenai peluasan undang-undang ini ke Sabah dan Sarawak, mengatakan bahawa ia melanggar Perlembagaan Persekutuan. Suka saya memaklumkan Bahagian Penyemakan dan Pembaharuan Undang-undang, Jabatan Peguam Negara telah menerima cadangan untuk meluaskan Akta Pencegahan Jenayah 1959 ke Sabah melalui surat daripada Peguam Besar Negeri Sabah bertarikh 17 September 1998. Manakala negeri Sarawak pula, cadangan peluasan akta ini telah dibuat hasil daripada mesyuarat yang diadakan antara Bahagian Penyemakan dan Pembaharuan Undang-undang Jabatan Peguam Negara, pihak Peguam Besar Negeri Sabah dan Sarawak diadakan pada 18 November 2007.

Berdasarkan latar belakang tersebut jelas bahawa permintaan asal untuk melanjutkan [*Akta 297*] ke Sabah dan Sarawak telah dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri Sabah sejak 19 September 1998. Oleh itu tidak wajar dikatakan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak tidak dirunding mengenai [*Akta 297*] ke negeri-negeri di Borneo tersebut. Dengan pindaan perintah pemerluasan dan cadangan itu tidak lagi diperlukan dan akta ini akan terpakai di Sabah dan Sarawak apabila diluluskan oleh Dewan ini. Pemerluasan undang-undang ini juga tidak menyalahi Perlembagaan Persekutuan.

Jadi, saya juga berterima kasih bagi pihak orang Sarawak kerana mempersoalkan ini adalah hak yang ditentukan dalam *agreement 18* untuk Sarawak, 20 untuk Sabah yang menentukan bahawa ada perkara-perkara yang tertentu, yang mana Kerajaan Pusat perlu meminta kelulusan dan kebenaran daripada kerajaan negeri sebelum dipanjangkan kepada negeri-negeri tersebut. Soalannya telah dijawab dan saya cukup yakin Yang Berhormat rasa selesa, wakil Sarawak rasa selesa, yang lain pun yang *protect agreement* itu rasa selesa dengan jawapan yang saya bagi tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin mohon penjelasan daripada kerajaan, sama ada persetujuan pihak Jabatan Peguam Negara telah diperolehi, meminta supaya butiran perbincangan dapat diperjelaskan supaya dapat menghakis tuduhan pihak tertentu. Suka saya jelaskan di sini bahawa satu *task force* telah diwujudkan yang dianggotai oleh pihak Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Peguam Negara dan Polis Diraja Malaysia dalam membuat pindaan kepada undang-undang ini. *Task force* itu diwujudkan untuk membuat kajian terhadap kesesuaian undang-undang sedia ada dalam menangani jenayah berat dan jenayah terancang. Justeru itu, tidak timbul isu bahawa pihak Peguam Negara disisih dalam membuat pindaan undang-undang ini.

Mengulas mengenai kenyataan Peguam Negara mengenai tahanan pencegahan, ia adalah merupakan pendapat dan pendirian beliau pada masa itu. Pandangan tersebut dibuat berdasarkan serta berasaskan kepada fakta dan maklumat yang diperolehi dalam melaksanakan bidang tugas fungsi beliau. Kerajaan dalam membuat keputusan telah mengambil kira pandangan, pendapat Peguam Negara, pihak PDRM serta pelbagai pihak termasuk badan-badan bukan kerajaan. Sebenarnya saya sendiri pun pernah hadir dalam beberapa mesyuarat berhubung dengan perkara ini Yang Berhormat. Percayalah, apa yang direkodkan di sini adalah amat tepat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali, Yang Berhormat Tuan Saiful Izham bin Ramli dan Yang Berhormat Dr. Ariffin bin S.M. Omar telah membangkitkan isu berhubung profesionalisme, kredibiliti, kebolehan pasukan PDRM. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap pegawai dan anggota polis dalam menjalankan tugas harian sentiasa terikat dengan undang-undang, pematuhan kepada Akta Polis, Perintah Tetap Ketua Polis Negara, perintah pengarah Jabatan dan prosedur-prosedur jabatan lain. Akta yang berkaitan adalah perlu dan sentiasa dipatuhi oleh setiap pegawai dan anggota polis dalam menjalankan tugas.

Polis Diraja Malaysia mempunyai pengalaman dan kepakaran yang luas dalam menangani masalah jenayah di negara ini dari segi pengumpulan risikan jenayah dan juga kepakaran dari sudut penyiasatan. Namun begitu, kepakaran dan kemudahan yang ada seperti makmal forensik, data bank DNA, pusat rekod cap jari dan makmal ujian *ballistic* hanya diguna pakai selepas kejadian berlaku atau lebih bersikap reaktif. Apa yang lebih penting dalam menangani masalah jenayah adalah pencegahan dan langkah proaktif sebelum kejadian jenayah berlaku. Pihak polis mempunyai kaedah yang berkesan dalam pengumpulan maklumat dan risikan ini sejak lama lagi. Namun, tindakan pencegahan yang mantap tidak dapat dilaksanakan kerana tidak ada peruntukan yang khusus untuk digunakan selepas Ordinan Darurat 1969 dan Akta Keselamatan Negeri (ISA) dimansuhkan.

Akta Pencegahan Jenayah 1959 yang sedia ada, yang diguna pakai ketika ini tidak merangkumi semua aspek pencegahan secara menyeluruh dan tidak boleh diguna pakai di Sabah dan Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sememangnya Ops Cantas telah menunjukkan penurunan kadar jenayah secara keseluruhannya. Walau bagaimanapun, operasi tersebut tidak mampu menyelesaikan masalah jenayah serius, terancang dan gengsterisme dengan lebih berkesan. Ini kerana Akta Pencegahan Jenayah yang dicadangkan dipinda bermaksud untuk menyingkir ketua-ketua sindiket, ketua kongsi gelap, ketua jenayah terancang serta gengster dari tempat mana mereka beroperasi. Perkara ini hanya boleh dilaksanakan melalui siasatan rapi, pengumpulan maklumat dan penyediaan saksi dalam *inquiry* yang akan mengambil sedikit masa dan merupakan perancang jangka panjang.

Kedua, Ops Cantas ialah tindakan jangka pendek yang bersifat *disruptive* dan tidak berkesan terhadap dalang-alang atau ketua kongsi gelap dan jenayah terancang. Semasa Ops Cantas ini dijalankan sekarang, ada di antara mereka telah melarikan diri ke luar negara.

Tindakan terhadap mereka hanya mampu diambil berdasarkan Akta Pencegahan Jenayah yang akan dipinda. Perintah tahanan telah terbukti berkesan mencegah jenayah serius dan terancang. Secara jelas dari statistik yang diperoleh bagi tempoh 20 bulan selepas Ordinan Darurat dimansuhkan, jenayah serius seperti bunuh, cuba bunuh, samun dan pemerasan telah meningkat.

■1610

Ini kerana tidak ada elemen *deterrent* yang ditakuti oleh penjenayah terancang dan gengster telah digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan ramai di kalangan Ahli Yang Berhormat di sebelah sana ataupun di sebelah sini tentang kepentingan dan hak asasi manusia. Walau bagaimanapun, mereka lupa bahawa mereka hanya memperjuangkan hak asasi segelintir individu yang berkecimpung dengan aktiviti kongsi gelap sedangkan kita perlu melihat dari segi keseimbangan antara keperluan untuk kebebasan sivil (*civil liberty*) dan pada masa yang sama tidak mengabaikan tanggungjawab untuk menjaga keselamatan negara kepada seluruh rakyat negara ini tanpa mengira warna. Begitulah juga suara-suara daripada badan-badan bukan kerajaan iaitu NGO-NGO yang mana rata-ratanya mewakili kepentingan sekelompok masyarakat sedangkan kerajaan bertanggungjawab terhadap keselamatan dan kesejahteraan 28 juta rakyat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, tidak perlu dibimbangi sekiranya rang undang-undang ini diluluskan dan mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, pihak kementerian selanjutnya akan merangka peraturan-peraturan dan garis panduan-garis panduan yang menekankan tentang dengan izin Tuan Yang di-Pertua *do and don'ts* apa yang perlu dilakukan, apa yang tidak boleh dilakukan. Sebagai contoh dengan izin Tuan Yang di-Pertua, the *do and don'ts applied with* terma rujukan bagi perjalanan Lembaga Pencegah Jenayah dan mungkin juga untuk mewujudkan perintah Ketua Polis Negara bagi semua prosedur yang melibatkan pegawai-pegawai, anggota PDRM dalam melaksanakan undang-undang ini. Sekiranya peraturan-peraturan ini tidak dipatuhi, maka tindakan tegas boleh diambil terhadap mereka yang didapati melanggarnya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kerajaan juga akan melakukan artikulasi secara berterusan di seluruh negara melibatkan pelbagai pihak terutamanya pihak penguatkuasaan, pegawai penyiasat dan juga *stakeholder* di negeri-negeri Sabah dan Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan rentetan daripada pemerluasan rang undang-undang ini di seluruh Malaysia dalam usaha memberi pemahaman yang menyeluruh.

Bahkan saya sudah membuat keputusan Tuan Yang di-Pertua, akan pergi bersama ke negeri-negeri dan wilayah tersebut untuk menjelaskan undang-undang ini. Individu-individu yang akan dikenakan perintah tahanan juga diperintah pengawasan tidak akan dibiarkan begitu sahaja kerana pihak kementerian telah pun mempunyai pengisian melalui modul-modul pemilihan yang telah dirangka dengan baik dan telah terbukti berkesan apabila adanya negara-negara maju ingin mempelajari modul-modul yang kita laksanakan di negara ini. Maka ini

merupakan satu pengiktirafan di peringkat antarabangsa terhadap program pemulihan yang selama ini kita laksanakan.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja penggulungan saya pada hari ini. Mana-mana persoalan Yang Berhormat-Yang Berhormat saya cukup yakin banyak dan sebenarnya semua ada dalam ini Yang Berhormat. Saya cuba jawab secara bertulis kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih banyak. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Tuan Pengerusi, saya hendak kemukakan pertanyaan dalam Jawatankuasa.

**Tuan Pengerusi:** Okey, silakan sekiranya ada perbincangan.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Saya sebut sebagai Tuan Pengerusi kerana dalam Jawatankuasa. Benar begitu?

**Tuan Pengerusi:** Silakan.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai pindaan seksyen baru 7B dan 7C yakni berkaitan dengan *prevention of crime board*. Dinyatakan bahawa ada lima anggota dan seorang yang dilantik sebagai pengerusi yang bertaraf hakim namun empat yang lain itu tidak dinyatakan. Walaupun di peringkat dasar Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan secara umum, namun secara spesifik empat yang lain itu tidak dinyatakan mengenai syarat-syarat dan kriteria keanggotaan mereka. Pengerusi sebagai yang dinyatakan adalah hakim daripada Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan hingga Mahkamah Persekutuan. Saya ingin tahu di peringkat Jawatankuasa ini, apakah kriteria pemilihan empat anggota dalam *prevention of crime board* itu?

Yang kedua, apakah syarat apabila seseorang anggota *prevention of crime board* ini hilang kelayakan daripada terus menganggotai *board* atau majlis tersebut? Mengapa hal ini tidak disebutkan dalam cadangan atau rang undang-undang pindaan ini? Akhir sekali saya ingin menanyakan apakah ada cadangan untuk memastikan bahawa selain daripada pengerusi yang mempunyai syarat-syarat yang dinyatakan tadi adalah mewakili semua pihak yang berkepentingan. Sebagai contoh misalnya Majlis Peguam daripada Sabah, daripada Sarawak dan juga daripada orang yang difikirkan mempunyai integriti yang munasabah.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi saya ingin menanyakan mengenai perkara 7B(4) yang berbunyi dan saya petik, *subject to this act the board shall determine its own procedure*. Jadi, saya ingin tahu apakah prosedur itu? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Sila jawab Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat soalan 7B dan 7C tadi berhubung dengan kriteria orang yang dilantik menjadi ahli. Ini kerana sebagai pengerusi yang dilantik sama ada dia Hakim Mahkamah Tinggi, Persekutuan ataupun yang layak menjadi Hakim Mahkamah Tinggi dan Hakim Persekutuan. Itu pengerusi dan empat ahli Lembaga yang lain tidak disebut selain daripada dia mestilah orang yang berintegriti dan orang yang mempunyai semangat kemasyarakatan.

Maknanya, kita memberi ruang yang luas untuk apabila kementerian mengolah ataupun menggubal satu peraturan di bawah ini nanti yang menentukan kriteria-kriteria khusus yang bakal dibuat di antara Menteri, kementerian dengan Peguam Negara untuk menentukan siapakah di antara yang empat itu akan dilantik. Walaupun saya mendengar cadangan daripada Yang Berhormat mengatakan daripada pihak Pakatan Rakyat atau pembangkang dan juga pihak Peguam Negara. Akan tetapi pandangan saya perkataan pembangkang ini sebetulnya secara ikhlasnya saya sebut tidak eloklah.

#### ■1620

Sebenarnya kita gunakan mana-mana pihak Yang Berhormat, berintegriti tinggi yang layak kita lantik, kita lantikkan. Ini kerana Yang Berhormat, kalau *you* mahu *dream* mahu jadi *government* itu, *you* tidak boleh sepemegang *all the time*. Jadi, itu kena pandang daripada sudut yang besar, yang lama, *long term* itu ya kita punya peraturan. Jadi kita kena menggunakan istilah yang itu tadi. Akan tetapi apa yang patut kita bahas nanti ialah apabila peraturan itu telah dibuat dan diluluskan. Ini kerana biasanya peraturan ini, ia juga akan ditable untuk *discussion* dalam Dewan tetapi dibentang atas Dewan juga. Kalau Yang Berhormat terjumpa nanti, bolehlah bahas kalau ada benda-benda yang tidak betul. Jadi, ini juga *subject to scrutiny* oleh pihak Parlimenlah. Jadi kriteria yang khusus akan dibuat berlandaskan integriti dan yang bakal masyarakatan itu tadi daripada undang-undang.

Kedua ialah soalan hilang kelayakan. Kalau seseorang itu telah hilang kelayakan, saya cukup yakin pihak kerajaan kalau berlaku umpamanya, kalau peraturan mengatakan seorang yang tidak bankraplah umpamanya ataupun seorang yang tidak pernah masuk penjara umpamanya. Selepas itu dia termasuk ke dalam penjara, saya cukup yakin adalah atas kehendak. Saya cukup yakin Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan berkehendak kerajaan melapor secepat yang boleh supaya diturunkan beliau daripada pelantikan itu supaya *disqualified* daripada syarat-syarat itu. Jadi ini sebagai cadangan daripada Yang Berhormat. Saya berterima kasihlah kerana ia ada mirip kepada mempertahankan martabat Institusi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu.

Soal ketiga, *the board* yang boleh menentukan peraturan-peraturannya sendiri. Ini kerana tidak ada ditentukan di dalam ini, biarlah Lembaga itu kerana kita tidak mahu juga *interfere* banyak sangat. Berapa banyak kuorum dia? Berapa kali dia mengadakan mesyuarat setahun atau sebulan dan sebagainya? Jadi ini juga ditentukan oleh Lembaga itu sendiri supaya dia mengetahui apakah kuorum yang patut? Berapa orangkah? Di mana letaknya setiausaha dia? Adakah dari luar daripada kerajaan atau pun dari salah seorang daripada mereka? Ini perkara-perkara khusus yang amat *detail* perlu dibuat dan dikaji oleh pihak Lembaga. Saya cukup yakin akan juga berbincang dengan Ketua *Attorney General* sebelum Lembaga ini menentukan peraturan-peraturannya sendiri. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Fasal-fasal 1 dan 28 menjadi sebahagian daripada rang undang-undang.

*[Fasal-fasal 1 hingga 28 diperintahkan jadi sebahagian daripada undang-undang]*

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Oh! Berkenaan Dewan?

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** *Please.*

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** Tuan Pengerusi, *I* cuma mahu sentuh satu seksyen sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Silakan, silakan.

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** Seksyen 7A tetapi empat subseksyen dalam seksyen 7A. Pertama sekali seksyen 7A(1). Seksyen 7A(1) kalau kita lihat ayat dia, mungkin *I* mahu buat sedikit cadangan untuk beberapa pindaan dalam empat subseksyen ini. Kalau kita lihat seksyen 7A(1), perkataan “...*to be attached with an electronic monitoring device for a period as the Sessions Court Judge may determine...*” Akan tetapi tidak boleh *exceed*. Kalau sekarang kita lihat tidak boleh *exceed* 59 hari atau baki tempoh reman. Cadangan yang saya mahu buat pindaan supaya kita tukar *the last paragraph* untuk hadkan tempoh itu supaya tidak melebihi 38 hari atau 42 hari. Alasan kenapa saya buat pindaan ini, kalau kita lihat akta ibu, tempoh untuk *police supervision main act* pun selama 42 hari sahaja. Akan tetapi dalam sini kita buat 59 hari, tempoh untuk *police supervision* dalam *main act*. Itu satu.

Kedua, pindaan yang *I* mahu cadang ialah sama ada *either* untuk perenggan seksyen 7A(2) atau seksyen 7A(4) di mana seksyen 7A(2) dengan seksyen 7A(4) berkenaan dengan pemasangan *electronic monitoring device*. *I* mahu cadangkan supaya kementerian menimbang satu cadangan untuk memasukkan satu perkataan supaya pemasangan *electronic device* ini tidak menjejaskan *right to livelihood* supaya kalau esok dia mahu pergi kerja atau apakah, tidak hampa dia punya *right to livelihood*, tidak *affect* dia punya pekerjaan. Kalau esok benda ini *affect* dia punya pekerjaan, mungkin dia akan jadi *criminal* balikkah. *Consider somewhere* kerana buat masa ini kita pun tidak tahu apa bentuk *electronic monitoring device* itu sama ada gelangkah, garikah atau apa? Cuba nak *consider* itulah supaya tidak *affect* dia punya *livelihood*.

Cadangan yang ketiga ialah berkenaan dengan seksyen 7A(8). Seksyen 7A(8) ini berkenaan dengan lepas tempoh dia punya pemasangan *electronic monitoring device* ini supaya dia kena pergi ke *nearest police station* untuk *removal* itu. *I* rasa buat masa ini kalau kita lihat tidak ada SOP-SOP. Mungkin ada dalam poliskah atau apakah supaya kita lebih - kalau tidak ada, supaya kita adakan satu SOP untuk *removing* dia punya *electronic monitoring device*. Dalam sini kalau kita lihat subseksyen (2) ini ada peruntukan supaya pihak polis atau *Sessions Court Judge* untuk menerangkan cara untuk pasang dan *operation*. Saya cuma hendak *cover* cara untuk menanggalkan bila sudah habis tempoh.

Pindaan yang terakhir yang saya ingin cadang ialah kepada perenggan seksyen 7A(7). Seksyen 7A(7) ini membenarkan *I* baca "...such person shall be liable to pay for any damage to the electronic monitoring device". Di sini saya ingin cadangkan supaya kita masukkan satu lagi ayat atau bersambung ayat itu "*not exceeding*" satu harga. Kita tetapkan harga dahulu. Kita kena tetapkan *not exceeding*. Kalau kita lihat di sini tidak ada sebut berapa kos dia. Pada saya, buat masa ini kita pun tidak tahu. Kita pun tidak tahu berapa kos dia, siapa pembekal dia, beli dari mana, negara mana, tenderkah, *negotiation*kah atau apa? *I* rasa kita kena tetapkan satu harga, *maximum cost*. Kalau tidak, dia nampak macam - kalau esok kita kenakan satu harga yang tinggi sangat *and then* dia tidak boleh bayar, kita akan gunakan subseksyen (6) untuk masukkan dia balik ke penjara kerana dia sudah melanggar syarat ini. Kena masuk balik tiga tahun. Pada saya, saya rasa ini munasabah kerana isu *electronic monitoring device* kalau tidak salah, sudah timbul lebih kurang dua tahun dahulu masa-masa SOSMA. So pada saya, *I* rasa kementerian sudah tahu harga *electronic monitoring device*. So, ini cadangan saya untuk memperbaiki lagi pindaan ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, silakan Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat. Pertama saya kena perelaskan kepada Yang Berhormat sistem Parlimen kita ialah mana-mana rang undang-undang ataupun pindaan kepada rang undang-undang,, kita kena beri notis mengikut peraturan. Jadi, di sini dia tinggal menjadi satu cadangan Yang Berhormat sahaja. Kalau ada pindaan pun, ia hanya boleh dibawa kepada persidangan Dewan pada masa yang akan datang. *Insyallah* saya akan *put on record* Yang Berhormat, dengan izin Tuan Pengerusi, apa Yang Berhormat cadangkan.

Pertama tadi ialah pindaan kepada EMD *attachment* ini. Itu dia *right to livelihood*. Itulah sebabnya Yang Berhormat kita tidak mahu dia ini ditahan dalam penjara, dalam *detention* dan sebagainya. Ini kerana kita hendak supaya dia boleh menjalankan pekerjaan harian untuk kehidupan dia, tidak terjejas dengan menggunakan barang ini daripada kaki dan tangan. Bahkan kementerian telah berbincang dalam peringkat ini supaya EMD yang kita guna pakai tidaklah begitu besar sangat dan tidaklah begitu mudah sangat dia pecah, rosak dan sebagainya ataupun rosak dan pecah dengan sendirinya daripada sudut itu.

Saya berterima kasih dengan Yang Berhormat tadi, seorang Yang Berhormat wanita yang berucap panjang lebar pengetahuan beliau soalan EMD ini. Saya kagum juga. Saya

hanya boleh melihat lima atau enam jenis sahaja. Daripada kos yang lebih tinggi sebagaimana Yang Berhormat sebut tadi, boleh. Bila dia sudah masuk dalam terowong mana pun, dia boleh memancarkan *signal* di mana dia berada dan berkomunikasi terus dengan mesin itu. Mesin itu boleh beritahu saya, "*Eh! kawan, jangan masuk sini. Sudah keluar dari batasan ini*". Itu batasan-batasan tertentu telah dihadkan oleh pihak hakim mengatakan yang dia tidak boleh keluar daripada batasan-batasan tertentu dan mesin boleh memberitahu kepada dia, dia telah hampir keluar daripada batasan-batasan tersebut. Ada radio, dia beritahu dengan sendiri.

■1630

Jadi, berjenis-jenis EMD ini. Jadi, nilai saya amat bersetuju apa Yang Berhormat sebut. Memang ada jenis *very simple one* yang hanya menunjuk bahawa dia hampir terkeluar tetapi tidak boleh *communicate*. *Two ways communication* tidak ada pun, ada juga kita lihat. Saya sudah ditunjuk banyak mesin-mesin ini tetapi Yang Berhormat, kita tidak boleh mendahului Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Kalau mendahului Dewan Rakyat dan Dewan Negara itu salah daripada sudut peraturan Dewan itu sendiri. Jadi, dengan itu kementerian hanya boleh menyelidik, melihat dan meminta orang buat *presentation* kepada kementerian jenis-jenis yang boleh diguna pakai. Kebaikan produk-produk yang tertentu. Akan tetapi kita tidak boleh membeli dahulu hinggalah undang-undang yang membolehkan EMD ini dipakai. Barulah boleh kita mengenal pasti produk mana yang kita hendak beli dan meminta duit kepada kerajaan untuk membeli produk itu.

Ketiga, saya cukup yakin, Yang Berhormat. SOP ini saya setuju dan terima kasih Yang Berhormat, atas cadangan itu. Saya akan bawa kepada pihak polis dan juga kepada pihak Kementerian Dalam Negeri untuk mengadakan satu EMD, bahkan kita boleh buat *recommendation* kepada Lembaganya nanti yang bakal menentukan sebagai pengawas mereka ini supaya SOP yang tertentu diwujudkan bagaimana penggunaan. Apabila sampai tiba masanya nanti, dia akan mengetahui *police station* mana yang dia akan bawa dan dia akan dibuka di sana dan pihak polis jangan mengambil enteng sahaja dengan mengatakan kunci tidak adalah, ini tidak ada. Senang sahaja, Yang Berhormat.

Saya ditunjukkan perkara ini semua senang. Mudah buka tetapi kalau tidak ada kuncinya, sama kunci elektroniknya, memang payah dibuka melainkan dibinasakan. Itulah sebabnya soalan keempat Yang Berhormat itu dimasukkan iaitu kalau seseorang itu dengan sengaja membinasakan perkara ini, barang ini, mesin ini, EMD ini, dia kena hukuman. Itulah sahaja tujuannya. Bukan kerajaan hendak ambil untung dan sebagainya. Hanya mengelakkan daripada EMD ini dibinasakan, dirosakkan oleh pihak yang memakai EMD ini nanti. Akan tetapi cukup yakinlah Yang Berhormat, kita akan ambil semua perhatian kepada cadangan-cadangan Yang Berhormat sebut. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ya, silakan Yang Berhormat.



**4.32 ptg.**

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Tuan Pengerusi, ada satu *inquiry* yang saya hendak kemukakan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita difahamkan bahawa Lembaga Pencegahan Jenayah akan menyediakan laporan tahunan untuk dihantar ke Parlimen. Saya ingin hendak tanya di sini. Siapa yang bertanggungjawab atas laporan ini? Dulu kita boleh tanya menteri tetapi sekarang tugas itu hampir diambil alih oleh Lembaga Pencegahan Jenayah.

Kedua, laporan yang dikemukakan di Parlimen, bolehkah dibahaskan atau hanya untuk, dengan izin, *for your information*?

**Tuan Pengerusi:** Silakan, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, guna istilah itu jugalah. Sebenarnya laporan daripada Lembaga ini samalah juga dengan laporan daripada Lembaga Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM). Ia akan dihantar menerusi Jabatan Perdana Menteri. Oleh kerana ia di bawah Yang di-Pertuan Agong dan *channel* yang betul bagi laporan tersebut adalah menerusi Jabatan Perdana Menteri sebagaimana laporan-laporan Lembaga-lembaga lain. Semuanya menerusi sana dan disampaikan ke Dewan Parlimen. Jadi, *insya-Allah* Yang Berhormat, jangan bimbang. Ia akan disampaikan dan mekanisme itu akan diguna pakai. Kalau Lembaga itu akan membuat laporan dan diberi kepada Kementerian Dalam Negeri, adalah menjadi tugas dan tanggungjawab di bawah undang-undang ini yang Kementerian Dalam Negeri hendaklah *absolute obligation* menyampaikannya kepada Dewan-dewan Parlimen iaitu Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Kedua ialah soalan perbahasan, Yang Berhormat. Ini jadi banyak perbincangan dan perbahasan di banyak pihak. Umpamanya, Laporan SUHAKAM. Ada mengatakan kenapa tidak dibentang untuk dibincangkan. Sebenarnya Yang Berhormat, apabila suatu agenda terbangkit, umpamanya agenda dalam belanjawan. Saya terdengar perkataan bajet dalam kepala saya tetapi saya tidak pernah hendak guna bajet itu. Dalam bahasa Melayu, belanjawan itu elok dan cantik. Belanjawan itu disebut, masa itu kita boleh bangkit. Laporan itu akan sama dan sampai. Kita gunakan peluang masa itu kita bahaskan, soalkan dan tanyakan kepada kementerian yang diberi oleh Kabinet, diluluskan oleh Kabinet dan akan bertanggungjawab untuk menjawab persoalan-persoalan yang dibangkit di bawah Lembaga itu nanti. Jadi, itulah prosedurnya Yang Berhormat. Walaupun tidak ada sebagai agenda khusus untuk dibahaskan. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Ya.

**4.35 ptg.**

**Dr. Syed Husin Ali:** Tuan Yang di-Pertua sebagai Tuan Pengerusi Jawatankuasa ini. Saya ingin merujuk kepada seksyen baru iaitu 9A. Ini ada berkaitan dengan akses *to inquiry officer to detainees or prisoners*, dengan izin. Selain dilaporkan bahawa dalam proses *inquiry*

ataupun penyiasatan, berlaku salah guna kuasa. Kadang-kadang berlaku penyeksaan dan saya ingin dapat tahu sama ada dapat diadakan SOP atau peraturan yang jelas untuk memastikan bahawa bukan sahaja tidak berlaku penyeksaan tetapi kalau berlaku penyeksaan, mesti ada mekanisme untuk orang yang ditahan itu membuat laporan kepada polis. Ini berdasarkan, dengan izin, pengalaman saya sendiri. Umpamanya, sewaktu saya ditahan di bawah ISA. Saya dipukul, saya ditempeleng, saya disuruh telanjang dan pelbagai kezaliman yang lain dan tidak tahu apakah boleh berlaku dalam keadaan di bawah ini? Jadi, itu sebab saya ingin tegaskan supaya perlu adanya SOP tersebut. Itu pertama.

Keduanya ialah dalam seksyen yang baru iaitu 9A(2), nampaknya tidak dibenarkan kehadiran peguam bagi orang tahanan semasa penyiasatan. Jadi, adakah kerajaan bercadang membenarkan SUHAKAM sekurang-kurangnya diwakili semasa *inquiry* tersebut. Kalau peguam tidak boleh, tidak bolehkah misalnya SUHAKAM hadir untuk melihat proses tersebut? Jika tidak, mengapa dan apa langkah yang boleh diambil untuk elak penganiayaan terhadap orang tahanan yang belum disabit dengan apa-apa kesalahan? Ini kerana ini hendak siasat. Belum sabit lagi. Kita hendak cari bukti. Jadi, kita tidak mahu kezaliman berlaku pada peringkat itu.

Ketiga, bukan sahaja misalannya berlaku penganiayaan tetapi berlaku kematian semasa dalam lokap. Mengikut laporan yang rasmi, lebih kurang 156 orang telah mati dalam lokap antara tahun 2000 hingga 2011. Jadi, dalam soal yang mati ini, saya rasa perkara ini sangat serius. SUHAKAM sendiri menganggap perkara ini serius, bahkan kita lihat misalnya, mahkamah-mahkamah di luar negara selalu membuat keputusan yang memandang berat soal kematian dalam lokap ini. *Death in custody*. Umpamanya, Supreme Court of India, dengan izin, mengatakan, "*death in police custody is one of the worst kind of crime in a civilized society, govern by the rule of law and poses a serious threat to an orderly civilized society. Torture in custody flouts the basic rights of the citizens and an affront to human dignity*".

Kemudian misalnya di England, keputusan atau *judgment* yang dibuat oleh *Lord Bingham of Cornhill in RMR on application of versus Secretary of State for the Home Department*, dengan izin, saya baca sedikit. "*A state must not unloftly take life and must take appropriate legislative and administrative steps to protect it, but the duty does not end there. The state owes a particular duty to those involuntarily in custody. Such person must be protected against violence or abuse in the hand of the state.*"

#### ■1640

Jadi ertinya perkara ini memang perkara serius, perkara ini berlaku kerana sampai 156 orang telah mati dalam *custody*. Jadi, kita ingin dapat jaminan sekurang-kurangnya tiap-tiap kematian akan dibuat *inquiry* yang penuh. Apa puncanya dan jangan hanya ditutup. Saya dari segi ini berasa gembira kerana Ketua Polis Negara telah memberikan pengakuan bahawa akan disiasat dengan teliti soal-soal kematian dalam *custody* ini. Saya harap bahawa apa yang dijanjikan oleh beliau yang diumumkan dalam akhbar akan dapat dilaksanakan dengan kesan yang terbaik sekali. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ada siapa-siapa lagi?

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi:** Silakan.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sebenarnya ini merujuk kepada satu seksyen baru 15A di mana kalau dibaca kepada seksyen itu memperuntukkan *there should be no judicial review*. Jadi seolah-olah apabila disebut tidak dibenarkan sama sekali dibuat sebarang semakan kehakiman ke atas sebarang tindakan dan keputusan yang telah dibuat oleh Lembaga, menampakkan keputusan Lembaga yang agak mutlak dan tidak boleh dipertikaikan. Jadi, sekiranya tidak berpuas hati dengan mana-mana keputusan *board* ataupun tindakan *board*, adakah terdapat sebarang dengan izin, legal *redress* untuk menangani terdapat apa-apa kemungkinan keputusan *board* yang boleh dipertikaikan. Itu sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya minta menjawab, [*sambil membetulkan seluar*] Orang Sarawak kata terlundur seluar saya sebab ada orang guna loghat Kelantan tadi, saya pun tidak faham. Sekali sekala saya hendak pakai Sarawak juga. Itulah menunjukkan baiknya menggunakan bahasa Malaysia di dalam ini. Yang Berhormat Tuan Syed tadi menyoal tiga soalan. Pertama, SOP untuk *inquiry officer*. Kedua, kehadiran peguam dan yang ketiga, mati dalam lokap. Terima kasih untuk soalan itu.

Pertama, saya, kita akan cadangkan kepada pihak lembaga mengadakan SOP untuk *inquiry officer* kerana soalan lembaga itu, KDN memang tidak banyak mahu terlibat supaya Kementerian Dalam Negeri itu tidak dilihat sebagai campur tangan dengan hak dan kuasa Lembaga. Ini supaya kita mencadangkan sahaja kehendak Ahli-ahli Parlimen yang berkehendakkan supaya diadakan SOP kepada *inquiry officer*. Saya cukup yakin akan dibuat tetapi dalam *sudden* satu sudut yang lain, *inquiry officer* ini saya cukup yakin akan diistilahkan sebagai pegawai kerajaan. Kalau dia sebagai pegawai kerajaan, dengan sendirinya dia akan terkena di bawah seksyen-seksyen atau peraturan-peraturan kerajaan yang tertentu yang mana kalau dia melakukan satu kesalahan dan kesilapan, dia akan dikenakan tindakan sebagaimana pegawai-pegawai kerajaan yang lain. Maknanya istilah itu akan menentukan bahawa jenis apakah disiplin ataupun tindakan yang boleh diambil kepada pegawai *inquiry* itu nanti kalau dia diistilahkan sebagai *the government servant* ataupun orang kerajaan. Jadi saya cukup yakin kalau tidak ada SOP pun, SOP kerajaan yang wujud sekarang boleh diguna pakai dan akan diguna pakai untuk mengenakan pihak *inquiry officer*. Itu jawapan yang pertama.

Kedua, soalan peguam ini tadi. Saya hendak baca sekali lagilah apa yang saya sebut tadi, mungkin tadi terlalu cepat sangat saya baca dan mungkin Yang Berhormat Senator Tuan Syed tidak dengar tadi sebab saya baca cepat sangat. Orang tahanan juga diberi hak untuk diwakili oleh peguam semasa rakaman percakapan dirakam oleh pegawai *inquiry* semasa *inquiry* dijalankan. Ini jelas menunjukkan bahawa apabila dia hendak diselidik, disoal siasat dan

sebagainya, peguam boleh hadir bersama dengan pegawai itu. Jadi dalam keadaan sedemikian, maknanya terjaminlah pihak ini akan disoal dengan baik, sebaik mungkin.

Dengan itu, saya kembali kepada yang ketiga iaitu mati dalam lokap. Biarlah saya jelaskan panjang lebar. Semalam saya baru mempengerusikan satu jawatankuasa yang ditubuhkan untuk menentukan sama ada kerajaan akan menubuhkan *Coroner Court*. Daripada sudut *Coroner Court* ini yang dikatakan banyak pihak termasuk Menteri-Menteri daripada Jabatan Perdana Menteri berhubung daripada keputusan Kabinet, Perdana Menteri hendaklah mengadakan *Coroner Court* dan saya dengan tidak disangka telah diminta mempengerusikan secara teknikalnya mengkaji.

Jadi biar saya buat satu *correction* Yang Berhormat. Sebenarnya ada 233 kes berlaku kematian sepanjang 13 tahun. Jadi kalau kita lihat daripada sudut itu, kita melihat hanya satu kes satu bulan. Jadi dalam masa yang sama, saya telah mengarahkan pihak penjara, pihak imigresen memberi laporan kepada saya kematian dalam tahanan imigresen, kematian dalam tahanan penjara. Apa yang saya dimaklumkan hanyalah 16 orang dalam masa 13 tahun. Jadi ini saya akan kaji dan melihat macam mana kematian dalam tahanan ini berlaku. Semalam saya dikunjungi oleh seorang pakar daripada England yang mengatakan bahawa di England, kematian dalam lokap adalah satu perkara yang pernah berlaku tetapi tidak pernah dibuat satu kontroversi. Ia ada lebih tinggi daripada jumlah yang ada di Malaysia, mengikut kata beliau.

Jadi dalam keadaan sedemikian, walaupun demikian, kerajaan melihat serius perkara ini untuk menangani masalah ini. Jadi kita telah membuat keputusan iaitu kita adakan *central lockup* dilengkapi dengan CCTV dan ia tidak disamakan lagi dengan *police station* dan tiap-tiap orang yang keluar dan masuk akan diperiksa oleh pihak doktor dan sebagainya. Lagi, dalam di antara yang 233 kematian itu, 90 kes yang kita majukan, semua kes ini disiasat sebenarnya Yang Berhormat. Jadi sistem dalam polis ini Tuan Pengerusi, cukup arif. Daripada CID dulu cukup arif dalam hal ini. Apabila *inquiry* itu siap, *inquiry paper* itu akan dihantar kepada pihak DPP. Bila sampai kepada pihak DPP, DPP akan menghantar *inquiry paper* ini kepada Majistret dan Majistret akan membuat keputusan sama ada inkues dibuat ataupun tidak. Di antara yang 233 kes ini, 90 kes sebenarnya diarahkan oleh pihak Majistret, telah meneliti *inquiry paper* yang semuanya ini 90 kes Majistret arahkan tidak payah buat inkues.

Di antara yang 233 itu, dua kes yang didapati mana polis telah mendera dan dituduhkan di mahkamah. Jadi dalam keadaan yang sedemikian, yang lain itu didapati kesalahan-kesalahan tertentu, maknanya HIV, *asthmatic* dan sebagainya. Ini kita hendak elak juga ini, kita hendak elak mereka ini dimasukkan ke dalam penjara, takut dalam lokap polis, takut dia *asthmatic*, tidak cukup tidur, tidak cukup tebal selimut, mungkin kesejukan, dia mati macam itu. Jadi dalam keadaan sedemikian, kita selidiki. Saya mengkaji semula semua aspek dalam Jawatankuasa ini dan saya belum membuat satu-satu keputusan berhubung dengan perkara ini tetapi *insya*-Allah dia tetap akan memuaskan perasaan dan kehendak masyarakat termasuk Yang Berhormat nanti apabila siap.

Jadi dalam keadaan sedemikian Yang Berhormat, perjalanan ini memang saya cukup yakin IGP punya *undertaking* itu memang betul. Semua dibuat *inquiry*, tanya dengan Tuan Pengerusi, pernah menjaga CID dahulu. *Inquiry* dibuat tetapi keputusan bukan kita, keputusan di tangan Majistret. Saluran dia daripada polis pergi ke DPP, daripada DPP dia pergi ke Majistret, Majistret yang buat keputusan. Adakah inkues, tutupkah ataupun tuduhkah? Itu Majistret punya tanggungjawab tetapi saya sekarang melihat daripada sudut lain. Saya kata *every case* yang diinvestigate oleh polis berhubung dengan kematian dalam tahanan, kita cadang pinda. Majistret, DPP *has no discretion* dalam soal itu, mesti dibuat inkues. Ini saya masih fikirkan, saya akan berbincang dengan pihak Peguam Negara, berbincang dengan pihak kehakiman sama ada ini *is a tenderable or not* cadangan saya ini, tetapi masih dalam cadangan.

Tuan Pengerusi, jadi dia jauh perbezaan daripada apa yang kita amalkan sekarang yang kadang-kadangnya apabila barang ini dihantar, semua orang *blame* polis tetapi sebenarnya bukan polis yang punya ini.

#### ■1650

Ini semua pihak terlibat. Kedua, kita hendak lihat juga sama ada pinda CPC ataupun kita ikut Singapura, yang mana mempunyai undang-undang inkuesnya sendiri. Ia akan menentukan apa jenis inkues dan sebagainya dan apa butiran-butiran keperluan kita di bawah Undang-undang *Coroner Court* ini nanti. Jadi sama ada kita pinda CPC atau buat undang-undang yang baru. Jadi kita akan nilai Yang Berhormat dalam masa yang singkat kalau saya masih ada dalam kementerian ini, kita akan buat untuk memuaskan hati semua pihak. Terima kasih.

Jadi soalan kedua tadi, *judicial review*. Saya pun cari mana *judicial review* saya itu. Yang Berhormat, orang tahanan mempunyai hak untuk membuat permohonan *habeas corpus* terhadap perintah tahanan yang dibuat oleh lembaga atau membuat semakan kehakiman terhadap perintah pengawasan yang dikeluarkan oleh Lembaga. Di dalam permohonan ini, aspek hanya boleh mempertikaikan mengenai ketidakpatuhan prosedur. Mahkamah tidak boleh mempertikaikan keputusan lembaga berkaitan perintah tahanan atau perintah kawasan kecuali atas ketidakpatutan prosedur. Ini kerana Lembaga telah berpuas hati terhadap kepentingan keselamatan awam atau pencegahan jenayah. Perkara ini adalah terletak di tangan Eksekutif.

Ini ada satu keputusan kes Yang Berhormat. Ini tebal sangatlah Yang Berhormat. Sebenarnya saya sudah dapat kes itu. Mana kes itu tadi? Dia ada satu kes yang mana hakim telah meluluskan dalam satu kes mahkamah yang mengatakan bahawa itu adalah hak Eksekutif menentukan apa yang berlaku dalam *inquiry* itu. Hanya kalau prosedurnya salah, itu sahaja yang boleh dibawa ke mahkamah. Jadi kes ini sudah dibuat oleh Hakim Malaysia pada tahun 1969. Kes ini masih belum di *overrule* Yang Berhormat. *It is still a good law in our country*.

Jadi dengan keadaan sedemikian, itulah undang-undang ini, dibuat berlandaskan kes ini sebenarnya. Sebagaimana di negara-negara lain, di mana sahaja negara kalau Parlimen itu

hendak menggubal sesuatu undang-undang, ia akan mengambil kira kes-kes *decision* mahkamah yang menginterpretasikan, menterjemahkan undang-undang itu secara pandangan mahkamah. Undang-undang itu akan diambil kira oleh pihak penggubal undang-undang apabila undang-undang itu dibawa ke sini. Itulah jenis undang-undang yang disebutkan di sini Yang Berhormat masih mengikut keputusan undang-undang yang dibuat oleh hakim di mahkamah pada 1969. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Begitulah jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri. Dengan itu saya percaya kali pertama saya berasa amat gembira menampakkan peningkatan pemahaman yang begitu baik. Apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat itu tadi, Yang Berhormat semua itu tadi diambil kira dan masuk dalam *Hansard*. Kita mendoakan umur panjang dan *insya-Allah* agaknya apa yang dijanjikan tadi akan diperkotakan untuk membaiki segala undang-undang yang ada. Apabila saya dengar sebentar tadi agaknya sudah pun memuaskan hati juga pihak yang telah membangkitkan soal *judicial review*, soal kedudukan. Banyak perkara telah dijawab, cukup baik sekali. Saya percaya semua pihak sama-sama berharap akan menerima perubahan dalam perkara ini. Tanpa membuang masa lagi saya teruskan bahawa selain daripada apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat tadi sebagai apa yang telah pun dibangkitkan.

**[Fasal-fasal 1 hingga 28 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang-undang]**

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan untuk kemukakan Usul Penangguhan.

**USUL****MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH  
PERATURAN MESYUARAT 15(3)**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 15(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN****Skim Rumah Mesra Rakyat**

**4.57 ptg.**

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam.*

**Dr. Syed Husin Ali:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tajuk ucapan saya ialah Skim Rumah Mesra Rakyat, Gadaian Tanah Zalim. Perumahan menjadi satu isu di kalangan rakyat terutamanya di kalangan kelas menengah dan bawah akibat kenaikan mendadak harga rumah pada tahun-tahun kebelakangan ini. Harga rumah telah meningkat sehingga di luar jangkauan menjadikan impian untuk memiliki rumah sendiri sekadar angan-angan ataupun igauan ngeri kepada sebahagian besar rakyat terutamanya golongan pekerja.

Sebahagian dari punca kenaikan harga adalah kekurangan bekalan berbanding permintaan dari dalam dan luar negeri. Ini mengakibatkan perumahan menjadi satu komoditi rebutan dan dimanipulasi oleh spekulator hartanah. Menurut *National Property Information Centre* (NAPIC) bekalan rumah baru dalam setahun di seluruh negara adalah kira-kira 100,000 unit, manakala keperluan di Kuala Lumpur dan sekitarnya sahaja menjangkau satu juta unit jika populasi setempat meningkat dari enam juta kepada sepuluh juta menjelang tahun 2020 seperti yang dijangka oleh PEMANDU.

Beberapa program telah diperkenalkan kerajaan dalam usaha mengubah keadaan ini, bagi membolehkan rakyat memiliki rumah. Antaranya adalah Skim Rumah Pertamaku serta Skim Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia. Ucapan ini bertumpu pada Skim Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia. Skim ini membolehkan rakyat yang kurang berkemampuan memiliki rumah sendiri setelah melalui beberapa proses yang digariskan. Skim Rumah Mesra Rakyat adalah di bawah pengurusan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), anak syarikat milik penuh Menteri Kewangan (Diperbadankan).

### ■1700

Berdasarkan sedikit sebanyak maklumat yang dikumpul melalui sumber yang ada di ruang maya, Skim Rumah Mesra Rakyat telah diperkenalkan mungkin seawal tahun 2002 dan telah dijenamakan semula sebagai Skim Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia. Dilaporkan SPNB telah meluluskan 31,311 permohonan dan 17,479 rumah telah siap dibina.

Negeri	Unit Rumah
Johor	4,920
Kelantan	4,813
Terengganu	4,756
Perlis	800

Ini merupakan jumlah yang besar. Di bawah program ini, permohonan yang berjaya akan ditawarkan sebuah rumah bernilai kira-kira RM65,000 dengan potongan RM20,000 menjadi RM45,000. Rumah tersebut perlu dibina atas sebidang tanah yang dimiliki oleh pemohon atau tuan tanah yang memberikan keizinan untuk binaan rumah di atas tanah mereka. Pembayaran rumah adalah melalui ansuran bulanan sebanyak RM150 selama 26 hingga 30 tahun. Permohonan dilakukan melalui wakil rakyat tempatan, biasanya wakil rakyat UMNO atau pejabat cawangan UMNO. Penerima yang berjaya wajib menandatangani perjanjian gadaian dengan SPNB Construction Sdn. Bhd. yang mana hak milik tanah tersebut menjadi taruhan.

Jika mana-mana penggadai dan atau penerima biaya memungkirkan salah satu dari sembilan syarat yang dikenakan termasuklah gagal membayar satu atau lebih ansuran atau mati sebelum tamatnya tempoh perjanjian atau menyelesaikan baki gadaian, maka pemegang gadaian iaitu SPNB serta-merta berhak mendapatkan kembali jumlah wang yang masih terhutang termasuklah dan tidak terhad kepada tindakan pelelongan. Jadi tanah itu mesti dilelong seperti yang terkandung dalam peruntukan Kanun Tanah Negara.

Apa yang menjadikan perjanjian gadaian ini seolah-olah satu perjanjian syaitan atau pun *pact with the devil*, dengan izin, adalah kerana tanah yang menjadi cagaran tidak terhad kepada tapak rumah sekangkang kera yang berukuran antara 700 hingga 866 kaki persegi sebaliknya merangkumi keseluruhan geran tanah di mana rumah tersebut dibina. Sebagai contoh, jika rumah tersebut dibina atas geran tanah seluas dua hektar, maka keseluruhannya akan tergadai jika berlaku kemungkirkan seperti yang dinyatakan. Jika tanah tersebut dimiliki oleh beberapa pemilik selain daripada pemohon, kesemua pemilik perlu bersetuju atas pegangan gadaian dan berisiko kehilangan hartanah yang sedia ada. Jika berasaskan bilangan 30,000 unit yang dirancang, yang mana jika siap unit dibina di atas tanah seluas satu ekar, maka SPNB memegang gadaian sekurang-kurangnya 30,000 ekar.

Saya berpendapat peraturan ini sangat zalim. Kerajaan dikatakan mahu membantu golongan yang tidak memiliki rumah. Akan tetapi ia boleh mengakibatkan kehilangan milik tanah jikalau syarat-syarat yang dikenakan tidak dapat dipenuhi. Saya ingin tahu sejak bila



syarat ini telah dikenakan dan sila berikan maklumat berapa kes penggadaian atau kehilangan milik yang telah berlaku? Sekiranya belum berlaku sebarang kes penggadaian atau kehilangan tanah, saya menggesa agar peraturan ini difikirkan semula untuk diubah supaya tidak menjadi beban yang berat kepada mereka yang sangat-sangat berharap untuk membina rumah terutama sekali dari kalangan mereka yang susah atau berpendapatan rendah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

#### 5.04 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali atas ucapan penanguhan beliau.

SPNB ditubuhkan pada 21 Ogos 1997. Objektif penubuhan ialah menyediakan rumah mampu milik yang berkualiti pada setiap keluarga di Malaysia, khasnya bagi golongan berpendapatan rendah. Projek yang dilaksanakan ada lima:

- (i) Rumah Mampu Milik (RMM) yang terdiri daripada rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan kos sederhana. Harga antara RM42,000 hingga RM250,000;
- (ii) Rumah Mesra Rakyat (RMR) yang dibangkitkan dalam ucapan penanguhan ini. Harga Semenanjung Malaysia RM65,000. Sabah dan Sarawak RM70,000 hingga RM80,000;
- (iii) Program Pemulihan Rumah Terbengkalai; dan
- (iv) Program Rumah Idaman Rakyat akan dimulakan pada tahun 2014.

Struktur ekuiti SPNB, modal dibenarkan RM1 bilion, modal berbayar RM210 juta, pemegang saham 99%, Menteri Kewangan Diperbadankan dan 1% dipegang oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

Khusus tentang ucapan penanguhan ini, Rumah Mesra Rakyat yang telah disiapkan dari tahun 2009 hingga September 2013.

Negeri	Unit Rumah
Terengganu	2,516
Kelantan	2,616
Pahang	1,584
Perak	1,733
Pulau Pinang	119
Kedah	2,230
Perlis	362
Selangor	819
Negeri Sembilan	1,439

Melaka	898
Johor	2,607
Sabah	416
Sarawak	557

Ini menjadikan angkanya 17,896. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat dalam melaksanakan Program Rumah Mesra Rakyat, Syarikat Perumahan Negara Berhad berperanan sebagai pembiaya kepada pemohon-pemohon RMR. Pembiayaan ditawarkan berteraskan prinsip Islam melalui Konsep Al-Qardhul Hasan. Ini bermakna pemohon hanya diwajibkan membayar balik jumlah pokok prinsipal dari harga yang ditawarkan. Sebagai contoh harga seunit RMR sebanyak RM65,000 tetapi setelah ditolak subsidi sebanyak RM20,000, subsidi yang diberi oleh kerajaan, maka jumlah pembiayaan yang diterima oleh pemohon hanyalah RM45,000 sebuah rumah banglo.

Pemohon perlu membayar pembiayaan berjumlah RM45,000 tersebut sahaja dan tiada kadar faedah dikenakan oleh SPNB ke atas pembiayaan tersebut. Tempoh bayaran pembiayaan adalah lebih kurang 25 tahun dengan bayaran hanya RM150 sebulan. Oleh itu gadaian telah dimasukkan sebagai jaminan di atas pembiayaan yang diberikan bagi menjaga kepentingan SPNB selaku pemaju dan juga pemberi pinjam kepada peserta RMR sekiranya berlaku keingkaran dalam membuat bayaran pinjaman oleh peserta Rumah Mesra Rakyat.

Kaedah gadaian ini diterima pakai oleh SPNB sebagai mengikuti amalan terbaik yang diadaptasikan oleh institusi kewangan dalam menawarkan pembiayaan perumahan. Dengan memasukkan gadaian sebagai jaminan, peserta RMR akan lebih bertanggungjawab untuk membayar balik pinjaman kepada SPNB selain untuk menjadikan Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) lebih *sustainable*, dengan izin, supaya dapat diperluaskan kepada golongan yang kurang berkemampuan lain yang ingin memiliki rumah.

Segala wang yang terkumpul hasil dari bayaran balik oleh pemohon akan digunakan semula untuk membina RMR seterusnya. Pemohon dan tuan punya tanah yang mengikuti program ini juga telah memahami syarat ini dan sedia memberikan persetujuan semasa peringkat permohonan sehingga proses menandatangani perjanjian bahawa tanah tersebut akan digadaikan sehingga selesai pembayaran penuh wang pembiayaan.

Selain itu gadaian yang dimasukkan dibuat berdasarkan prosedur dalam seksyen 205(4) dan seksyen 241 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 di mana gadaian hendaklah dimasukkan bagi keseluruhan tanah. Ini juga merupakan amalan biasa institusi kewangan yang memberikan pinjaman perumahan melalui kaedah *end financing* sekiranya pembinaan rumah di atas sebidang tanah milik peminjam. Syarat ini telah dikenakan kepada semua peserta RMR SPNB sejak tahun 2003 lagi dan sehingga kini. SPNB tidak menghadapi sebarang masalah daripada pihak pemohon dan tuan punya tanah untuk menandatangani dokumen perjanjian dan gadaian.

■1710

Selain itu, sekiranya peserta memiliki sebidang tanah yang besar, sebagaimana yang disebutkan tadi, peserta adalah digalakkan oleh SPNB untuk memecah lot tanah tersebut dan gadaian tanah pada SPNB hanya akan tertakluk pada lot tanah yang mempunyai Rumah Mesra Rakyat di atasnya sahaja. Walau bagaimanapun, untuk urusan pecah lot adalah tertakluk kepada kerajaan negeri tetapi dikenakan caj sebanyak lebih kurang RM5,000 di mana ianya agak membebankan peserta.

Berdasarkan rekod setakat ini, SPNB belum pernah melaksanakan hak untuk melelong tanah yang berkenaan terhadap penguinkar. Sekiranya lelongan ini dilaksana sekalipun SPNB selaku pembiaya dan pemegang gadaian akan mengambil jumlah yang terhutang sahaja dan selebihnya akan dipulangkan kepada tuan punya tanah mengikut prosedur undang-undang. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang Ahli-ahli Yang Berhormat usul penangguhan sebagaimana yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sampailah masanya Majlis Mesyuarat kita akan selesai pada waktu ini dan saya mengambil peluang mewakili juga Timbalan saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bertungkus-lumus memerah otak dan dapat membahaskan empat rang undang-undang yang penting untuk dijadikan undang-undang negara. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang semua saya maklumkan tadi yang penting sekali ialah Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah yang mana Yang Berhormat Timbalan Menterinya sendiri telah datang dengan memberi satu aku janji ataupun persetujuan yang boleh sama-sama kita terima.

Saya telah menghayati bahawa pihak pembangkang sendiri pun bersetuju dari segi prinsipnya dari segi menangani masalah jenayah. Soalnya tinggal lagi ada persoalan yang tidak dapat diselesaikan atau diberi penjelasan oleh Yang Berhormat Menteri. Begitulah rupanya kalau seorang Menteri itu faham mengenai ilmu dalam bidang yang berkenaan senang kita di Dewan yang mulia ini.

Bagaimanapun, saya berhadap agar semua Ahli Yang Berhormat akan terus beri kerjasama untuk menentukan bahawa rang undang-undang yang akan diluluskan di dalam Dewan Negara ini dapat kita sama-sama bahaskan sebaik-baik mungkin demi untuk kebaikan negara kita di masa yang akan datang, insya-Allah. Sekian sahajalah Ahli Yang Berhormat Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga ke satu tarikh yang tidak ditetapkan. Sekian, *Wabillahi Taufiq Walhidayah, assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh*

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.13 petang]***